

KESEMBILAN

Ninth

PERTAMA

First

Jilid 1 Bil. 20 Hari Selasa 26hb. Disember, 1995

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan daripada Dewan Rakyat (Ruangan 1)

URUSAN MESYUARAT (Ruangan 2)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 3)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1996 (Ruangan 45)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan 124)

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN
Penggah Yang Pertama
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M.
(Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chong Chi Siong @ Chong Fah (Negeri Sembilan)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Haji Dol bin Dolah, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)

- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I.,
A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C.,
P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N.
(Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- J.P. “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K.,
(Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l
Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K.
(Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dato’ (Ir.) Ng Thian Hock, D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- P.P.N. “ Tuan Haji Othman bin Yunus, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N.,
(Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baهران, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Saidin bin Mohamad (Perlis)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Soong Siew Hoong, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S.,
.M.S.,
A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk K. Vijayanathan a/l Kesava Pillai, D.J.N., K.M.N., P.J.K.
(Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,
A.M.S.
(Dilantik)
- “ Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M.,
P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:	Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar, K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik
Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
	Haji Suhor bin Husin

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman
Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Rozita binti Abd. Samad

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 26hb. Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“21 Disember 1995

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT
KEPADA DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995;
2. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1995;
3. Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1995; dan
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995.

Yang ikhlas,

t.t.

Yang di-Pertua Dewan Rakyat”

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1995;
2. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1995;
3. Rang Undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir

Labuan 1995; dan

4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

-

**JAWAPAN JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

KHAZANAH HOLDING BERHAD - JUMLAH SAHAM

1. **Tuan Rahim bin Baba** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) saham-saham yang dimiliki oleh Khazanah Holding Berhad dan nilai pasarannya; dan
- (b) dari jumlah di atas berapakah yang telah dijual oleh Khazanah Holding Berhad dan jumlah pendapatan dan keuntungan dari penjualan tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah saham yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) ialah sebanyak 3,001.3 juta unit yang bernilai RM30,859.7 juta.
- (b) Daripada jumlah saham di atas, Khazanah telah pun menjual sebanyak 350,198,980 unit.

Pendapatan daripada penjualan saham-saham berkenaan ialah RM2,158.14 juta, manakala keuntungannya ialah RM1,803.98 juta.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Adakah Khazanah masih mempunyai saham dalam Hicom? Kalau ada, berapa banyak?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, Khazanah masih lagi mempunyai saham dalam Hicom sebanyak 6% keseluruhannya, iaitu berjumlah 67,605 saham yang bernilai lebih kurang RM275,830,000.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah cara atau proses bagi mereka yang berminat untuk memohon saham-saham yang dipunyai oleh Khazanah Holding Bhd. ini? Setakat ini siapakah yang menikmati saham-saham ini secara individu, secara syarikat, secara wang dana ataupun koperasi?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu proses yang ditetapkan. Cuma prosesnya kalau Yang Berhormat hendak tahu, boleh menulis kepada pihak Khazanah dan membuat proposals yang mungkin menarik dan proposal yang sesuai dengan kehendak perencanaan ekonomi negara dan kemungkinan ianya akan ditimbang.

Bagi soalan kedua, siapakah yang menikmati, semua Ahli Yang Berhormat tahu dan saya hendak sebut satu persatu adalah susah, tetapi orang yang paling banyak mendapat penjualan saham ialah Datuk Yahya dari DRB, Yang Berhormat pun tahu. *[Ketawa]*

CUKAI IMPORT - PENGHAPUSAN

2. **Tuan Eng Hoi Choo** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang sedang diambil dalam usaha menguatkuasakan penurunan atas penghapusan cukai import dan jualan ke atas lebih 800 jenis barangan yang diumumkan dalam Belanjawan 1996; dan
- (b) sejauh mana para peniaga telah menurunkan harga barangan terbabit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal

Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengumuman Belanjawan 1996 yang lalu telah melibatkan penurunan atau penghapusan duti import dan cukai jualan ke atas 800 jenis barangan dan pengurangan struktur duti ke atas 710 barangan yang telah dilindungi melebihi 10 tahun. Pengurangan duti import dan cukai jualan ini dilakukan oleh kerajaan untuk membolehkan barangan terlibat dijual dengan harga yang lebih murah.

Pada masa ini, kementerian sedang melaksanakan tindakan-tindakan tertentu untuk menentukan harga barangan terlibat diturunkan oleh pihak peniaga. Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan ialah:-

- (i) mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak pengeluar terlibat untuk mendapat komitmen mereka dalam menurunkan harga barangan tersebut;
- (ii) mengadakan perbincangan dengan persatuan-persatuan

- peniaga meminta kerjasama mereka untuk memberitahu dan menasihatkan ahli-ahli persatuan supaya menurunkan harga barangan yang terlibat;
- (iii) mendapatkan senarai harga baru daripada peniaga bagi barang-barang yang terlibat dengan penurunan atau penghapusan duti dan cukai jualan peniaga; dan
 - (iv) akan menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas peniaga-peniaga terlibat mulai pada awal tahun 1996 untuk menentukan mereka menurunkan harga barang-barang tersebut.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kementerian telah menerima respon yang menggalakkan daripada pihak-pihak pengeluar dan peniaga-peniaga barangan yang terlibat. Walau bagaimanapun, kementerian akan meneruskan tindakan-tindakan perlu bagi menentukan harga barangan terlibat akan diturunkan sewajarnya.

‘ESSENTIAL GOVERNMENT UTILITIES’ - PENSWASTAAN

3. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) adakah pelaksanaan penswastaan ‘Essential Government Utilities’ seperti lebuhraya, tenaga elektrik, najis, bekalan air lebih menguntungkan segelintir pemegang saham yang sememangnya bernasib baik. Apakah kerajaan sanggup mengorbankan kepentingan rakyat dari memberi keutamaan untuk ‘corporate benefit’ sesetengah individu sahaja;

- (b) adakah benar bahawa sebahagian hasil pendapatan dan keuntungan dari badan-badan yang diswastakan seperti lebuhraya di 'channel ke luar negara' untuk pelaburan. Sekiranya ini benar, bukannya aliran wang keluar ini menempuh risiko yang tinggi; dan
- (c) adakah benar bahawa pembangunan pesat sekarang hanya untuk persediaan 'Sukom 1998'. Ramalan sumber luar negara Malaysia akan menempuh recession besar selepas Sukom 1998. Adakah ramalan ini berasas.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin

Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Penswastaan 'Essential Government Utilities' adalah dengan tujuan untuk mengurangkan beban kewangan kerajaan dan juga untuk meningkatkan kecekapan badan yang diswastakan supaya dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna-pengguna dan seterusnya membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Anggapan bahawa penswastaan menguntungkan segelintir pemegang saham sahaja adalah tidak benar kerana kerajaan sentiasa menentukan supaya setiap projek diswastakan kepada syarikat-syarikat dan bukan kepada individu.

Di samping itu, kerajaan juga menggalakkan syarikat-syarikat yang mendapat projek penswastaan menawarkan saham-sahamnya kepada orang awam melalui penyenaian dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Pihak syarikat juga

dikehendakki mengadakan skim pembangunan usahawan bumiputera yang antaranya termasuk program vendor dalam keadaan yang sesuai bagi memberi peluang kepada usahawan bumiputera untuk turut sama terlibat dalam program penswastaan.

Program latihan dan pemindahan teknologi juga perlu dijalankan oleh pihak syarikat untuk faedah rakyat Malaysia. Bagi menjamin supaya penswastaan tidak akan membebankan rakyat miskin, kerajaan akan memastikan bahawa dalam menimbang sesuatu cadangan penswastaan, pertimbangan sewajarnya akan diberikan kepada implikasi cadangan tersebut ke atas pengguna untuk menjamin supaya kadar bayaran yang dikenakan tidak akan membebankan pengguna-pengguna.

- (b) Buat masa ini, kerajaan tidak dapat menentukan sama ada hasil daripada penswastaan badan-badan kerajaan disalurkan ke luar negara. Namun begitu, kerajaan sememangnya menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk meluaskan aktivitinya di luar negara dan ini juga termasuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam projek-projek penswastaan. Ini adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat yang terlibat menggunakan pengalaman di bidang penswastaan untuk terlibat di dalam

projek-projek penswastaaan di luar negara.

Dengan cara ini, syarikat yang terlibat akan dapat berkembang dengan lebih pesat dan seterusnya menghasilkan keuntungan kepada negara khususnya dari segi hasil pertukaran wang asing.

Pelaburan di luar negara sememangnya mempunyai risiko yang tinggi tetapi dari segi jangka panjang, ianya akan mendatangkan faedah kepada negara. Ianya juga mempunyai sinergi dengan perkembangan industri negara memandangkan kepada pasaran dalam negeri yang terhad. Dengan ini, pelaburan luar negara akan membolehkan negara meningkatkan eksport pada masa hadapan.

- (c) Adalah tidak benar anggapan bahawa pembangunan pesat sekarang semata-mata sebagai persediaan untuk Sukom 1998 memandangkan terdapat juga pembangunan yang sedang dijalankan sekarang yang melangkaui tempoh tersebut. Contohnya pembangunan Putrajaya akan dijalankan dalam tempoh 15 tahun.

Begitu juga beberapa pembangunan lain yang sedang dipertimbangkan untuk dilaksanakan. Walaupun terdapat kemudahan-kemudahan yang dilaksanakan bagi menjayakan

Sukom 1998 seperti stadium dan sistem transit aliran ringan tetapi kemudahan-kemudahan tersebut akan dapat juga digunakan walaupun selepas Sukom.

Contohnya stadium, akan boleh terus digunakan selepas Sukom 1998 untuk pembangunan bidang sukan negara secara keseluruhannya. Sementara itu, sistem transit aliran ringan pula akan terus digunakan selepas Sukom sepertimana yang telah dirancang terdahulu bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur.

Ramalan sumber luar bahawa ekonomi negara akan menempuh kemelesetan selepas Sukom 1998 adalah tidak berasas. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah pun melancarkan rangka rancangan jangka panjang kedua dan dasar pembangunan nasional yang akan menjadi landasan ke arah mencapai matlamat bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

Berdasarkan kepada matlamat ini, kegiatan pembangunan negara dijangka akan menjadi lebih pesat selepas Sukom 1998 bagi membolehkan negara mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang selesa bagi mencapai taraf tersebut. Berdasarkan kepada ramalan pembangunan negara, kerajaan

tidak menjangkakan negara akan mengalami kemelesetan selepas tahun 1998 memandangkan kedudukan asas ekonomi negara yang kukuh pada masa kini.

Kedudukan ekonomi negara yang telah dipelbagaikan juga tidak akan mudah terjejas hingga ke tahap kemelesetan. Tambahan lagi pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan kemahiran dan teknologi untuk memenuhi keperluan pembangunan negara yang semakin pesat.

Usaha untuk mengubah bentuk industri negara dari labour intensive kepada capital intensive juga akan menggalakkan lebih banyak pelaburan ke negara ini. Di samping itu, usaha-usaha untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur yang sedang dijalankan bukan sahaja oleh kerajaan tetapi juga oleh pihak swasta akan membantu menyediakan iklim pelaburan yang sesuai bagi menarik lebih banyak pelaburan dari dalam dan luar negara.

Malah pengalaman Malaysia semasa menghadapi kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 80-an dan telah berjaya mengatasi kemelesetan tersebut dalam tempoh yang singkat - telah membolehkan negara mengambil tindakan-tindakan awal bagi mengelak daripada terjebak ke dalam satu

kemelesetan baru.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, menurut jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, tujuan penswastan ialah untuk meringankan beban kewangan kerajaan dan juga untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa beban kewangan yang ditanggung oleh kerajaan sekarang telah pun dipindahkan kepada rakyat pula melalui proses penswastan ini dengan kenaikan umpamanya kadar elektrik, kadar bayaran telefon, kadar pembedungan Indah Water dan mungkin satu hari esok apabila penswastan bekalan air juga akan mengakibatkan kenaikan kadar air yang akan dikenakan kepada rakyat?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengurangan bebanan belanja kerajaan telah pun banyak diperkatakan. Yang disoalkan di sini ialah sama ada bebanan itu benar-benar telah dipindahkan kepada pengguna-pengguna. Yang diketahui umum, dari segi elektrik kerajaan masih tidak membenarkan syarikat yang berkenaan menaikkan harga dan kajian yang teliti sedang dijalankan. Kerajaan tidak akan membenarkan sesuatu syarikat yang menswastakan bekalan asas menaikkan harga begitu sahaja.

Dalam perjanjian antara kerajaan dengan syarikat-syarikat ini, ada disebutkan bahawa tiap-tiap kenaikan harga perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan kerajaan, dan dalam perkara ini, kerajaan amat teliti apabila menerima

permintaan untuk menaikkan harga dari syarikat-syarikat berkenaan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan tahniah kerana kerajaan telah mengurangkan bebanan. Tetapi soalnya sekarang, berapakah setakat ini bebanan itu dikurangkan dari segi kos tenaga kerja dan kos penyelenggaraan sektor kemudahan-kemudahan asas ini yang telah pun diswastakan?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka yang tepat di dalam tangan untuk memberi jawapan. Saya minta, kalau boleh, akan memberi jawapan bertulis.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan untuk (c), berkenaan dengan SUKOM ini. Kita tahu banyak negara-negara yang menjadi tuan rumah kepada sukan besar-besarannya dan persediaannya cukup hebat. Apabila habis sahaja sukan ini, dua tiga tahun kemudian kebanyakan kemudahan dan bangunan itu tinggal sebagai gajah putih atau dengan izin, "white elephant". Jadi, saya hendak tahu dari pihak kerajaan, kemungkinan bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan yang tidak sesuai, sebab ada sukan yang kita gemari dan banyak juga sukan atau aturcara yang kita tidak gemari. Bolehkah kerajaan memberi jaminan bahawa bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan itu akan memulangkan input ekonomi kepada negara kita pada empat atau lima tahun akan datang?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, dari segi bangunan-

bangunan, kalau bangunan-bangunan untuk tempat tinggal, tidak ada masalah oleh kerana permintaan memang besar. Di negara ini permintaan memang lebih daripada kemampuan kerajaan dan swasta untuk menampungnya, tetapi kalau Yang Berhormat bertanya mengenai kemudahan-kemudahan lain, saya rasa selain daripada menganjurkan SUKOM 1998, dengan adanya infrastruktur yang begitu canggih, kita akan mampu menjadi tuan rumah kepada berbagai macam lagi sukan yang pada jangka panjang akan memberi manfaat kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menawarkan untuk memberi jawapan secara bertulis, adakah Yang Berhormat bersetuju tentang itu?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Setuju.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan berkenaan dengan jawapan bertulis ini. Ada Yang Berhormat Senator-senator, kadang-kadang dijanjikan untuk mendapat jawapan bertulis. Saya dahulu pun ada Yang Berhormat Timbalan Menteri berjanji untuk menjawab secara bertulis, tetapi setakat ini, sudah hampir dua bulan setengah, tidak ada lagi jawapannya. Jadi, adakah ini untuk hendak menggembirakan kami pada masa ini sahaja ataupun sebaliknya? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya percaya itu menurut ungkapan Inggeris, "loud and clear". Jadi, tak payahlah saya ulangi. Semua pihak faham tentang perkara itu. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.

4.

PROGRAM RAKAN MUDA - SENARAI PALING DIGEMARI

4. Tuan Hanipah bin Ahmad [*di bawah S.O. 23(2)*] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan dalam program Rakan Muda, program apakah yang disukai oleh belia-belia dan apakah tindakan beliau dengan program yang kurang disukai oleh belia untuk dijayakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan pengalaman lebih 14 bulan pelaksanaan Program Rakan Muda, adalah didapati program yang membawa aktiviti-aktiviti ‘outdoor’ lebih disukai oleh golongan remaja.

Lima Rakan menduduki senarai teratas didahului dengan Rakan Rekreasi, Rakan Wajadiri, Rakan Cinta Alam, Rakan Sukan dan Rakan Kecergasan. Bagi Rakan Wirausaha dan Wiramahir, Rakan Seni Budaya, Rakan Rekacipta, Rakan Masyarakat dan Briged Rakan Muda yang kebanyakannya tidak bersifat ‘outdoor’ kurang diminati oleh remaja dilihat dari segi pendaftaran mengikut aktiviti.

Kedudukan minat yang tidak seimbang di antara 9 gaya hidup dan satu gerakan perkaderan ini telah dianalisis berpunca dari remaja lebih tertarik dengan aktiviti-aktiviti bercorak kecergasan fizikal, rekreasi dan keceriaan.

Bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan penyertaan remaja dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bersifat ‘outdoor’ melalui strategi berikut:-

- (i) menerapkan lima elemen teras aktiviti yang

mengandungi Aktiviti Rekreasi, Aktiviti Pembangunan Minda, Aktiviti Penguasaan Kecekapan ataupun competency, Aktiviti Kemasyarakatan dan Aktiviti-aktiviti Pembangunan Personaliti Diri secara bersepadu dalam semua Rakan yang tidak bersifat 'outdoor';

- (ii) memperbanyakkan penerangan, taklimat dan publisiti kepada semua Rakan yang kurang diminati; dan
- (iii) memperbaiki modul-modul program supaya lebih diminati, terutama dari segi pendekatan dan methodologi latihan.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat memberi penjelasan dan definisi dengan teliti berkenaan dengan program yang sesuai tetapi tidak disukai oleh kaum belia dan program yang disukai, tetapi tidak sesuai; dan program yang sesuai dan disukai oleh kaum belia dan apakah tindakan pihak kementerian terhadap pilihan program-program ini?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, remaja kita ini banyak selera, jadi pihak kementerian cuba mengadakan aktiviti-aktiviti yang dapat menambat hati sebilangan besar daripada remaja-remaja ini. Saya kira, keadaan tidak memungkinkan supaya kita mengadakan aktiviti yang mengikut selera individu. Walau bagaimanapun, pihak kementerian sentiasa

mengkaji halatuju dan keberkesanan program kita dan insya-Allah, keraguan Ahli Yang Berhormat itu kita akan mengambil kira.

Tuan M.G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap pemuda India yang tidak begitu menyertai dalam Program Rakan Muda ini dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan kesedaran tentang Program Rakan Muda ini terhadap pemuda masyarakat ini?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan ini akan dirangkumi dalam soalan No. 15. Walau bagaimanapun, ingin saya nyatakan di sini bahawa kita begitu mengharapkan semua pemimpin kaum India dapat memotivasikan remaja India supaya tampil ke hadapan menerima program-program yang telah pun disusunatur oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan. Jadi saya kira, kita tidak boleh selalu menyalahkan Kementerian Belia dan Sukan kenapa sokongan yang diberi oleh belia dan remaja India tidak begitu menggalakkan. Jadi, saya rasa di sinilah di mana pemimpin NGO's, pemimpin politik dan lain-lain dapat memainkan peranan yang begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

KEMALANGAN MAS FOKKER 50 DI TAWAU - LAPORAN

5. Tuan Haji Sairin bin Karno [*di bawah S.O. 23(2)*] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kemalangan 'MAS Fokker 50' baru-baru ini

di Tawau berpunca dari kecuaiian pilot ataupun berkemungkinan dari landasan yang pendek (iaitu setakat cukup-cukup sahaja).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, laporan kemalangan pesawat Fokker 50 di Lapangan Terbang Tawau telah pun diterima oleh kementerian. Berdasarkan kepada laporan yang diterima, adalah didapati kemalangan yang berlaku berpunca daripada faktor manusia dan bukan disebabkan oleh landasan yang pendek.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jika demikian masalahnya, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kita sedang dalam proses untuk mengumpul semua laporan dengan teliti dan selepas ini laporan ini akan dirujuk kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan. Selepas itu Kementerian Pengangkutan akan mengambil tindakan susulan. Sekian.

BUAH-BUAHAN TEMPATAN - KENAIKAN HARGA

6. **Tuan P. Krishnan** minta Menteri Pertanian menyatakan kenapakah harga buah-buahan tempatan terlalu mahal dan kenapakah buah pisang diimport daripada negara luar di mana buah-buahan ini banyak kedapatan di negara ini. Jika keluaran buah-buahan ini tidak mencukupi, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian beliau.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya harga buah-buahan tempatan tidaklah terlalu mahal terutamanya buah-buahan yang tidak bermusim

seperti jambu, tembikai, betik dan nenas. Namun demikian ada juga buah-buah tempatan yang mahal sedikit terutamanya yang bermusim seperti durian, cempedak, langsung dan mangga. Di samping itu kenaikan harga buah-buahan pada umumnya, mungkin disebabkan oleh permintaan yang bertambah terhadap buah-buahan tempatan berikutan peningkatan pendapatan dan kenaikan taraf hidup rakyat serta kesedaran mereka tentang pentingnya buah-buahan sebagai makanan kesihatan dan berkhasiat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, import pisang adalah sangat sedikit berbanding dengan eksport. Dalam tahun 1994 Malaysia cuma mengimport sejumlah 83 tan pisang bernilai lebih kurang RM87,000 sahaja berbanding dengan eksport sebanyak 46,180 tan bernilai lebih RM27.8 juta.

Dalam tahun 1995 sehingga Ogos, Malaysia hanya mengimport 69 tan pisang bernilai RM154,000 berbanding dengan eksport sebanyak 24,052 tan bernilai RM15 juta. Kebanyakan import pisang adalah dari negara Thailand dan China. Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan tempatan termasuk usaha-usaha penyusunan semula sistem pengeluaran dan penambahan kawasan tanaman dengan kerjasama sektor swasta khususnya melalui program-program dusun nukleus, ladang berkelompok dan pengeluaran secara perladangan. Usaha juga ditumpukan bagi penyediaan infrastruktur yang diperlukan penggunaan variety berkualiti tinggi, khidmat pengembangan dan peranan penyelidikan dan

pembangunan (R&D) ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wan Hamid Edruce bin Tuanku Mohamad.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.7.

KENAIKAN HARGA BARANG DI MUSIM PERAYAAN

7. **Tuan Janggu Anak Banyang [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) mengapakah peniaga-peniaga menaikkan harga pada musim perayaan sewengan-wenangnya;
- (b) berapakah jumlah kes yang dikompaun peniaga yang melanggar peraturan pada musim perayaan pada tahun 1994; dan
- (c) adakah kementerian mempunyai cukup kakitangan di Bahagian Penguatkuasaan untuk mencegah penyelewengan dan menjamin pengawalan harga barang-barang keperluan pada musim perayaan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada musim-musim perayaan permintaan terhadap barang-barang keperluan meningkat secara mendadak dan keadaan ini boleh menyebabkan bekalan barang-barang keperluan berkurangan. Dalam keadaan sedemikian sudah tentu ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang akan mengambil kesempatan menaikkan harga barang-barang untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Dalam hubungan ini, kementerian sentiasa memperingatkan para pengguna supaya membuat persediaan awal bagi

menyambut perayaan, jangan berbelanja berlebihan dan mengelakkan pembelian di saat-saat akhir.

- (b) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengkompaun 2,080 peniaga kerana melanggar berbagai peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan sepanjang musim perayaan dalam tahun 1994 dengan nilai kompaun sebanyak RM351,165.
- (c) Bahagian Penguatkuasa Kementerian mempunyai 536 orang pegawai yang terdiri daripada 39 orang Pegawai Penguatkuasa dan 497 Penolong Pegawai Penguatkuasa yang ditempatkan di 34 cawangan di seluruh negara. Dengan bilangan kakitangan yang terhad ini Bahagian Penguatkuasa terpaksa menguruskan gunatenaga sebaik mungkin ke tahap gunatenaga optima dalam usaha untuk mencegah penyelewengan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bukan sahaja khusus pada musim-musim perayaan malahan pada setiap masa.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dimaklumkan bahawa apabila ada perayaan ‘balang-balang’ akan naik.

Tuan Yang di-Pertua: ‘Balang-balang’? Apa ‘balang-balang’ itu?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Barang-barang, sorry. Saya ingin mendapat penjelasan, kemungkinan pada tahun hadapan dua perayaan serentak akan berelaku. Jadi, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh pihak kerajaan supaya tidak berlaku sepertimana yang dimaklumkan oleh kerajaan tadi mengatakan bila ada perayaan ‘balang-balang’ akan naik. Jadi, apakah benda-

benda yang dijangka oleh pihak kerajaan akan berlaku kenaikan ‘balang-balang’?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa itu ‘humour’ sedikitlah, bukan dia perlu. Tidak.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, seperti kita dimaklumkan bahawa perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa akan disambut hampir serentak pada tahun depan. Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengawal keadaan bekalan dan harga barang-barang dalam musim perayaan. Di antara langkah-langkah yang telah dilakukan oleh kementerian saya adalah seperti mewartakan 25 jenis barang-barang sebagai barang-barang kawalan musim perayaan, iaitu sebagai tambahan kepada 20 jenis barang-barang kawalan tetap. Kementerian saya juga mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat pembekal, pengilang, agensi-agensi kerajaan dan persatuan-persatuan peniaga untuk mendapatkan komitmen mereka supaya mereka akan menentukan bekalan barangan-barangan keperluan yang mencukupi dan penguatkuasa kementerian saya akan menjalankan pemeriksaan fizikal di tempat-tempat perniagaan supaya peniaga-peniaga tidak menaikkan harga barang-barang dengan sewenang-wenangnya. Dengan langkah-langkah ini harga barang dan bekalan barang-barang di musim perayaan akan dikawalselia dan pengguna boleh membeli barang-barang keperluan dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bertanya ataupun bangun sahaja? Silakan Tuan Haji Kasim.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, kita memahami bahawa usaha Islamisasi yang memang kita harap-harapkan meliputi semua aspek kehidupan dan kita dapati pada hari ini setengah-setengah peniaga telah mengambil kesempatan kerana kelonggaran kawalan, mengambil keuntungan yang sangat berlebihan pada sesetengah barangan selain daripada barang-barang kawalan sehingga melebihi 100%. Kita bersyukur kerajaan kita telah mengambil tindakan terhadap barang-barang perlu untuk mengawal harganya. Pada pandangan

saya sudah tiba masanya kerajaan mengadakan satu bentuk kawalan ataupun garispanduan dari segi keuntungan setiap barangan supaya jangan keterlaluan. Adakah kerajaan telah memikirkan satu bentuk kawalan ataupun garispanduan keuntungan yang dibenarkan bagi setiap barangan yang diniagakan di negara kita ini?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, di samping barang-barang keperluan harian dikawal oleh kementerian saya, barang-barang yang tidak dikawal oleh kementerian saya, jika harganya naik berlebihan, kementerian saya sentiasa buat kajian dan ambil langkah-langkah perlu supaya harganya tidak naik dengan berlebihan dan buat masa sekarang, kementerian saya sedang menyediakan satu senarai barang keperluan harian tambahan yang akan dikawal harga sama ada melalui undang-undang atau secara pentadbiran.

Senarai baru ini akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang Perlu untuk perbincangan selanjutnya sebelum keputusan dibuat oleh kerajaan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian menyedari bahawa barang-barang terutama di daerah-daerah pedalaman sentiasa tanpa bermusim harga melambung tinggi? Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan kepada mereka yang degil mematuhi arahan kerajaan?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya menguatkuasakan tujuh akta yang berkaitan dengan aktiviti perdagangan. Jadi,

sesiapa peniaga tidak kira di bandar atau di kawasan pedalaman, jika mereka melanggar akta-akta yang dikuatkuasakan oleh kementerian saya, tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka.

Di samping itu, pihak penguatkuasa kementerian saya telah membuat pemeriksaan yang ketat kepada kawasan-kawasan pedalaman.

**RAKYAT MALAYSIA DIHUKUM GANTUNG DI LUAR NEGARA -
BILANGAN**

8. **Tuan Haji Othman bin Yunos** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) sama ada rakyat Malaysia ada dihukum gantung di negara-negara seperti di bawah ini:
 - (i) Singapura;
 - (ii) Thailand;
 - (iii) Indonesia;
 - (iv) Hong Kong;
 - (v) Filipina; dan
- (b) nyatakan apakah kesalahan-kesalahan yang menyebabkan mereka dihukum gantung.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon kebenaran untuk menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Othman bin Yunos yang ingin tahu sama ada rakyat Malaysia ada dihukum gantung di negara-negara berikut:- pertamanya Singapura; jawapannya ada. Jumlah yang dihukum gantung pada tahun 1995 ialah 10 orang. Di negara Thailand pula tiada dan di negara

Indonesia, ada. Jumlah yang dikenakan hukuman gantung ialah seorang juga. Untuk negeri Hong Kong tiada dan Filipina tiada.

Kesalahan yang menyebabkan mereka dihukum gantung ialah seperti berikut: di Singapura 8 orang digantung kerana kes mengedar dadah dan dua orang kes bunuh. Di Indonesia pula seorang dihukum tembak hingga mati kerana kes mengedar dadah.

HEALTH MEDICAL ORGANISATION - KESAN SOSIAL DAN KESIHATAN MASYARAKAT

9. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah kajian yang telah dijalankan ke atas sistem HMO (Health Medical Organisation) untuk mengetahui sama ada ia sesuai dalam konteks negara kita; dan
- (b) apakah kesan sampingannya ke atas sistem perkhidmatan perubatan negara dan impaknya ke atas nilai sosial dan kesihatan rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Perubatan Malaysia sedang meneliti amalan Managed Care Organisation (MCO) di Malaysia. Health Maintenance Organisation (HMO) merupakan salah satu jenis MCO. Berasaskan kepada kajian ini, satu garis panduan yang sesuai mengenai cara pembayaran dan peruntukan perkhidmatan kesihatan akan dicadangkan untuk

Managed Care Organisation di Malaysia. Garis panduan ini akan mengambil kira kepentingan pengguna (pesakit), pembekal perkhidmatan (health care providers) serta pihak yang membayar (purchasers).

- (b) Jika dikendalikan secara betul, HMO akan dapat mengawalkan peningkatan kos perubatan melalui penjagaan dan amalan kesihatan yang tepat dan berpatutan (appropriate level of care/appropriate practice of medicine). Impak sistem ini ke atas nilai sosial dan kesihatan rakyat adalah positif dan sistem ini akan menjadi sistem komplementari kepada apa yang diberikan oleh kerajaan.

Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah syarikat pada masa sekarang memohon menjalankan sistem ini dan juga jikalau mereka menjalankan sistem ini adakah mereka mendapat licence to operate? Jika tidak, siapa akan jadi watchdog kepada mereka?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada HMO di Malaysia dan tidak ada badan korporat yang terlibat. Mana-mana HMO wujud perlu beroperasi di dalam lingkungan undang-undang. Tindakan boleh diambil terhadap HMO yang keluar dari batasan ini.

PROJEK LUAR BANDAR - PELUANG KONTRAKTOR TEMPATAN

10. **Tuan Tan Son Lee** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar

menyatakan memandangkan peruntukan untuk projek-projek luar bandar telah dinaikkan, diharapkan kerajaan akan memberikan tender-tender projek tersebut kepada anak-anak tempatan negeri terbabit supaya ianya dapat dilaksanakan dengan sempurna dan tidak timbul masalah nanti.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menenderkan projek-projek luar bandar untuk dilaksanakan oleh anak-anak tempatan di negeri-negeri terbabit sekiranya kontraktor-kontraktor tersebut memenuhi syarat-syarat tender dan seterusnya kompetitif dalam urusan tender tersebut.

Pelaksanaan projek luar bandar melalui pegawai kemajuan negeri ataupun pejabat daerah di peringkat negeri dan daerah sememangnya telah memberi peluang yang lebih kepada anak-anak tempatan negeri tersebut bagi mendapat tender projek luar bandar berkenaan mengambil pertimbangan bahawa mereka lebih memahami dan biasa dengan keadaan tempatan negeri sendiri.

Semua kontraktor diberi peluang bersaing untuk mendapatkan tender projek tersebut di atas prinsip-prinsip, dasar dan peraturan yang sama sejajar dengan apa yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Bagi memastikan projek dilaksanakan dengan sempurna dan untuk mengelakkan timbulnya masalah lain di kemudian hari, kerajaan turut menilai keupayaan anak-anak tempatan yang bersaing dalam tender-tender projek luar bandar tersebut dari segi kepakaran atau kelayakan lesen mereka, pengalaman berkaitan dan mempunyai kedudukan kewangan yang baik.

BUDAYA SAINS DAN TEKNOLOGI - PENINGKATAN

11. **Puan Kian Sit Har** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah dan strategi kementerian dalam usaha memperkembangkan pengetahuan sains dan teknologi di kalangan penduduk negara. Ini adalah penting kerana sikap dan pengetahuan rakyat Malaysia terhadap bidang ini masih di tahap yang rendah.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Haji Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, budaya sains dan teknologi di kalangan masyarakat merupakan prasyarat utama bagi menjamin perkembangan sains dan teknologi yang berterusan.

Menyedari hakikat ini, kerajaan khususnya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah merangka berbagai-bagai strategi dan langkah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman ke arah pembentukan budaya sains dan teknologi di kalangan masyarakat umum.

Strategi-strategi yang diambil ialah:-

- (i) menganjurkan bulan sains dan teknologi tahunan di peringkat kebangsaan, negeri dan sekolah-sekolah semenjak tahun 1987 lagi;
- (ii) menubuhkan Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara bagi membolehkan rakyat mengenali dan menghayati sains dan teknologi melalui pameran hands-on-interactive, dengan izin.
- (iii) mengadakan satu mekanisme untuk mengumpulkan dan

menyebarkan maklumat mengenai sains dan teknologi;

dan

- (iv) menyedarkan dan meyakinkan orang ramai mengenai faedah sains dan teknologi.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar bahawa walaupun tadi disebut langkah-langkah dan strategi telah dimulakan dalam tahun 1987, masih ramai terutamanya kanak-kanak Melayu yang lemah dalam pelajaran sains dan matematik? Adakah pihak kementerian berhasrat atau bercadang untuk mengadakan satu review, dengan izin, untuk mengenal pasti tahap kejayaan strategi-strategi kementerian setakat ini?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita sentiasa mengadakan pemesyuaratan dengan pihak Kementerian Pendidikan, jadi mengenai lemah, tidak lemah ini ramai orang, bukan orang Melayu sahaja, tetapi macam-macam orang. Kalau dia rajin, dia pandailah, tetapi kini sedang diadakan perundingan-perundingan untuk meningkatkan lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Mana yang lemah diperkuatkanlah?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Ya.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya....

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan?

Puan Kamilia binti Ibrahim: Ya, penjelasan. Adakah kementerian mempunyai 'kayu ukur', mestilah ada 'kayu ukur' untuk menentukan, kalau tidak saya rasa tidak ada faedahnya mempunyai strategi-strategi yang tidak membawa

keberkesanan?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengambil langkah-langkah yang banyak kalau saya hendak sebutkan di sini. Jika hendak dikatakan specific, dengan izin, angka tepat itu tidak bolehlah di atas perkara ini, tetapi kajian-kajian telah dibuat, memanglah dijangkakan bahawa banyak lagi murid-murid yang masih lemah dalam bidang ini akan dipertingkatkan lagi, seperti mengadakan pelbagai aktiviti sains dan teknologi, sempena bulan sains dan teknologi bagi kumpulan sasaran terutama anak-anak atau murid-murid di sekolah-sekolah. Mengadakan kongres sains dan teknologi, pameran, rekapipta dan rekabentuk serta pameran hasil penyelidikan, 'Mindex Inotech' di mana banyak murid-murid sekolah mengambil bahagian dan salah satunya kalau saya masih ingat lagi, Sekolah Menengah Sains di Kelantan telah berjaya menjadi juara dalam perkara ini. Itulah kalau saya hendak sebutkan panjang, jadi saya memerlukan notis.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila kita sebutkan sains dan teknologi, terbayang pada kita ahli-ahli sains, soalnya adakah Malaysia mempunyai ahli-ahli sains atau saintis tempatan yang mencukupi dan apakah langkah-langkah yang harus diambil untuk membawa balik saintis-saintis Malaysia yang berada di luar negara?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, memanglah langkah-langkah untuk membawa balik ahli-ahli sains atau saintis-saintis rakyat Malaysia di luar negara telah diambil. Setakat ini kalau tidak salah ingatan saya ada lebih

kurang 40 permohonan, ini telah dirujuk kepada jabatan-jabatan yang berkenaan di Kementerian Pendidikan untuk menilai kelulusan-kelulusannya.

PUSAT PENGAJIAN TINGGI - KEKURANGAN

12. **Tuan Zeevil @ Shanmugam** minta Menteri Pendidikan menyatakan Pusat Pengajian Tinggi (Universiti) di Semenanjung Malaysia tidak mencukupi untuk menampung pelajar-pelajar. Oleh yang demikian, sebahagian besar pelajar belajar di kolej-kolej persendirian. Dengan itu kerajaan harus menambahkan bilangan universiti di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya peka dan sedar akan kekurangan tempat belajar bagi menampung lebih ramai pelajar yang layak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Dalam hubungan ini kerajaan bukan hanya mementingkan Semenanjung Malaysia, tetapi juga Sabah dan Sarawak.

Kerajaan juga sedar sehingga sekarang telah pun wujud 11 buah IPTs awam iaitu 9 buah universiti dan Institut Teknologi MARA serta Kolej Tunku Abdul Rahman dan jumlah ini sememangnya tidak mencukupi.

Untuk menubuhkan sesebuah universiti, kerajaan harus membelanjakan perbelanjaan yang besar dan pada masa yang kerajaan terpaksa memperuntukkan perbelanjaan yang besar juga untuk projek-projek pembangunan setiap universiti. Di samping perbelanjaan yang besar dan masalah untuk mendapatkan tenaga pengajar berpengalaman agak sukar bagi menjamin kualiti pembelajaran di

sesebuah universiti.

Bagi mengatasi masalah ini Kementerian Pendidikan telah pun meluluskan semua IPTs ataupun institusi pengajian tinggi awam, mewujudkan Program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar dan juga kepada golongan bekerja yang mempunyai kelayakan dan berpengalaman untuk mempertingkatkan dan melanjutkan pelajaran.

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kerajaan mempunyai tindakan sekarang untuk mengkorporatkan universiti-universiti, adakah kerajaan mempunyai apa-apa halangan ataupun apakah polisi sekarang terhadap universiti-universiti kalau pihak swasta mahukan penubuhan private university?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain. Tetapi saya cuba jelaskan jugalah....

Tuan Yang di-Pertua: Tentang apa itu, private university?

Tuan M. G. Pandithan: Untuk swasta membuka....

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Universiti swasta.

Tuan M. G. Pandithan: Ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini soalan lain, tidak berkait dengan soalan asal. Namun demikian, suka saya jelaskan iaitu memang kita galak pihak swasta mengambil bahagian dan memberikan sumbangan dalam rangka pendidikan tinggi di negara kita ini.

Apabila kita sudah bentang dan luluskan, satu akta yang khusus untuk pendidikan swasta di negara kita ini, maka kita akan timbang untuk membolehkan sama ada kolej-kolej tempatan yang sesuai dinaikkan taraf ataupun universiti-universiti daripada luar menubuhkan cawangan universiti.

SUKAN KOMANWEL - LIPUTAN DAN SIARAN KHAS OLEH RTM

13. **Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Penerangan menyatakan sebagaimana sedia maklum negara kita Malaysia akan menjadi tuan rumah untuk Sukan Komanwel dan bola sepak belia dunia. Adakah kerajaan bergiat membekalkan saluran khas TV, menyiarkan rancangan-rancangan khas untuk sukan tersebut selama 24 jam. Siaran ini akan membantu meningkatkan potensi taraf sukan di kalangan belia dan juga mempertingkatkan kesedaran sukan di kalangan rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) sememangnya memberi keutamaan kepada liputan dan penyiaran acara-acara sukan penting sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa termasuk sukan yang bakal diadakan di negara ini iaitu Sukan Komanwel. Bagi mencapai hasrat itu, penjadualan rancangan-rancangan dilakukan bagi membolehkan acara-acara sukan penting disiarkan dalam televisyen. Ini bererti bahawa sekiranya acara-acara sukan penting itu, khususnya yang akan diadakan di negara ini memerlukan liputan melebihi masa siaran yang ditetapkan, RTM bersedia menambah waktu siarannya untuk memenuhi ekpektasi dan selera para penonton terutamanya peminat-peminat sukan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Satu ketika dahulu RTM sering menyiarkan rancangan terus-menerus terutama boxing, kenapakah sejak akhir-akhir ini rancangan ini tidak dibuat liputan oleh pihak RTM?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, tentunya sebahagian daripada rancangan-rancangan kita bergantung kepada pihak tajaan. Bila ada tajaan untuk kita menyiarkan secara langsung, seperti pertandingan bola FA, makanya pihak kementerian menerusi RTM akan menyiarkan, biasanya diadakan pada waktu itu. Walaupun ada pertandingan tinju baru-baru ini, namun kita dapati bahawa tidak ada pihak yang sanggup untuk menaja, maka kita tidak berupaya untuk menyiarkan rancangan tersebut.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sekiranya tayangan terus ataupun siaran langsung itu ada tajaan, baru-baru ini kerajaan mengharamkan rokok, adakah kerana tidak adanya tajaan daripada rokok ini besok, maka siaran langsung tidak akan diteruskan di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Siaran langsung boxing tadi?

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Seperti boxing tadi, kerana yang menaja kebanyakannya Tuan Yang di-Pertua, ialah rokok-rokok seperti Rothman, Dunhill. Jadi, kerana tidak adanya kerana diharamkan rokok ini nanti, adakah siaran terus daripada luar negara ini tidak dapat dilaksanakan oleh RTM?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi, ada hubung kaitnya dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Sairin bin Karno tadi.

Yang Berhormat telah membangkitkan masalah tentang siaran boxing, contohnya sukan, manakala Yang Berhormat menyatakan agar prespektif dia meluas. Kalau didapati bahawa rancangan tersebut adalah berlandaskan kepentingan negara, maka kerajaan tidak akan teragak-agak untuk menyiarkan siaran langsung. Tetapi oleh kerana perhitungan dari segi ada hubung kait dengan sukan, maka pertimbangan kita ialah adakah pihak-pihak yang sanggup menaja, manakala untuk kepentingan negara, contohnya sekiranya menyentuh dengan politik ataupun international relation, pihak kementerian tidak teragak-agak melalui RTM untuk menyiarkan siaran-siaran secara langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Maidom P. Pansai

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 14.

INTEGRASI NASIONAL - TAHAP PENCAPAIAN

14. **Tuan Haji Sairin bin Karno [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan apakah tahap pencapaian sehingga kini integrasi nasional di kalangan berbagai bangsa yang terdapat di negara Malaysia.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

[Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya

tahap integrasi rakyat di negeri Sabah, Sarawak dan semua negeri-negeri di Semenanjung adalah amat memuaskan berasaskan pemerhatian kementerian terhadap perkara-perkara berikut:

- (i) Hubungan baik di antara kerajaan-kerajaan negeri Sabah dan Sarawak dengan Kerajaan Pusat semakin baik dan semakin mantap. Hubungan antara kerajaan yang semakin mesra itu telah meningkatkan keyakinan rakyat untuk bekerjasama mengeratkan hubungan muhibbah dan setiakawan sebagai warganegara Malaysia. Rakyat ketiga-tiga wilayah dalam Malaysia semakin sedar akan kepentingan meningkatkan hubungan antara mereka untuk sama-sama membangunkan dan memajukan negara dan turut sama menikmati hasil daripada pembangunan ekonomi negara.
- (ii) Pergerakan ulangalik di antara rakyat di antara negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia termasuk dari negeri-negeri Sabah, Sarawak dan di Semenanjung dan sebaliknya semakin kerap. Pergerakan yang sebegini kerap tanpa dirancang oleh kerajaan dengan sendirinya bererti meningkatkan integrasi rakyat Malaysia dari seluruh negara. Pertemuan dan integrasi yang sama ada sengaja atau tidak disebabkan penghijaran dan pergerakan rakyat antara negeri-negeri yang semakin

rancak kerap dan barangkali telah menambah peluang mereka bertegur sapa dan mengenali lebih rapat antara satu dengan yang lain. Fenomena seperti ini telah menambah kefahaman mereka terhadap cara hidup mereka yang berbeza dan mengurangkan pandangan kedaerahan masing-masing.

- (iii) Perasaan syak wasangka terhadap satu dengan lain semakin berkurangan, sebaliknya berganti dengan perasaan saling hormat menghormati. Di samping itu, tidak pula berlaku perselisihan faham yang boleh menjejaskan proses integrasi nasional memandangkan semangat toleransi yang tinggi yang diamalkan oleh rakyat ketika mereka bertemu dan berinteraksi dalam menjalani hidup setiap hari di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pemerhatian umum yang disebutkan di atas itu, maklum balas yang diterima dari peserta-peserta Program Integrasi Nasional anjuran Jabatan Perpaduan Negara, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, juga sangat menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa pertanyaan itu mengenai tahap pencapaian, jangan prosesnya terlalu panjang sangat.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, tahap pencapaian itulah cukup memuaskan. Itulah yang dapat saya katakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itulah yang ditanyakan. Terima kasih.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sukalah saya mengambil kesempatan dahulu untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang masih berada di Dewan Negara dan merayakan Hari Krismas dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bersabit dengan integrasi nasional ini, apakah halangan-halangan yang besar yang masih dilalui oleh kerajaan dalam usaha kita hendak memupuk semangat integrasi nasional ini? Sebab pada hakikatnya walaupun ditanya dengan tahap pencapaian...

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ibrahim, saya rasa soalan itu sudah terang....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Soalan itu belum terang lagi tu....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, janganlah komen lagi.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Belum, belum terang lagi. Soalnya, tahap pencapaian Tuan Yang di-Pertua, yang dijawab tadi secara umum, bolehkah diperincikan tahap pencapaian yang dapat menggambarkan bahawa usaha ke arah integrasi nasional ini sudah pun sampai kepada kemuncak kejayaan?

Datuk Tuan Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, jikalau mahu tahu dengan teliti, pencapaian integrasi nasional yang diketahui oleh saya, memang ada tetapi pencapaian ini boleh tergendala kalau politik tidak sama, memang susah mahu berintegrasi. Itu sahaja. *[Ketawa]*

15. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kejayaan Program Rakan Muda setakat ini. Nyatakan juga penglibatan pemuda-pemudi India dan China dalam Program-program Rakan Muda dan apakah langkah untuk menarik lebih banyak lagi pemuda terlibat dalam program ini.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kejayaan Program Rakan Muda adalah luas dan boleh dilihat dari pelbagai prospektif. Kementerian Belia dan Sukan menumpukan kepada tiga aspek ukuran kejayaan:

(i) Kejayaan dari segi pengemblengan minat dan kesedaran anak-anak muda terhadap gaya hidup sihat di mana Program Rakan Muda telah berjaya menarik minat lebih kurang 850,000 remaja untuk mengikuti pelbagai program yang ditawarkan. Dari angka ini, hampir 84% adalah dari kalangan berumur 25 tahun ke bawah. Kalangan umur ini adalah kalangan umur yang paling berpotensi untuk terjebak kepada masalah sosial. Secara tidak langsung, program ini berupaya menghindarkan aktiviti-aktiviti tidak sihat dengan melibatkan golongan muda kepada aktiviti yang lebih bermanfaat, terancang dan berarah.

(ii) Kejayaan dari segi sokongan masyarakat awam

terhadap kepentingan membangunkan jenerasi muda secara lebih terancang. Program Rakan Muda telah secara langsung menarik sokongan yang tinggi oleh masyarakat kepada gerakan pembangunan generasi muda. Sokongan ini telah memperkuat semangat perpaduan, sokongan masyarakat kepada usaha kerajaan dan dengan itu menzahirkan konsep perkongsian peranan dan kerajaan dalam membangunkan negara.

(iii) Dari segi menghidupkan konsep negara bangsa Malaysia pula, Program Rakan Muda telah melahirkan gambaran yang nyata mengenai generasi muda yang bakal mewarisi negara. Gambaran ini yang bersifat strategik telah menyokong dan memperkuat konsep negara unggul yang menjadi matlamat utama Wawasan 2020.

(b) Penglibatan pemuda pemudi India dan Cina adalah memuaskan berdasarkan kepada perangkaan pendaftaran. Sehingga hari ini Melayu dan bumiputera lain menduduki senarai teratas penglibatan dengan 65% daripada pendaftaran. Keturunan Cina, India dan lain-lain sekitar 35% di mana 28% dari keturunan Cina dan 5% dari keturunan India.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sedang

mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan penglibatan semua kaum dalam Program Rakan Mudanya. Langkah meningkatkan penglibatan ini adalah berdasarkan tiga strategi utama iaitu: pertama, peningkatan melalui strategi promosi, kedua, peningkatan melalui strategi pembangunan program, dan ketiga, peningkatan melalui strategi agihan demografi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 42 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (21hb. Disember, 1995)

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri teruskan jawapan.

3.40 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan penggulungan Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Senator Mohd. Zain telah mempersoalkan motif kerajaan menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK). Beliau percaya penubuhan JPPK di Kelantan mempunyai muslihat tertentu. Kalau penubuhan JPPK di Kelantan sekarang disebabkan Kelantan diperintah oleh parti pembangkang, tetapi kenapakah JPPK tidak diwujudkan di Negeri Kelantan pada satu ketika dahulu, di mana Kerajaan Kelantan juga diperintah oleh parti pembangkang.

Saya ingin menjelaskan bahawa JPPK ditubuhkan untuk merancang, melaksana, menyelaras, menyedia dan menilai program-program pembangunan Kerajaan Persekutuan di Negeri Kelantan dengan cekap, berkesan dan cemerlang selaras dengan dasar dan wawasan Kerajaan Persekutuan demi kesejahteraan dan keyakinan rakyat Kelantan. Dengan demikian, penubuhan JPPK tidak mempunyai muslihat lain selain daripada untuk tujuan-tujuan tersebut di atas. Jabatan ini tidak ditubuhkan sebelum itu meskipun Kelantan pada ketika itu diperintah oleh parti pembangkang, kerana keperluan penubuhannya ketika itu tidak berbangkit.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai kebersihan bilik-bilik air di Bangunan Parlimen. Memang benar bilik-bilik air di Bangunan Parlimen tidak begitu selesa, tetapi pada keseluruhannya tahap kebersihannya adalah lebih

baik dari kebanyakan pusat-pusat membeli-belah. Walau bagaimanapun, kerajaan sendiri tidak berpuas hati dengan keadaan yang ada, maka Jabatan Parlimen telah diberi peruntukan yang secukupnya untuk tahun 1996 bagi mempertingkatkan kemudahan bilik-bilik air yang terdapat di Bangunan Parlimen.

Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman telah meminta kerajaan mengkaji semula harga kereta Proton yang dijual di Malaysia. Memandangkan ia dijual di luar negeri dengan harga yang lebih murah, beliau berharap dengan penubuhan kilang pemasangan yang baru akan menambahkan pengeluaran dan dapat mengurangkan harga. Saya ingin menjelaskan bahawa harga Proton di luar negeri adalah berpandukan kepada harga pasaran ataupun harga international untuk memastikan kereta-kereta tersebut dapat bersaing dengan kereta-kereta jenama lain.

Selain daripada itu, komponen yang diimport dan dipasang pada kereta yang dieksport tidak dikenakan cukai. Ini telah merendahkan kos pengeluaran kereta tersebut jika dibandingkan dengan kos pengeluaran kereta untuk pasaran tempatan, di mana cukai import yang dikenakan ialah 13% dan selanjutnya dikenakan cukai eksais dan cukai jualan ke atas kereta Proton yang telah siap dipasang.

Bagaimanapun, ada juga pasaran luar yang menjual kereta Proton dengan harga yang lebih tinggi, iaitu seperti di Singapura. Contohnya, Proton 1.6 XLi Auto Aeroback dijual di Singapura dengan harga RM174,650.00 berbanding

dengan harga di Malaysia RM63,993.01. Ini adalah disebabkan struktur cukai yang berlainan di Singapura.

Yang Berhormat Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah membangkitkan mengenai.....

Tuan Hanipah bin Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, permintaan laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta laluan. Dalam soalan yang dikemukakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat yang lepas ada satu soalan yang berbunyi, adakah benar rakyat Malaysia membayar subsidi untuk menentukan harga kereta Proton di luar negara menyebabkan harganya murah. Itu satu soalan yang telah dikemukakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat dalam soalan minggu yang lepas. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri adakah statement itu satu statement yang benar?

Tuan Yang di-Pertua: Adakah soalan itu daripada Dato' Aziz? Dato' Aziz, cuba berikan soalan, betulkah?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Betul.

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, di dalam pemasaran antarabangsa, kita bersaing berlandaskan harga kereta-kereta lain atau barangan lain di pasaran antarabangsa. Dan banyak kali di mana-mana pun, kalau satu industri yang besar yang perlu memasarkan barangan ke luar negara, dipergunakan

satu konsep, dikenali sebagai “marginal costing”. Saya rasa Dato’ Aziz sebagai Akauntan amat faham “marginal costing”, di mana “depreciation cost” atau kos harta-harta tetap tidak dikenakan kepada kos pengeluaran. Hanya kos bahan-bahan yang digunakan sahaja dan kos berulang sahaja dikenakan kepada kos barang yang dijual. Maka di sini tidak timbul unsur subsidi. Bahkan ini adalah dasar dalaman syarikat itu sendiri. *[Duduk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Teruskan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Azmi bin Khalid: Minta maaf, saya ingat sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan soal...*[Ketawa]* Ini bukan Pertanyaan Jawab Mulut. Ini jawapan kepada perbahasan.

Tuan Azmi bin Khalid: Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki Kamaluddin telah membangkitkan mengenai Rang Undang-undang yang dibentangkan di Parlimen dalam bahasa Inggeris, kenapa tidak dalam Bahasa Kebangsaan sahaja? Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada seksyen 6 perenggan A, Akta Bahasa Kebangsaan 1963-1967 (Akta 32), setiap rang undang-undang yang dibentangkan di Parlimen, sama ada akta baru atau akta pindaan hendaklah dalam kedua-dua Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris, dan teks Bahasa Kebangsaannya hendaklah teks sahih, kecuali jika ditetapkan selainnya oleh Yang di-Pertuan Agong.

Berikutan dengan itu, setiap rang undang-undang yang dibentangkan adalah

dalam kedua-dua bahasa. Walau bagaimanapun, dalam hal pindaan kepada akta, ordinan atau enakmen yang hanya terdapat dalam teks bahasa Inggeris sahaja, iaitu akta atau ordinan dan enakmen yang telah dibuat sebelum 1hb. September 1967, teks pindaan substantive adalah dalam bahasa Inggeris, walaupun teks formal adalah dalam Bahasa Kebangsaan.

Yang Berhormat Puan Kamalia telah membangkitkan dua perkara. Satu, Yang Berhormat telah mencadangkan agar Akta Pencegah Rasuah dikaji dan dipinda agar orang yang bersalah tidak terlepas dengan mudah atas sebab-sebab teknikal. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak BPR sedang dalam proses menyiapkan cadangan satu Akta Pencegah Rasuah yang baru bagi memperkemas dan menyeragamkan peruntukan-peruntukan undang-undang pencegah rasuah yang ada. Cadangan-cadangan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat telah pun diambil perhatian di dalam pengkajian undang-undang yang baru ini.

Keduanya, Yang Berhormat Puan Kamalia telah juga mencadangkan agar prosedur pentadbiran awam dipekemaskan untuk mengelakkan berlakunya kelewatan pembayaran gaji bagi pegawai-pegawai yang berpindah dari satu jabatan ke satu jabatan yang lain disebabkan prosedur tertentu. Izinkan saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa proses mengkaji prosedur adalah merupakan satu usaha yang berterusan bagi meningkatkan keberkesanan dan kelicinan pentadbiran awam. Malah agensi-agensi kerajaan telah diminta mengadakan piagam pelanggan masing-masing bagi memastikan satu-satu urusan

itu dijalankan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Adalah diharapkan kerumitan sebegini yang bukan sahaja dialami oleh kakitangan kerajaan, bahkan juga oleh orang-orang awam akan dapat dielakkan dan diharap perkhidmatan kerajaan pada amnya akan bergerak seiring dengan kemajuan yang pesat yang dicapai di seluruh negara.

Yang Berhormat Senator Rahim Baba telah membangkitkan isu pembaziran jabatan kerajaan. Pembaziran Belanjawan kononnya berlaku sebanyak 20% hingga 40% . Sementara itu, 65% dari masa kerja digunakan oleh pegawai-pegawai kerajaan untuk kerja peribadi.

Ahli Yang Berhormat telah menyebutkan isu pembaziran ini, dibangkitkan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara dalam akhbar baru-baru ini. Ingin saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa isu berhubung dengan pembaziran belanjawan seperti yang disebutkan dan juga pembaziran masa kerja oleh pegawai-pegawai kerajaan tidak pernah dibangkitkan oleh Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara. Sekiranya ada laporan akhbar mengenai perkara ini, maka bermakna pihak akhbar telah membuat kesilapan atau telah membuat laporan yang salah.

Akhir sekali,

Tuan Rahim bin Baba: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ada permintaan laluan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, cuma mohon penjelasan, kalau tak silap kedengaran saya sambil dalam perjalanan tadi, seolah-olahnya pihak akhbar telah pun membuat kesilapan tentang laporan yang dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Negara, begitu?

Tuan Azmi bin Khalid: Ya.

Tuan Rahim bin Baba: Jadi, kalau telah pun berlaku kesilapan, kenapakah tidak ada penafian daripada Ketua Setiausaha Negara ataupun daripada Pejabat Ketua Setiausaha Negara sendiri?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penafian itu sedang dalam perjalanan. *[Ketawa]*

Tuan Rahim bin Baba: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Rahim bin Baba: Mengapakah mengambil masa sehingga sebulan atau dua bulan untuk membuat penafian?

Tuan Azmi bin Khalid: Saya tidak percaya akan memakan masa begitu panjang.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Ibrahim minta laluan juga ya?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ya, sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen habis menjawab, saya tadi dengar Yang Berhormat sebut, tandas di Parlimen ini dikatakan lebih baik daripada tandas awam, walaupun sudah

ada peruntukan untuk menentukan tandas yang lebih bersih. Cuba Yang Berhormat pergi tengok di luar sekarang ini, masuk tandas di belakang Dewan Negara sekarang ini, pergi tengok masuk, saya sudah masuk dah. Macam bengkang sedang tidur di dalam, macam kuih-kuih sedang tidur di dalam tandas.

Tuan Yang di-Pertua: Macam apa Datuk Haji Ibrahim?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Macam bengkang. *[Ketawa]* Tahu atau tidak bengkang?

Tuan Yang di-Pertua: Kuih?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha! Kuih bengkang! Setiap bilik itu, punya kotor. Jadi, saya haraplah, saya menjangkakan Yang Berhormat menjawab supaya tindakan segera akan diambil sebab ini Bangunan Parlimen, memalukan bila Bangunan Parlimen kita dikunjungi oleh orang ramai, memang benar-benar kotor dan tandas awam pun ada yang lebih bersih daripada tandas di Parlimen sekarang ini, ada setengah-setengahlah, kalau tak semua pun. Sekian, terima kasih.

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, saya sendiri tak melihat dari segi apa yang Ahli Yang Berhormat melihat, kemungkinan ada kerosakan. Baru minggu lalu ada kerosakan bekalan air, kemungkinan pada hari ini saya tak tahu, tetapi saya akan mengambil tindakan sewajarnya. Saya bukanlah bertugas dalam bidang itu, *[Ketawa]* tetapi saya percaya pihak Parlimen akan mengambil tindakan segera.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila sambung lagi. *[Ketawa]*

Tuan Azmi bin Khalid: Akhir sekali, ada satu lagi, sebelum saya akhirkkan Yang Berhormat Senator Datuk Maidom P. Pansai dan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno telah menyentuh Laporan Audit Negara yang menyatakan ada projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Keenam yang pelaksanaannya terkebelakang, tetapi belanja mengurusnya melebihi anggaran.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin dalam perkara ini dan mengakui bahawa ada projek-projek yang telah kelewatan dalam pelaksanaan atas sebab-sebab yang tertentu.

Bagaimanapun, suka saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa tahap pelaksanaan Rancangan Malaysia Yang Keenam yang akan berakhir pada 31hb. Disember, 1995 ini, pada keseluruhannya dianggar mencapai 91%. Bermakna daripada jumlah yang diperuntukkan 91% akan dapat dibelanjakan pada akhir tahun ini dan jika jumlah perbelanjaan menjadi asas ukuran bermakna hanya 9% sahaja daripada Rancangan Malaysia Keenam yang belum selesai.

Akhir sekali,

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji Ibrahim, sila.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya juga menyentuh perkara mengenai dengan soal perbelanjaan. Saya hendak merujuk kepada Yang Berhormat dalam Laporan Juruaudit, saya ada bangkit dalam perbahasan baru-baru ini mengenai

dengan peruntukan yang bertambah untuk bahagian pengurusan, manakala bahagian pembangunan peruntukan tidak habis, mengikut Laporan Juruaudit.

Pertambahan bagi pihak pengurusan ini begitu banyak, dan ini ada kaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Rahim bin Baba. Apakah ini merupakan satu lambang atau contoh pembaziran di mana kita dapati belanja untuk mengurus meningkat sepanjang masa, tetapi belanja untuk pembangunan, untuk faedah rakyat, nampaknya pelaksanaan itu kurang sekali dari segi kekesanannya - sehingga RM1,000 juta, kalau kita lihat jumlah yang tidak dibelanjakan dalam rancangan pembangunan yang lalu?

Tuan Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa ada tempat-tempat, bahagian-bahagian di mana terdapat kelemahan di dalam pelaksanaan, itulah gunanya Jabatan Audit Negara untuk menonjolkan kelemahan-kelemahan. Tetapi yang saya sebutkan tadi, dari segi prestasi ialah dari segi keseluruhannya dalam negara. Pada keseluruhannya hanya lebih kurang 9% sahaja dari projek-projek yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang belum selesai pada akhir tahun ini. Bermakna prestasinya boleh dikatakan amat memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, tiada lagi yang bangun.

Tuan Azmi bin Khalid: Okay, akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan dan telah memberi pandangan, cadangan dan juga teguran

terhadap beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Saya mungkin tidak sempat menjawab sesetengah perkara yang dibangkitkan semasa menggulung perbahasan ini tetapi Jabatan Perdana Menteri akan mengambil perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab.

3.57 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1996.

Berkaitan dengan beberapa saranan daripada Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa agensi-agensi penguatkuasa kerajaan termasuklah Imigresen dan Pasukan Polis DiRaja Malaysia sentiasa berusaha dengan keupayaan yang ada untuk menghalang kedatangan pendatang tanpa izin ke negara ini.

Sebagaimana kita sedia maklum, negara ini mempunyai kawasan sempadan dan kawasan pantai yang panjang dan dengan yang demikian tidak dapat dinafikan masih terdapat pendatang tanpa izin yang bolos masuk ke negara ini.

Namun begitu, kawalan dan tindakan-tindakan tetap dilaksanakan untuk

menyekat kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini. Kawalan dan rondaan oleh anggota agensi penguatkuasa telah dipertingkatkan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai tempat dan jalan masuk yang digunakan oleh pendatang asing. Di samping itu, operasi mengesan dan menangkap pendatang tanpa izin serta pihak-pihak yang memberi perlindungan terutamanya majikan-majikan yang menggaji mereka juga dilancarkan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri sentiasa peka dan berwaspada dengan sebarang kemungkinan dan perkembangan aktiviti yang tidak diingini di perairan negara. Sebagai menjawab saranan Yang Berhormat supaya dipertingkatkan keupayaan pasukan Merin PDRM. Kerajaan telah pun mengambil tindakan bagi mempertingkatkan keupayaan logistik PDRM dengan mengadakan tambahan bot-bot kelajuan tinggi, menggantikan bot-bot lama yang telah usang dan melengkapkan peralatan komunikasi serta senjata-senjata yang digunakan bagi memastikan keberkesanan operasi. Di samping itu, PDRM juga telah menambah pengkalan-pengkalan hadapan yang strategik untuk melicinkan lagi operasi-operasi yang dijalankan.

Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari juga mencadangkan supaya kem-kem transit Imigresen diperbesarkan untuk menampung pendatang tanpa izin yang ditahan sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal mereka. Pada masa ini, kerajaan berpuas hati dengan keadaan di depot-depot tersebut dari aspek tempat tinggal, makanan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Apa yang telah kerajaan lakukan ini adalah bersesuaian dengan peranan depot tersebut sebagai tempat tinggal sementara pendatang tanpa izin yang telah datang ke negara ini secara melanggar undang-undang sebelum mereka dihantar pulang. Oleh itu, pada masa ini belum ada cadangan untuk membesarkan lagi kem-kem yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Akta-akta yang disifatkan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud sebagai penyekat kebebasan, adalah ditegaskan bahawa undang-undang yang dimaksudkan itu sebenarnya adalah bertujuan untuk menjamin keselamatan negara dan ketenteraman awam. Oleh itu kementerian tidak bercadang untuk memansuhkan undang-undang tersebut.

Masalah penagihan dadah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, memang dipandang serius oleh kementerian. Perlu disedari bahawa penyalahgunaan dadah merupakan satu masalah yang kompleks dan usaha-usaha untuk membendung dan membanteras masalah ini sepenuhnya adalah sukar untuk dicapai dalam tempoh yang singkat. Dalam menghadapi masalah ini kerajaan mendapati perlu dibina beberapa buah lagi pusat pemulihan di samping mempertingkatkan kemampuan menjalankan aktiviti-aktiviti pemulihan di pusat-pusat yang sedia ada.

Masalah dadah merupakan masalah masyarakat yang menuntut kesedaran penglibatan dan tindakan secara kolektif dan jitu daripada segenap lapisan

masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan segala hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Sila teruskan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tindakan pencegahan pihak kerajaan semata-mata akan menjadi kurang berkesan tanpa sokongan kerjasama dan penglibatan daripada badan-badan bukan kerajaan dan masyarakat secara keseluruhannya. Dengan tegasnya dinyatakan di sini, tugas dan tanggungjawab memerangi gejala najis dadah ini hendaklah dipikul bersama oleh semua pihak. Berkaitan dengan saranan Yang Berhormat itu juga supaya kerajaan mencontohi usaha-usaha dan program-program pemulihan yang dijalankan di luar negeri yang beliau sifatkan lebih berkesan, sukalah dimaklumkan iaitu dari masa kesemasa pegawai-pegawai kementerian yang terlibat dalam perancangan pemulihan ini juga menghadiri kursus-kursus dan persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa, khusus bagi membincangkan kaedah-kaedah rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah pada masa ini. Pengetahuan dan pengalaman yang mereka perolehi itu digunakan dalam usaha menangani masalah dadah dalam negara.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat N. Marimuthu bahawa terdapat penganiayaan dan perbuatan sumbang di antara orang-orang tahanan lelaki di

dalam lokap polis, saya sangkal perkara seperti yang dikatakan itu boleh berlaku, kerana lokap-lokap di balai polis hanya berdingkan palang besi yang membolehkan setiap perbuatan orang tahanan itu dilihat oleh anggota polis yang bertugas dan berkawal pada setiap waktu, siang dan malam. Oleh yang demikian, anggapan Yang Berhormat itu adalah tidak mungkin benar, walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat ada maklumat yang kukuh, sila maklumkan kepada kementerian saya untuk siasatan terperinci.

Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi membangkitkan perkara mengenai penurunan tahap disiplin anggota Polis Diraja Malaysia. Kementerian ini, khususnya PDRM memandangkan serius berkenaan dengan anggota-anggota yang menyalahgunakan senjata api dengan sewenang-wenangnya. Setiap anggota Polis telah dilatih serta terikat dengan peraturan-peraturan penggunaan senjata api. Dalam kes di Sungai Petani seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Mustaffa adalah satu-satunya kes terasing ataupun isolated case, dengan izin. Pihak polis sedang menjalankan siasatan di dalam kes ini dan sekiranya mempunyai bukti yang kukuh, pegawai ini akan dituduh di mahkamah di bawah Seksyen 326, Kanun Kesiksaan kerana kesalahan menyebabkan cedera parah. Tindakan disiplin juga akan diambil terhadapnya kerana mengingkari peraturan dan disiplin polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai Kementerian Dalam Negeri dan sekiranya ada lain-lain

perkara yang belum berjawab, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil ingatan dan tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Pembangunan Usahawan.

4.04 ptg.**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih yang semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Sesuai dengan namanya Kementerian Pembangunan Usahawan yang berperanan untuk melahirkan usahawan tulen yang berkualiti, yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan, di samping berperanan untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di negara ini. Ini dilaksanakan melalui program-program seperti program vendor, francais, mentor-mentee, menjodohkan usahawan bumi dengan bukan bumi, menjodohkan usahawan Malaysia dengan usahawan luar negara dan juga menjodohkan usahawan dengan teknologi. Di samping itu juga skim pinjaman seperti Skim Galakan Usahasama dan skim Tabung Bantuan Peniaga Kecil akan diwujudkan.

Mengenai saranan oleh Yang Berhormat Haji Salam Awang supaya Kementerian Pembangunan Usahawan memastikan layanan dan pembelaan dibuat kepada usahawan-usahawan bumiputera, kementerian ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas ingatan dan saranan itu. Adalah menjadi dasar dan pendekatan Kementerian Pembangunan Usahawan untuk membantu usahawan-usahawan, khususnya usahawan bumiputera.

Untuk soalan daripada Yang Berhormat Datuk Maidom P. Pansai, walaupun CGC tidak mempunyai cawangan di negeri Sabah, pinjaman kepada golongan usahawan telah pun berjaya disalurkan melalui rangkaian 145 cawangan

bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan berlesen di seluruh Sabah yang merupakan rakan kongsi kepada CGC. Melalui sistem penyaluran ini, sehingga 15hb. Disember, 1995, sebanyak 3,771 pinjaman yang berjumlah RM162.23 juta telah diluluskan di negeri Sabah. Sementara itu sebagai langkah untuk memastikan maklumat mengenai skim-skim jaminan CGC sampai ke pengetahuan golongan sasaran, sesi penerangan dan seminar telah dan akan diadakan dari masa ke semasa supaya mereka mengetahui tentang peranan CGC. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Sekarang dijemput Kementerian Perusahaan Utama.

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1996 dan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Utama.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin telah memohon supaya pihak kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama menambah peruntukan tahun 1996 - LTN, memandangkan LTN adalah sebuah agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar LTN hanya diberi peruntukan sebanyak RM4.6 juta dalam tahun 1996, tetapi ini merupakan peruntukan di bawah belanjawan mengurus. Maksudnya peruntukan menguruskan diluluskan oleh

kerajaan setelah mengambil kira keperluan-keperluan LTN dari segi pentadbiran dalam tahun 1996. Namun demikian, bagi melaksanakan program-program pembangunan LTN telah juga diluluskan dengan peruntukan pembangunan.

Di dalam Rancangan Malaysia Keenam sahaja, kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM16.6 juta manakala di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, pihak EPU pada perinsipnya telah bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah lebih kurang RM28 juta kepada LTN untuk melaksanakan program-program pembangunan. Dalam tahun 1996, peruntukan pembangunan yang telah diluluskan ialah sebanyak RM168,000 sahaja. Peruntukan ini hanyalah untuk projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Keenam dibawa ke Rancangan Malaysia Ketujuh, manakala peruntukan baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk tahun 1996 belum lagi diluluskan oleh pihak kerajaan.

Mengenai cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman supaya FRIM menjalankan lebih banyak penyelidikan ke atas tumbuhan perubatan, bagi pihak kementerian saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat itu. Sukacita dimaklumkan bahawa FRIM telah menubuhkan unit tersebut pada akhir tahun 1994 berikutan dengan keputusan Jemaah Menteri mengenainya. Dalam hubungan ini FRIM juga akan bertindak sebagai pusat penyelarasan kepada institusi-institusi penyelidikan seperti universiti-universiti, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan dan pihak industri tumbuhan ubatan yang

terlibat secara aktif dalam bidang ini di samping menjalankan penyelidikan dan pembangunan di dalam bidang tumbuhan ubatan.

Bidang-bidang yang telah dikenal pasti bagi FRIM menjalankan penyelidikan ialah di bidang-bidang farmakognosi dan botani, fotokimia dan farmakologi, bioteknologi dan teknologi farmakutik.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Senator Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini levi dan ses yang dikenakan ke atas kayu dan barangan kayu di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah tidak seragam. Di Semenanjung, eksport kayu gergaji, kayu kumai, papan lapis dan vinyl dikenakan ses sebanyak RM1.36 semeter padu. Selain dari itu, levi eksport di antara RM40 hingga RM250 semeter padu dikenakan ke atas eksport beberapa keluaran kayu.

Kadar levi yang dikenakan adalah mengikut spesies kayu dan sama ada ianya dikeringkan atau tidak. Manakala di Sabah, beberapa keluaran kayu yang dieksport, dikenakan ses atau royalti di antara RM20 hingga RM400 semeter padu. Kadar ini adalah ditentukan mengikut spesies kayu dan peringkat pemprosesan. Di Sarawak pula, ses eksport ke atas keluaran kayu tidak dikenakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap pembangunan industri pemprosesan kayu dan kemudahan infrastruktur di Semenanjung, Sabah dan Sarawak berbeza. Maka strategi dan langkah yang diambil untuk menggalakkan pemprosesan tempatan adalah tidak sama. Di Semenanjung, levi eksport telah

diwujudkan untuk memastikan bekalan kayu gergaji mencukupi untuk keperluan industri hiliran kayu-kayan. Di samping itu, pengusaha-pengusaha tempatan digalakkan untuk memproses serta menambah nilai kepada keluaran kayu mereka.

Begitu juga di Sabah, ses eksport diadakan untuk memajukan lagi industri pemprosesan hiliran setelah eksport kayu balak diharamkan. Di Sarawak, insentif rebet diberi sekiranya pengeluar pemprosesan kayu balak kepada papan lapis dan kayu gergaji. Ini adalah satu langkah permulaan bagi menggalakkan pemprosesan tempatan. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjawab.

4.13 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merakamkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa kementerian kami. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil perhatian ke atas isu mengenai AP kereta terpakai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk

Ibrahim Ali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MITI sedang membuat kajian yang menyeluruh mengenai dasar pengimportan kenderaan pasang siap atau completely built-up (CBU), dengan izin, termasuk juga pengimportan kereta-kereta terpakai.

Kerajaan akan mengambil kira supaya apa-apa langkah yang diambil mengenai dasar pengimportan kenderaan CBU akan membantu ke arah pertumbuhan industri pembuatan kenderaan tempatan.

Bagi kenderaan terpakai, MITI masih lagi meneruskan dasar pembekuan pemberian lesen kereta terpakai kepada semua permohonan baru. Lesen import kereta terpakai hanya dikeluarkan kepada 63 buah syarikat bumiputera yang telah diberikan kuota untuk mengimport kereta terpakai sebelum dasar pembekuan tersebut dilaksanakan pada tahun 1988.

Memandangkan kuantiti AP yang boleh diluluskan adalah terhad, MITI tidak bercadang untuk menyekat perkembangan syarikat-syarikat sedia ada dengan mengurangkan AP mereka bagi tujuan mengagihkan kepada usahawan-usahawan baru. Kerajaan berpendapat, pengurangan jumlah AP bukan sahaja menjejaskan prestasi syarikat tetapi berkemungkinan kuantiti dan kualiti yang dikecilkan ini akan dianggap tidak ekonomik bagi mereka yang betul-betul menjalankan perniagaan import kereta.

Sehingga satu dasar baru yang ditetapkan oleh kerajaan, MITI ingin menyarankan bagi usahawan-usahawan baru, mereka bolehlah melibatkan diri

dalam perniagaan kereta terpakai tempatan atau cuba mendapatkan franchise bagi mengimportkan kenderaan-kenderaan baru yang tidak dipasang di dalam negeri.

Mengenai penjelasan sama ada unit penyertaan bumiputera MITI telah dibubarkan, saya ingin menjelaskan bahawa bahagian berkenaan memang wujud di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian dahulu akan tetapi ianya telah dibubarkan pada 1hb. Mac 1990. Pada hemat kementerian ini, Dasar Ekonomi Baru menyentuh semua aspek bidang tugas kementerian dan adalah lebih berkesan pelaksanaan dasar ini dipertanggungjawabkan serta dikuatkuasakan oleh semua bahagian di bawah kementerian ini.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat memberi angka jumlah AP yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang sedia ada sekarang ini dan berapakah konsortium yang terlibat untuk saya memahami perkara ini dengan lebih lanjut walaupun Yang Berhormat ada menyebutkan tadi bahawa kerajaan sedang mengkaji dasar baru tetapi bila hendak dilaksanakan, kita tidak tahu. Saya hendak dapatkan penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka itu memang ada dengan kementerian kami tetapi pada hari ini, perkara yang diminta oleh Yang Berhormat Datuk tidak ada bersama-sama dengan saya dan sekiranya Yang Berhormat Datuk perlukan angka-angka ini untuk lebih memahami keadaan yang sebenarnya, saya akan sampaikan maklumat-maklumat yang

diperlukan kepada Yang Berhormat Datuk.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Apakah Yang Berhormat sedar di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang bertanggungjawab mengenai dengan AP, walaupun disebut tadi bahawa ini merupakan salah satu galakan untuk menjaga prestasi usahawan yang sedia ada tetapi ada saya bangkitkan di dalam perbahasan saya, ada konsortium-konsortium yang diberi AP itu di mana mereka yang mendapat AP melalui konsortium ini sebenarnya AP itu digunakan oleh tauke-tauke tertentu dalam konsortium. Manakala yang lain-lain ini hanya mendapat imbuhan bulanan hasil jualan AP.

Apakah kementerian sedar perkara ini berlaku dan kalau sedar, apakah tindakan supaya mereka yang diberi AP ini benar-benar menggunakannya. Saya menyokong dasar yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu untuk menggalak usahawan tetapi yang menyalahguna dan mendapat untung secara menjual AP sampai RM15,000, RM20,000 satu AP. Saya percaya Yang Berhormat sedar cuma tidak tahulah Yang Berhormat hendak mengaku atau tidak, wallahualam.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Terima kasih kerana menyokong dasar-dasar kementerian. Memang kementerian tidak pernah dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana syarikat yang telah menyalahgunakan lesen-lesen import yang diberikan.

Sekiranya ada bukti-bukti, kami tidak teragak-agak untuk mengambil

tindakan yang begitu tegas sekali iaitu menarik balik atau menyenarai hitamkan syarikat-syarikat yang kononnya menyalahgunakan lesen-lesen yang dikeluarkan tetapi masalah kementerian kami adalah walaupun kita dengar ura-ura dan perkara-perkara ini dibangkitkan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk sendiri, kita perlukan bukti-bukti yang kukuh dan jelas untuk mengambil tindakan.

Saya telah menyatakan tadi bahawa kami di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas untuk memastikan bahawa penyelewengan tidak berlaku. Tetapi sekiranya dengan butiran-butiran dan bukti-bukti yang kukuh, saya sesungguhnya mengalukan kesediaan Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk menetengahkan dan memanjangkan perkara ini kepada kami untuk mengambil tindakan dan percayalah, kami akan mengambil tindakan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasihlah di atas jaminan jika kita dapat memberi bukti. Memang menjadi kelaziman, bila ada dakwaan daripada Ahli-ahli Dewan Negara atau Ahli-ahli Dewan Rakyat, pihak kerajaan selalu menjawab, “Jika ada bukti, kita ambil tindakan”.

Saya bolehlah beri bukti kalau kita hendak beri bukti tetapi pertamanya bukan kerja saya. Kerjanya ialah kerja pihak penguatkuasaan. Jadi, apa kerja kita hendak beri bukti ataupun hendak menghulurkan maklumat-maklumat ini kerana saya kira tidak waras juga bagi saya berbuat demikian. Nanti orang kata, Tuan Yang di-Pertua, menabur pasir dalam periuk nasi orang. Terpulang kepada pihak kerajaan untuk mengawasi segala dasar dilaksanakan dengan adil dan sempurna.

Tetapi kalau Yang Berhormat hendak juga, saya boleh beri. Tetapi saya boleh beri bukti kalau benar saya boleh dapat beri bukti, ini bukan saya, saya hendak tolong usahawan-usahawan yang merungut. Yang terlibat ini saya

beri bukti dan tarik AP mereka dan diberikan kepada orang-orang yang kita tunjukkan yang betul-betul hendak berniaga. Kalau dapat jaminan itu, saya buat kerja ini. Sebab saya tidak mahu buat kerja sahaja! Sebab saya bukan makan gaji untuk itu, Yang Berhormat.

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat di Dewan Rakyat sahaja teruk, rupanya di Dewan Negara lebih teruk saya kena!

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, memang saya rasa dari segi dasarnya saya telah menyatakan bahawa kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sekiranya bukti diketengahkan untuk kita mengambil tindakan. Sekiranya bukti-bukti ini terdapat di tangan Yang Berhormat Dato' saya rasa, bukan setakat kerja siapa, tetapi kita semua bertanggungjawab untuk memastikan penyelewengan dan dasar kerajaan tidak disalahgunakan.

Kedua, memang betul, kementerian memang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan dasar ini, tetapi tidaklah sampai kita harus dapat mencari, mengkaji dan menyiasat kesemuanya pemegang-pemegang AP ini sekiranya ada penyelewengan atau tidak. Jadi, saya berharap sangat kepada mereka, termasuk juga Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini sekiranya ada maklumat-maklumat tertentu, sampaikan kepada kami dan kita akan pastikan bahawa tindakan terhadap syarikat-syarikat ini akan diambil.

Sama ada AP ini dapat ditarik balik dan diagihkan kepada usahawan-

usahawan yang baru, saya ingin menegaskan di sini bahawa dasar kerajaan yang telah diputuskan mengenai kenderaan kereta ini bukanlah dasar Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sahaja. Ia adalah satu keputusan oleh Kabinet dan jemaah Menteri dan dalam membuat keputusan ini, berbagai priority yang diambil kira oleh jemaah Menteri, sebagai contoh, satu-satu priority yang diberikan ialah perlindungan yang diberikan kepada industri kereta nasional dan di peringkat awal, memang semestinya apa jua pelaksanaan dasar itu memerlukan kepada pengorbanan, termasuk juga perlindungan dari segi pengimportan kereta-kereta dari luar negeri.

Tetapi dari segi dasar panjang dan keuntungannya kepada negara, saya rasa itu adalah satu priority yang wajar seperti peluang pekerjaan menyumbang kepada peningkatan aktiviti industri, peningkatan IKS sebagai industri sokongan dan juga pemindahan teknologi. Priorities ini akan diambil kira dan ianya akan diputuskan bukan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, tetapi oleh jemaah Menteri itu sendiri, sama ada AP yang ditarik balik ini dapat diagihkan kepada usahawan-usahawan baru yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat Dato'. Tetapi saya rasa pada pokoknya, kita tidak harus membenarkan penyelewengan dan lari daripada dasar kerajaan dan sekiranya ada sesiapa yang ada maklumat, sampaikan kepada kita dan kita akan mengambil tindakan. Bukan satu bahan untuk kita runding dan berbincang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penjelasan sama ada benar Unit

Penyertaan Bumiputera MITI telah dibubarkan, saya ingin menjelaskan bahawa bahagian berkenaan memang wujud di Kementerian Perdagangan dan Perindustriaian dahulu, akan tetapi ianya telah dibubarkan pada 1hb Mac 1990 dan pada hemat kementerian, Dasar Ekonomi Baru menyentuh semua aspek bidang tugas kementerian dan adalah lebih berkesan pelaksanaan dasar ini dipertanggungjawabkan serta dikuatkuasakan oleh semua bahagian di bawah kementerian ini.

Mengenai cadangan oleh Yang Berhormat Dato' Johan B.O.T. Ghani supaya Tabung Pelaburan Domestik ditambah, suka dimaklumkan bahawa cadangan asal Tabung Pelaburan Domestik ialah berjumlah RM1 bilion. Oleh kerana tabung ini baru sahaja diumumkan dalam Belanjawan 1995, kerajaan belum mempunyai cadangan untuk meningkatkan lagi jumlah tabung ini.

Berhubung dengan cadangan Yang Behormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud supaya pemilikan aset korporat oleh bumiputera dipertingkatkan, adalah dimaklumkan bahawa MITI sebagai agensi yang bertanggungjawab di dalam pembahagian saham khas bumiputera di dalam syarikat-syarikat perkilangan akan terus memastikan bahawa syarat ekuiti bumiputera yang dikenakan di dalam lesen pengilang dipatuhi.

Ini adalah selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Negara. Bagi bumiputera yang telah diperuntukkan saham oleh kementerian ini, mereka adalah disyaratkan tidak boleh menjual atau memindah milik saham-saham berkenaan

tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada MITI. Pegangan ini, melalui kajian tahunan yang dibuat ke atas kedudukan pemegangan saham-saham yang telah diperuntukkan kepada institusi syarikat dan usahawan bumiputera berjalan mengikut masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman supaya industri utama dilaksanakan oleh syarikat-syarikat besar untuk menarik lebih banyak pelabur-pelabuar luar, untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha untuk mempelbagai dan memperluaskan sektor perindustrian negara, kerajaan mengamalkan dasar memberi insentif kepada industri-industri yang belum begitu maju di Malaysia. Kriteria utama yang dipakai apabila menimbangkan permohonan insentif ialah tahap kandungan bahan tempatan, kandungan eksport, nilai ditambah dan tahap teknologi.

Dalam meluluskan lesen pengilang pula, kriteria utama ialah projek tidak berintensifkan buruh iaitu jumlah pelaburan bagi seorang pekerja tidak kurang daripada RM55,000, tertakluk kepada lokasi, nilai ditambah dan tahap teknologi projek berkenaan. Di samping itu, kerajaan tidak mengamalkan dasar diskriminasi dalam meluluskan projek-projek pengilangan kerana semua sektor industri adalah terbuka kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing. Akan tetapi, dalam kes-kes tertentu, keutamaan diberikan kepada pelabur-pelabur tempatan, terutama sekali projek-projek yang bergantung kepada pasaran tempatan dan syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM132.51 juta untuk meningkatkan keupayaan dalam pelbagai bidang teknologi, termasuk bidang teknologi yang baru dan memuncul. Bari Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan dijangka bertambah kepada RM277.37 juta dan penekanan akan diberikan kepada projek-projek R&D yang berorientasikan pasaran dan yang mengikut bidang keutamaan yang Malaysia mempunyai kekuatan. Bidang yang ditetapkan ialah industri yang berasaskan kepada pertanian, pembuatan, teknologi maklumat, kejuruteraan dan kesihatan.

Berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman supaya harga kereta Proton dijual pada harga berpatutan, adalah dimaklumkan bahawa buat masa ini, kereta Proton adalah yang paling murah dijual di pasaran tempatan berbanding dengan kereta-kereta jenis lain yang sama kategori dengannya. Adalah jelas harga yang dijual adalah berpatutan dan mampu dibeli oleh pembeli tempatan kerana permintaan yang sangat tinggi sehingga pihak Proton sedang menghadapi masalah pembekalan kereta-kereta dengan kadar yang cepat. Berkaitan dengan harga kereta Proton yang lebih murah di luar negara berbanding dengan di dalam negara, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri telah menjawab perkara ini dengan jelas.

Akhir sekali berhubung dengan syor Ahli Yang Berhormat Dato' Chet Singh supaya kerajaan memberi penekanan terhadap teknologi tinggi dan R&D di dalam sektor IKS, sukalah saya menjelaskan bahawa kerajaan sememangnya

menggalakkan penglibatan IKS yang berasaskan teknologi tinggi, berintensifkan modal, nilai ditambah yang tinggi dan berkualiti tinggi. Kerajaan dalam tahun 1994 telah pun meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 bagi memperkenalkan insentif-insentif khusus kepada syarikat-syarikat berteknologi tinggi dan juga aktiviti R&D di dalam negara ini.

Di bawah Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) (No.2) 1994, syarikat-syarikat berteknologi tinggi diberi pilihan sama ada memohon pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan syarikat di peringkat pendapatan berkanun selama 5 tahun atau elaun cukai pelaburan pada kadar 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam lima tahun dari tarikh projek diluluskan. Syarikat-syarikat IKS juga boleh memohon elaun bangunan perindustrian atau industrial building allowance, dengan izin, yang sedia ada bagi tujuan membangunkan kilang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya berniat ikhlas serta komited untuk memberikan tumpuan kepada pembangunan sektor IKS di negara ini. Tujuan utama mewujudkan Perbadanan Pembangunan IKS adalah untuk menggalak dan menyelaraskan pembangunan IKS dengan meningkatkan keberkesanan mekanisme penyaluran program-program dan bantuan kerajaan. Kementerian menerima baik cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan semuanya akan diambilkira dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang akan diletakkan di atas bahu perbadanan itu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih di atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Semuanya akan diambilkira dan diambil perhatian yang sewajarnya oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Sekarang dijemput Kementerian Kerja Raya.

4.31 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1996.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Ibrahim Ali telah menyentuh soal pembinaan pembangunan Putrajaya di mana beliau menyatakan bahawa pembinaannya telah diserahkan kepada kontraktor yang berwibawa melalui tender rundingan (negotiated tender) di mana keuntungan tidak melebihi 15% telah digariskan sebagai panduan. Beliau juga telah membangkitkan soal anggaran kontrak sesuatu projek diketahui oleh sesetengah pihak. Akhir sekali beliau juga membangkitkan soal persaingan antara kontraktor berwibawa dan public listed company bagi mendapatkan satu-satu projek.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan bahawa projek pembangunan Putrajaya masih pada peringkat awal. Justeru itu soal memberikan pembinaan

pembangunan Putrajaya belum lagi berbangkit pada masa ini. Dengan itu juga soal mengenai garis panduan kadar keuntungan tidak melebihi 15% yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu juga tidak timbul.

Berhubung dengan kadar anggaran sesuatu kontrak telah diketahui oleh sesuatu pihak, saya sukalah memaklumkan bahawa anggaran kontrak yang dibuat oleh pihak JKR termasuk dalam golongan dokumen terkelas (classified document) dan tidak boleh dimaklumkan kepada mana-mana pihak atau sesiapa. Apa yang boleh berlaku ialah pihak tertentu mungkin merujuk kepada anggaran perbelanjaan sesuatu projek sebagaimana tercatat dalam dokumen Anggaran Belanjawan Tahunan. Makluman yang terkandung di dalam dokumen Anggaran Belanjawan Tahunan ini adalah untuk kegunaan orang awam. Walau bagaimanapun, sekiranya ahli Yang Berhormat mempunyai kes yang tertentu di mana anggaran kos sesuatu projek yang disediakan oleh JKR diketahui oleh sesetengah pihak, saya sukalah meminta Ahli Yang Berhormat supaya memaklumkan kepada pihak kami tentang perkara itu supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi menyiasat bagaimana anggaran kos JKR itu boleh dibocorkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal saingan antara kontraktor berwibawa dan bagi mendapatkan kontrak kerajaan, saya ingin memaklumkan bahawa sesuatu projek yang dilaksanakan secara tender terbuka boleh ditandingi oleh semua pihak yang layak termasuk juga kontraktor yang berwibawa dan public listed company. Hanya bagi projek-projek tertentu di mana telah dikenal pasti projek berkenaan wajar

dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang berwibawa, maka saingan bagi mendapatkan projek tersebut terhad kepada kontraktor-kontraktor berwibawa sahaja.

Saya harap penjelasan ini akan dapat diambil maklum oleh Ahli Yang Berhormat....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: [Bangun]

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk Railey, Datuk Ibrahim Ali minta laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mengenai dengan Putrajaya tadi, saya pun tahu bahawa projek itu belum berjalan lagi. Betullah perkara ini belum berbangkit sebab belum berjalan. Saya pun tahu perkara itu belum berjalan lagi, cuma tinggal lagi apa yang saya bangkitkan ialah mengingatkan pihak kerajaan terutamanya kementerian yang bertanggungjawab nanti di mana perbadanan Putrajaya yang akan diwujudkan nanti supaya mengambil kira perkara-perkara seumpama yang saya bangkitkan itu supaya tidak akan berlaku. Jadi, bila Yang Berhormat jawab belum berbangkit sebab belum berjalan itu seolah-olah saya tidak tahu bahawa projek itu belum berjalan. Memang saya tahu belum berjalan.

Perkara yang kedua yang saya hendak bangkitkan ialah bersabit dengan persaingan antara kontraktor berwibawa ataupun kontraktor bumiputera dengan syarikat-syarikat yang disenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur. Isu yang saya bangkit ialah, memang benar ada projek-projek yang dibuat secara negotiated. Tetapi projek-projek yang dibuat secara negotiated kepada kontraktor yang berwibawa,

anggaran keuntungan itu dikecilkan di mana kalau dalam tawaran biasa selalunya diberi 15% anggaran keuntungan tetapi apabila diberi projek secara negotiated, mereka ini saya difahamkan peluang keuntungannya tidak lebih daripada 6% atau 7%. Maknanya, begitu sekali cengkaman terhadap harga tawaran itu dibuat terhadap kontraktor yang berwibawa. Moral yang saya bangkitkan, kita beri projek kepada kontraktor berwibawa untuk menolong syarikat kontraktor bumiputera sebab mereka sukar mendapat projek secara saingan terbuka dan memberi projek secara langsung dengan cara negotiated, itu memberi jaminan mereka mendapat projek. Bagaimanapun bukan setakat mereka mendapat projek tetapi mereka juga harus diberi kesempatan untuk meraih keuntungan yang munasabah. Tetapi kalau mendapat tender tanpa tender terbuka dengan keuntungan 6% samalah mereka masuk tawaran terbuka dengan harga terendah dan keuntungannya begitu sedikit.

Saya harap Yang Berhormat dapat memahami maksud yang saya bangkitkan dalam perbincangan saya tempoh hari. Sekian, terima kasih.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Yang Berhormat, terima kasih. Jawapan kepada yang pertama itu saya mengucapkan terima kasihlah kerana mengingatkan, insya-Allah, kita akan mengambil perhatian.

Kepada perkara yang kedua, sebenarnya itu bukanlah satu dasar. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa dasar kita menggalakkan kontraktor-kontraktor bumiputera berwibawa memang hendak menyenangkan mereka dan kalau boleh supaya mereka dapat mengaut keuntungan yang sewajarnya, bukan hendak

merugikan mereka. Tetapi kalau dikatakan bahawa Kementerian Kerja Raya menekan mereka sehingga hanya mendapat untung hanya 6% saya rasa tidak berlaku perkara yang semacam itu. Tetapi namun demikian, usaha kita di samping menggalakkan kita memastikan supaya jangan kontraktor-kontraktor bumiputera anggap semua perkara yang dipermudahkan oleh kerajaan bagi mereka, mereka boleh buat sambil lewa dan asalkan dapat untung yang berlebihan dan kualiti kerja tidak dipedulikan. Maksud saya ini ialah soal untung kecil atau besar itu satu perkara yang Yang Berhormat timbulkan tadi itu bukanlah satu dasar.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Yang Berhormat mahu bertanya lagi atau saya...

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tanyalah. Habiskanlah dahulu. Saya tunggu, tak apalah. Saya hendak releks bersama-sama di sini.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Saya benarkan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Betullah. Saya sedar apa yang Yang Berhormat jawab dan saya pun faham macam mana Yang Berhormat hendak jawab ke sana ke mari ini. Soalan saya, dari segi keuntungan, saya sudah bertanya dengan Senator Tuan Haji Abdul Salam Awang, Presiden Persatuan Kontraktor Bumiputera. Dengarlah ini - saya membantu beliau. Masalah keuntungan 6%, 7% ini tidak bolehkah dijadikan satu dasar, maknanya, anggaran keuntungan untuk negotiated tender kepada kontraktor berwibawa fixed, kalau 10% , 10%. Masalahnya ialah

quantity surveyor di jabatan ini, dia ini pegawai-pegawai. Jadi, pegawai-pegawai ini mereka buat mengikut anggaran mereka sendiri. Betullah mereka ada pengalaman tetapi kadang-kadang anggaran itu dibuat tidak memberi keuntungan mengikut takat keuntungan yang sewajarnya. Kalau kita sudah tahu bahawa dasar selama ini 15% ceiling untuk sesuatu projek. Kenapa tidak ditetapkan khusus, sebab saya tengok macam ada setengah-setengah itu bila dia nampak seorang kontraktor berwibawa dapat tender, indirectly boleh dikatakan dia 'geram', 'Ini dia dapat tender secara consolidated tender, aku hendak kenakan dia'. Jadi dinegotiate pricelah. Negotiate price itu dia punya keuntungannya 3%, 4%, 5% dan 6% sahaja. Jadi, kalau keuntungan sudah sebanyak itu macam mana mereka boleh hidup? Saya minta perkara ini dipanjangkan kepada pihak kementerian. Itu maksud saya. Bukanlah kata soal untung besar, kecil yang saya bawa. Saya hendakkan penjelasan, kalau tidak Yang Berhormat Senator Haji Abdul Salam boleh membantu saya. Tolong bantu saya sedikit.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya memang boleh beri penjelasan tentang soal ini. Walaupun dasar yang ditentukan tidak ada, soal seseorang kontraktor berwibawa itu harus untung sekian banyak, 6%, 7% atau 10%. Tetapi yang penting di sini, andai kata kita memastikan atau menetapkan keuntungan 10% tetapi dalam proses pelaksanaan projek berkenaan, masalah-masalah mungkin timbul yang menyebabkan keuntungan itu tidak sampai 10% atau 6%.

Jadi, dalam hal ini seperti yang saya katakan tadi, kualiti kerja itu harus kita pastikan selain daripada keuntungan. Tetapi sekurang-kurangnya tidak rugi. Ini yang kita pandang dari segi positifnya bagaimana membantu, selain daripada memastikan keuntungan itu ada dan jangan rugi tetapi kualiti kerja juga perlu dipastikan berlaku. Jadi, insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta laluan.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Silakan.

Tuan Haji Abdul Salam bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini cukup penting untuk kita berbincang lebih lanjut kerana perkara ini menyentuh kedudukan kontraktor itu sendiri. Jadi, masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Haji Ali itu sangat benar. Perkara berkenaan harga kontrak tadi, sepatutnya ditentukan profit margin.

Jadi, apa yang dicakapkan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya tadi, bermakna keuntungan ini terletak kepada orang yang hendak masuk tender itu. Saya rasa tidak berapa betul. Perkara keuntungan tadi mestilah kita fix daripada basic cost. Kos yang asalnya berapa, maka kita masukkanlah. Selalunya profit margin yang dibenarkan oleh kerajaan ialah di antara 10% ke 15%. Perkara itu patut dipastikan dan tidaklah menjadi satu variation yang lain. Itu kita harapkan keadaannya.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, jadi saya rasa kita tidak payah cakap panjanglah. Saya faham akan maksudnya. Insyallah kita akan ambil perhatianlah. Saya boleh jawab tetapi tidak payah jawablah. Ada justifikasi yang boleh disebutkan di sini.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin telah menyentuh mengenai pelaksanaan Jalan Kuala Krai - Gua Musang, Kuala Lipis - Raub di mana peruntukan yang disediakan bagi projek ini bagi tahun 1991/95 adalah sebanyak RM40,890,000 sementara perbelanjaan yang telah dilakukan dari tahun 1991 hingga 1994 cumalah sebanyak RM33,672,000. Beliau berharap baki peruntukan yang tidak dibelanjakan itu digunakan untuk memperbaiki atau mengelokkan jalan-jalan lain di kawasan pantai timur yang dikenal pasti sebagai tidak begitu selamat untuk digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya penyediaan peruntukan sesuatu projek itu adalah bergantung kepada prestasi semasa pelaksanaannya dan prestasi yang dijangkakan pada tahun baru atau tahun depan. Walau bagaimanapun, prestasi pelaksanaan itu boleh berubah dari apa yang kita jangkakan disebabkan beberapa faktor seperti masalah teknikal, keadaan cuaca dan masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerja-kerja penyenggaraan atau memperbaiki jalan-jalan yang rosak dan tidak selamat di negeri-negeri pantai timur, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa dalam setiap Rancangan

Malaysia lima tahun, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang cukup besar untuk maksud ini. Walau bagaimanapun, pengagihan peruntukan adalah bergantung kepada keutamaan sesuatu projek penyelenggaraan itu kerana peruntukan yang disediakan masih tidak mencukupi untuk diagih-agihkan kepada semua projek yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan sesuatu sistem rangkaian jalan raya atau lebuhraya yang terbaik sekali di seluruh negara termasuklah di negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia. Sebenarnya kerajaan telah meluluskan beberapa projek untuk pantai timur. Pembinaan projek jalan raya Kuala Kerai-Gua Musang, Kuala Lipis-Raub merupakan salah satu projek untuk kemudahan perhubungan jalan barat bagi kawasan pantai timur. Di samping itu, kerajaan juga bercadang untuk membina sebatang lebuhraya yang dikenali sebagai Lebuhraya Pantai Timur yang serupa dengan Lebuhraya Utara Selatan. Projek ini akan dibina secara berperingkat-peringkat nanti. Pada masa ini, kerajaan sedang menimbangakan pembinaan lebuhraya ini setakat Karak, Kuantan dan Kuala Terengganu.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ini naik risau, bila dengar satu peruntukan gembira. Soal pembinaan jalan raya dari Kuala Krai-Gua Musang dan

sebagainya di pantai timur. Soalan saya, minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, bagaimana soal pengambilan tanah? Apakah perkara itu telah selesai? Dan kalau perkara itu belum selesai, saya rasa lebih baik selesaikan soal pengambilan tanah. Takut atau dibimbangkan peruntukan besar diberi kemudian prestasinya rendah, kemudian bila ditarik peruntukan akan merugikan orang Kelantan. Sebab di Kelantan ini masalah tanah adalah satu masalah pokok.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya belum selesai. Jadi, maknanya kalau projek ini dibina akan datang, ianya akan memakan masa sebahagian daripada masa itu akan digunakan untuk proses pengambilan tanah. Jadi, itulah di antara prosesnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno telah membangkitkan mengenai....

Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin: [*Bangun*]

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin minta laluan.

Dato' Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit penjelasan dan juga ketetapan. Pihak kerajaan ada menyebut tadi berkenaan hendak membuat sebatang jalan seperti Lebuhraya Utara Selatan di pantai timur. Jadi, kalau boleh saya hendak tahu nama jalan itu.

Yang keduanya, mengapakah pihak kerajaan khususnya JKR apabila mengendalikan jalan-jalan tidak begitu sempurna? Apabila sampai enam bulan,

tidak sampai setahun tukar pula alignment, betulkan jalan itu pula. Semalam, Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari pantai timur saya nampak lebih kurang 60 buah kereta tersadai di Bukit Tinggi sebab panas, sebab tidak dapat hendak berjalan terus, beransur-ansur naik bukit. Jadi, keluarga dan anak-anak menangis di tepi jalan. Saya tengok semalam. Kasihan, tetapi apa boleh buat, keadaan itu begitu, disebabkan alignment baru hendak ditukar. Mengapa dulu tidak sempurnakan sekali? Ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan khususnya di pantai timur teruk sangat sekarang ini. Kalau boleh kita peruntukkan separuh daripada peruntukan tahun hadapan ke pantai timur. Kasihan orang-orang pantai timur hendak ke Kuala Lumpur.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Sekarang musim hujan, banjir di sana-sini. Jadi, jalan tutup, jalan runtuh atau alignment baru dan sebagainya merupakan fakta-fakta yang menyebabkan "jam" dan sebagainya.

Berkenaan dengan alignment jalan yang Yang Berhormat tanyakan tadi, saya sebenarnya tidak dapatlah hendak memastikan dari ke mana, sebab sekarang ini ada dua pilihan; sama ada jalan itu running up parallel atau bersamaan selari dengan jalan dari Kuala Terengganu ke beberapa kawasan berkenaan ataupun dari dalam. Jadi, saya susahlah hendak menjelaskan di sini dengan bercerita. Tetapi insya-Allah kalau saya berpeluang berjumpa Yang Berhormat di luar nanti, saya bolehlah menunjukkan alignment yang lebih jelas melalui peta. Apa orang kata

melihat gambar lebih jelas daripada kita bercakap. Insya-Allah Yang Berhormat. Jadi, saya rasa itulah jawapan kepada persoalan jalan di pantai timur.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Sairin bin Haji Karno telah membangkitkan mengenai peruntukan yang tidak dibelanjakan pada tahun 1994 untuk Kementerian Kerja Raya berjumlah sebanyak RM404 juta. Beliau menyarankan supaya Kementerian Kerja Raya merancangkan perbelanjaannya agar banyak lagi jalan-jalan rosak di Sabah dan lain-lain dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang membuat perancangan yang teliti dalam pelaksanaan sesuatu projek itu termasuklah dari segi penyediaan peruntukan yang diperlukan. Walau bagaimanapun, beberapa fakta telah menyebabkan perancangan ini tidak menepati sasaran yang dijangkakan. Fakta-fakta tersebut adalah seperti masalah teknikal yang meliputi perubahan skop dan reka bentuk projek, pemindahan kemudahan awam yang terdapat di kawasan projek, masalah pengambilan balik tanah, projek ditangguhkan kerana peruntukan tidak mencukupi, keadaan cuaca dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak kontraktor sendiri yang melambatkan kerja-kerja ke atas sesuatu projek.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya rasa sekianlah sahaja penjelasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan. Sekali lagi, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran berhubung dengan perkara-perkara yang bersabit dengan Kementerian Kerja Raya.

Sebarang perkara yang ditimbulkan dan tidak dijawab, insya-Allah kami akan mengambil perhatian dan memberikan tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, kita berikan peluang untuk Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno untuk meminta penjelasan.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Silakan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Seandainya masalah-masalah yang telah disebutkan ini menjadi masalah besar kepada pihak kementerian, kenapa tidak sahaja kementerian menggunakan barangkali cara turnkey project. Sebagai contoh jalan Nabawan-Keningau yang sentiasa terbiar, yang telah pun dijanjikan untuk diaspal, saya tidak tahu berapa lama, kemudian sebaik-baik sahaja Kerajaan Barisan Nasional memerintah negeri Sabah, Jalan Kimanis-Keningau juga akan diaspal ataupun dinaikkan taraf. Kalau masalah-masalah seperti Yang Berhormat telah sebutkan menghadapi perkara-perkara yang tidak boleh diatasi, apakah kementerian tidak boleh menggunakan cara turnkey project bagi mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Silakan.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sistem memperuntukkan sesuatu peruntukan itu yang dikhaskan kepada jalan-jalan tertentu sememangnya akan digunakan, walaupun apabila dicampur ia

menjadi banyak, oleh kerana projek-projek berkenaan tidak siap, ada lebih wang sedikit di sana, sedikit di sini, apabila dicampurkan menjadi banyak. Memang ada logiknya jika pada satu-satu masa peruntukan yang tidak dibelanjakan boleh dipindahkan kepada lain-lain projek, tetapi ini akan memerlukan prosedur kewangan tertentu yang hanya boleh ditentukan oleh pihak Treasury ataupun Perbendaharaan.

Mengenai kerja raya, kita sedia menjalankan tugas jika sekiranya perkara-perkara berhubung dengan sesuatu perpindahan kewangan untuk membina sesebuah jalan itu dibenarkan. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Sekarang saya jemput Kementerian Pertanian.

4.53 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad, menyatakan harapannya agar Kementerian Pertanian dapat memberi tumpuan kepada projek-projek pertanian secara komersil, menggunakan sepenuhnya tanah terbiar dengan tanaman padi dan memajukan tanah-tanah hutan dengan tanaman

sayur-sayuran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sememangnya sedang menjalankan usaha-usaha bagi meningkatkan hasil-hasil pertanian negara dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek pertanian secara komersil. Usaha ini melibatkan penwujudan ladang-ladang buah-buahan melalui konsep dusun nukleus, mini-mini estet dan projek-projek berkelompok. Di samping itu tumpuan juga diberi kepada pelaksanaan projek-projek sayuran, ternak air atau akuakultur dan projek-projek ternakan yang lain.

Kementerian juga akan terus mengambil langkah-langkah bagi memulihkan dan mempertingkatkan produktiviti tanah-tanah terbiar terutamanya melalui program penyatuan dan pemulihan tanah untuk ditanam dengan jenis-jenis tanaman yang mempunyai nilai komersil, seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan tidak tertumpu kepada tanaman padi sahaja.

Pertubuhan Peladang Kawasan atau PPK dan sektor swasta khususnya syarikat dan usahawan bumiputera akan digalakkan untuk melibatkan diri dalam pembangunan tanah tersebut.

Kementerian juga sedang memperhebatkan lagi pembangunan industri sayur-sayuran untuk memenuhi permintaan tempatan dan luar negara yang kian meningkat. Kawasan-kawasan untuk pengeluaran sayur-sayuran secara komersil oleh petani-petani dan pihak swasta akan diperluaskan lagi di kawasan tanah terbiar, tanah pertanian yang sedia ada dan bekas lombong ataupun tanah-tanah

hutan. Usaha-usaha untuk menzonkan kawasan-kawasan tertentu sebagai zon kekal bagi sayur-sayuran atau jelapang sayur juga sedang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali pula telah mencadangkan supaya program tebatan banjir diperluas dan dibanyakkan lagi di Kelantan bagi mengatasi masalah hakisan sungai. Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan, saya suka menjelaskan bahawa beberapa program tebatan banjir bagi kawasan Kota Bharu khasnya dan Kelantan amnya sedang dan akan diteruskan.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam sejumlah RM18.5 juta telah diperuntukkan dan dari jumlah tersebut sebanyak RM17 juta telah dibelanjakan sehingga ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi Rancangan Malaysia Ketujuh, program ini akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang dari Sarawak telah memaklumkan bahawa masih terdapat banyak tanah sawah yang belum diteroka dan dimajukan di Sarawak. Beliau mencadangkan supaya agensi-agensi kerajaan seperti Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) memajukan tanah-tanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan juga kerajaan Sarawak memang yakin bahawa konsep AIDP adalah langkah yang terbaik bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk khususnya di pedalaman termasuk pembangunan tanah-tanah sawah yang belum diteroka. Dalam hubungan ini, IADP Samarahan dan IADP Kalaka-Saribas akan

mempergiatkan lagi penglibatan mereka untuk memajukan kawasan-kawasan di Sarawak dengan tanaman kelapa sawit, buah-buahan terutamanya nenas serta menceburi aktiviti-aktiviti ternak air. Di samping itu, Kementerian Pertanian bersama Kerajaan Negeri Sarawak juga sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan tiga lagi IADP di Sarawak iaitu IADP Kalaka-Saribas Fasa II di daerah Saribas, IADP Rajang dan IADP Daro-Mukah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang mencadangkan supaya program atau projek IADP dipergiat dan diperluaskan lagi supaya berbagai aktiviti untuk petani dan nelayan dapat dijalankan bagi meningkatkan pendapatan golongan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek IADP yang telah dilaksanakan sehingga kini didapati terbukti memberi manfaat kepada golongan sasaran dari segi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup petani-petani. Sehubungan dengan ini, Kementerian Pertanian akan terus mempergiat dan memperluaskan lagi projek-projek yang dapat membantu mempertingkatkan pendapatan petani-petani di kawasan berkenaan. Di antara projek-projek tersebut adalah projek-projek pemerosesan bahan-bahan pertanian, projek-projek pelancongan berasaskan pertanian dan aktiviti-aktiviti sampingan seperti kraftangan akan juga dipertingkatkan. Bagi tujuan ini di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, Kementerian Pertanian telah memperuntukkan sebahagian besar daripada peruntukan bagi pembangunan IADP di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baهران telah menyentuh beberapa perkara meliputi:

- (i) Mengenai peranan dan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pertanian berikutan kemerosotan bahagian sektor pertanian dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada 20% kepada 11%.
- (ii) Beliau mencadangkan supaya Koperasi Asas Tani dan Koperasi Perikanan di bawah Kementerian Pertanian dipindahkan ke bawah Jabatan Pembangunan Koperasi.
- (iii) Beliau mencadangkan supaya Kementerian Pertanian mencari alternatif kepada daging ayam dan mempromosikan alternatif tersebut. Ini adalah bagi mengurangkan permintaan terhadap daging ayam dan seterusnya menurunkan harga ayam.
- (iv) Beliau mencadangkan supaya sektor pertanian menjalankan program secara komersil lebih berdaya maju dan meminta program komersil yang dijalankan oleh MARDI mengeluarkan produk di pasar-pasar raya bukan hanya setakat demonstrasi.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah benar dari segi peratusan sumbangan sektor pertanian terhadap ekonomi negara telah menurun dari 18% pada tahun 1990 kepada 14% pada tahun 1995. Penurunan ini adalah dijangka memandangkan negara

kita sekarang ini sedang menuju ke arah negara perindustrian. Namun demikian, jika dilihat dari segi nilai mutlak sumbangan sektor pertanian ianya telah menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu dari RM14.8 bilion pada tahun 1990 kepada RM16.7 bilion pada tahun 1995 iaitu peningkatan hampir 13% dalam tempoh tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, jika perbandingan ini diambil kira sumbangan secara tidak langsung sektor ini, iaitu melibatkan sektor pembuatan dan perkilangan seperti pemerosesan bahan makanan, input pertanian dan pengeluaran bahan-bahan untuk pertanian, maka sumbangan sektor pertanian secara tidak langsung adalah lebih tinggi.

Kedua, mengenai saranan Yang Berhormat supaya koperasi berasaskan pertanian dipindahkan ke Jabatan Pembangunan Koperasi, Kementerian Pertanian tidak mempunyai cadangan untuk melaksanakan setakat ini memandangkan Kementerian Pertanian mempunyai keupayaan untuk mempertingkatkan keberkesanan dan prestasi koperasi tersebut melalui agensi-agensi kementerian seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Lembaga Pertubuhan Peladang yang mana keseluruhan kegiatannya melibatkan kegiatan sektor pertanian.

Ketiga, mengenai sistem kawalan harga ayam yang dicadangkan dan akan dilaksanakan, untuk makluman Yang Berhormat, kita telah mengambil kira segala aspek supaya ianya tidak membebankan pihak yang terlibat seperti penternak, pemborong, peruncit dan pengguna. Dalam menentukan harga ayam di peringkat

penternak, Kementerian Pertanian telah mengambil kira berbagai faktor iaitu kos makanan ayam, kos buruh, tempoh pemeliharaan, risiko dan keadaan pasaran ayam yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Di samping itu, Kementerian Pertanian juga akan menentukan agar sistem kawalan harga ini tidak akan menjejaskan penternak kecil yang sedang berusaha meningkat ke arah pengeluaran komersil.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya harga barangan pertanian di negara kita di peringkat ladang tidaklah sebegitu tinggi. Misalnya ikan kembong di jeti nelayan, harganya RM3 sekilo, tetapi di pasar di antara RM5 hingga RM6 sekilo, limau madu, misalnya di ladang RM2 sekilo tetapi di pasar di antara RM4 hingga RM4.50 sekilo. Begitulah seterusnya barangan-barangan lain yang saya rasa jangan kita libatkan harga di pasar dengan harga yang diperolehi oleh nelayan atau petani-petani kerana harga yang ada pada masa ini agak begitu munasabah di peringkat ladang, tetapi agak tinggi di peringkat harga di pasaran atau yang dibeli oleh pengguna dan kementerian saya hanya bertanggungjawab untuk menentukan harga di peringkat ladang sahaja.

Keempat, mengenai pandangan Yang Berhormat supaya hasil teknologi pemerosesan bahan-bahan makanan berasaskan hasil tempatan perlu diperluaskan penggunaannya. Kementerian Pertanian sedang giat berusaha untuk mempertingkatkan pengeluaran dan memperluaskan pasaran bagi hasil-hasil bahan melalui persatuan-persatuan peladang, kumpulan-kumpulan pengembangan wanita

(KPW) serta anak-anak syarikat di bawah kementerian seperti MADITEK dan PAMALCO.

Dengan itu, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi perhatian kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian dan juga akan memberi kesan kepada petani, penternak dan nelayan. Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

5.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1996 yang menyentuh bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Kian Sit Har dan Yang Berhormat Datuk Johan bin O.T. Ghani supaya kementerian sentiasa menjalankan pemeriksaan harga barangan agar sentiasa terkawal dan tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. Suka saya menjelaskan bahawa pemeriksaan

harga dan bekalan sememangnya telah dilaksanakan dari semasa ke semasa terutama semasa musim perayaan supaya bekalan barangan keperluan sentiasa mencukupi dan pengguna dapat membeli dengan harga yang berpatutan.

Pemeriksaan harga dan bekalan ini telah dilakukan di premis-premis perniagaan di seluruh negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dalam operasi Ops Sedar yang sedang dilaksanakan oleh kementerian sehingga 16hb. September 1995, sebanyak 403,659 premis perniagaan telah diperiksa.

Selain daripada itu, bagi meningkatkan lagi peranan kementerian dari segi pengawalan inflasi, bilangan pejabat penguatkuasa di seluruh negara akan dipertingkatkan dan tindakan sedang dibuat bagi menambah lagi bilangan pegawai dan kakitangan supaya penguatkuasaan dan pemeriksaan sama ada dari segi harga dan bekalan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perbezaan harga di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak dan di kawasan luar bandar di Semenanjung sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Johan bin O.T. Ghani, sukacita dijelaskan bahawa kerajaan memang sedar mengenai wujudnya perbezaan harga di antara dua kawasan tersebut. Secara umumnya, faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan ini adalah disebabkan oleh masalah-masalah yang berkaitan dengan perhubungan dan pengangkutan. Walau bagaimanapun, kajian yang terperinci akan dibuat bagi mengenal pasti punca-punca sebenar yang menyebabkan berlakunya perbezaan harga. Setelah mengetahui faktor-faktor yang

berkaitan, strategi-strategi tertentu akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kesahihan kadar sebenar inflasi negara pada masa ini, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud dari Kelantan, sukalah dijelaskan bahawa indeks harga pengguna (IHP) adalah digunakan bagi mengukur kadar inflasi ini. Indeks harga pengguna adalah merangkumi sembilan kumpulan barangan dan perkhidmatan yang digunakan bagi mengukur kadar purata perubahan harga bagi kumpulan barangan dan perkhidmatan yang telah ditetapkan. Kumpulan barangan dan perkhidmatan tersebut adalah mewakili corak perbelanjaan isi rumah purata di Malaysia yang dirangka khusus untuk dipakai di negara ini. Faktor utologi pengiraan yang digunakan oleh Jabatan Statistik adalah berasaskan formula yang digunakan di seluruh dunia. Ini merupakan satu kaedah yang proven sejak sekian lama dengan pengiraan indeks harga pengguna. Dengan itu, indeks harga pengguna yang digunakan sekarang adalah merupakan petunjuk terbaik bagi menentukan kadar inflasi dalam negara. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dibuat bagi mewujudkan indeks harga pengguna yang berasingan, yang lebih sesuai kepada negara kita.

Berhubung dengan kadar faedah yang tinggi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba, sukalah dimaklumkan bahawa mengikut Akta Sewa Beli 1967, kadar faedah bagi barang-barang yang dibeli secara sewa beli adalah 10%. Kadar tersebut ditetapkan selepas perbincangan dengan pihak Bank Negara.

Kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba sedang disiasat. Tindakan undang-undang akan diambil jika peniaga yang melanggar Akta Sewa Beli 1967 ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan ke arah mempertingkatkan lagi peranan dan tanggungjawab kementerian ini. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Sekarang dijemput Kementerian Pendidikan.

5.11 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan sepanjang perbincangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai perkara tentang pendidikan. Ini menunjukkan minat yang mendalam di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan erti dan makna pendidikan untuk pembangunan dan kemajuan negara kita.

Dalam jangka waktu yang terhad ini sudah pastilah tidak dapat hendak saya perelaskan satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Saya akan memberikan penjelasan secara am, dan mana-mana yang perlu secara spesifik, dan perkara-perkara yang tidak dapat saya sentuh dalam jawapan ini adalah diambil perhatian dan diteliti.

Memang menjadi hasrat kerajaan meningkatkan tenaga manusia profesional untuk memenuhi keperluan negara menjelang tahun 2000. Bagi memenuhi keperluan tersebut, kerajaan akan terus memperluaskan peluang pendidikan di peringkat tertinggi dengan mewujudkan institusi pengajian tinggi ataupun IPT baru, menambahkan kapasiti IPT yang sedia ada, dan membuka cawangan-cawangan IPT.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali agar cawangan ITM dibuka di setiap negeri. Pada masa ini, ITM telah mempunyai kampus cawangan di seluruh negeri, kecuali Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan.

Mengenai cadangan menaikkan taraf ITM kepada universiti, kerajaan belum bercadang berbuat demikian. Ini bersesuaian dengan tujuan penubuhan ITM untuk melahirkan lebih ramai golongan profesional di kalangan bumiputera. Walau bagaimanapun, ITM juga menawarkan kursus-kursus yang setaraf dengan ijazah, selain daripada diploma lanjutan dan juga diploma.

Berhubung isu penggunaan bahasa Inggeris di IPT tempatan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, kerajaan memang memberi kelonggaran sedikit terhadap penggunaan bahasa tersebut di IPT tempatan, khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Perlu diingatkan, kelonggaran ini bukan bermakna kerajaan mengetepikan ataupun hendak menjejaskan martabat dan maruah Bahasa Kebangsaan yang menjadi bahasa pengantar utama dari

sekolah-sekolah rendah hinggalah ke peringkat pendidikan tinggi. Tujuan membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di IPT tempatan kerana kebanyakan buku rujukan dalam bidang tersebut menggunakan bahasa Inggeris. Di samping itu, pelajar-pelajar juga digalakkan mempelajari bahasa-bahasa asing yang lain selain sesuai dengan era globalisasi. Langkah ini juga bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Mengenai usaha memendekkan tempoh pengajian di universiti-universiti tempatan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen dan Yang Berhormat Datuk Johan Ghani, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan arahan agar semua kursus peringkat ijazah pertama dipendekkan daripada empat tahun kepada tiga tahun. Namun demikian, pelaksanaannya terpulanglah kepada setiap universiti untuk mengkaji secara terperinci kesesuaiannya bagi setiap bidang kursus yang dijalankan tanpa kompromi dari segi kualiti. Adalah dirancangan supaya perkara ini dapat dimulakan pada sesi pengajian 1996/1997.

Di samping memperbanyakkan tempat di IPT tempatan, kerajaan juga akan membenarkan penubuhan IPT swasta dan membenarkan universiti luar negara membuka cawangan di Malaysia, setelah Rang Undang-undang Insitusi Pendidikan Swasta diluluskan. Dengan ini, lebih ramai pelajar akan dapat mengikuti pengajian di dalam negara dan mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara yang sekali gus dapat menjimatkan pengaliran wang keluar,

sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman.

Mengenai cadangan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia Ibrahim untuk mengadakan kursus mengenai kekeluargaan di universiti tempatan, perkara ini boleh diberi pertimbangan sewajarnya oleh universiti-universiti terlibat. Universiti-universiti tempatan memang diamanahkan untuk memainkan peranan utama dalam pengeluaran guna tenaga yang diperlukan oleh negara, terutama dalam bidang-bidang kursus tertentu seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Chet Singh. Universiti-universiti tempatan akan meningkatkan kegiatan pendidikan jarak jauh bagi kepentingan mereka yang tidak dapat memasuki universiti secara formal.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin yang meminta kerajaan membela nasib 70 orang guru di Yayasan Islam Kelantan yang menghadapi kemungkinan dipecat oleh Kerajaan Negeri Kelantan kerana menyokong UMNO. Kementerian Pendidikan sentiasa memberi peluang yang seluas-luasnya kepada sesiapa yang ingin berkhidmat sebagai guru sekiranya memenuhi syarat-syarat kelayakan Perkhidmatan Pendidikan.

Berhubung cadangan beliau agar sekolah-sekolah Arab dimasukkan ke dalam pentadbiran Sekolah Kebangsaan, Kementerian Pendidikan tiada halangan untuk menerima masuk sekolah-sekolah tersebut ke dalam pentadbiran Kementerian Pendidikan sekiranya pihak lembaga pengurusan sekolah-sekolah

berkenaan bersetuju berbuat demikian.

Kementerian Pendidikan sememangnya mendapat peruntukan pembangunan dan mengurus yang agak besar. Bagi perbelanjaan pembangunan, walaupun peruntukan tersebut tidak dapat dihabiskan sepenuhnya, tetapi peratusnya sangat kecil. Sebagai contoh, pada tahun 1994.....

Datuk Haji Hashim bin Safin: [*Bangun*]

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Datuk Hashim minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri mengenai sekolah-sekolah. Saya banyak bawa hal Kelantan, fasal yang lain itu kawan-kawan dari Kelantan perlu bercakap banyak sedikit.

Mengenai sekolah-sekolah Agama Rakyat keadaannya memang semakin menyedihkan. Ada yang sudah ditutup, ada bangunan yang sudah hendak roboh. Tetapi masalahnya, Kerajaan Negeri masih berkeras. Dalam perundingan mesyuarat ExcoNegeri bercakap, 'kita tidak perlu bergantung kepada Kerajaan Pusat. Selama ini pun kita tak mati kerana Kerajaan Pusat.' Bercakap sombong. Ini maklumat yang kita dapat. Masalah Yang Berhormat kata tadi, kalau Lembaga Pengelola Sekolah bersetuju untuk diserap oleh Kerajaan Persekutuan, apakah kemungkinan lain daripada pihak Kerajaan Negeri, khususnya Yayasan Islam Kelantan yang menaungi sekolah-sekolah agama ini boleh menghalang. Kerana saya fikir mungkin kita boleh main peranan melalui pengaruh di kampung untuk

memastikan Lembaga Pengurus Sekolah itu bersetuju untuk menyerahkan sekolah kepada Kerajaan Persekutuan di bawah sistem kebangsaan sekarang. Kalau ada kemungkinan lain daripada Kerajaan Negeri, apakah cara kita atasi? Matlamat saya, pembelaan kepada masyarakat anak Kelantan yang teraniaya oleh perbuatan politik Kerajaan Negeri?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya suka jelaskan dari segi dasarnya. Dasarnya untuk sekolah-sekolah Agama Rakyat. Yang ini kementerian melalui peruntukan, bukan sahaja melalui peruntukan Akta Pendidikan yang baru ini, tetapi juga di masa-masa yang lampau pun ada boleh kita bantu sekolah-sekolah agama rakyat ini yang ditaja dan dikendalikan oleh orang ramai. Cuma sekolah-sekolah agama yang di bawah pengendalian ataupun tadbiran Kerajaan-kerajaan Negeri, sekolah ini ada kaitan dengan Perlembagaan.

Namun begitu, setakat hendak membela untung nasib murid-murid yang berada di sekolah-sekolah agama rakyat ini, ini kita memang boleh membantu mereka dan saya berpendapat untuk mengupasnya secara lanjut, macam mana cara, kalau misal kata hendak mendapat persetujuan mana-mana ahli lembaga pengelola ataupun pengurus supaya sekolah-sekolah ini tidak perlu sangat bergantung kepada Kerajaan Negeri Kelantan khususnya, itu saya fikir kita cakap senyap-senyaplah, ya! Tak payah cakap sini, ada jalan tu! Tetapi setakat hendak bantu sekolah agama rakyat itu, saya kata boleh kita bantu, insya-Allah. Beri listlah, kita boleh

bantu, tidak ada masalah. Baik, puas hati ya?

Datuk Haji Hashim bin Safin: Ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebutkan tadi tentang soal peruntukan pembangunan dan mengurus yang ditimbulkan di Dewan yang mulia ini, sebagai contoh pada tahun 1994, sejumlah RM1.62 bilion peruntukan pembangunan telah diluluskan kepada Kementerian Pendidikan. Dari jumlah tersebut sebanyak RM1.54 bilion ataupun 95.12% telah dibelanjakan. Peruntukan yang tidak dibelanjakan adalah disebabkan oleh kelewatan pelaksanaan projek sahaja.

Manakala bagi perbelanjaan mengurus bagi tahun 1994 sebagai contoh, peruntukan sebanyak RM7.8 bilion, hampir-hampir habis dibelanjakan. Ini bermakna prestasi perbelanjaan mengurus Kementerian Pendidikan hampir mencapai matlamatnya 100%.

Dalam usaha menyediakan peluang pendidikan yang lebih banyak di peringkat tinggi, kerajaan membenarkan penubuhan institusi-institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Fenomena ini menimbulkan kebimbangan di setengah-setengah pihak terutama dari segi kemampuan pelajar yang kurang berada memasuki IPTS sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran yuran yang dikenakan berbeza antara satu institusi dengan institusi lain kerana terdapat perbezaan dari

segi jenis atau peringkat kursus yang ditawarkan. Walau bagaimanapun, yuran yang dikenakan oleh IPTS akan dikaji dan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Jika yuran tersebut didapati munasabah, pelajar yang kurang mampu boleh memohon bantuan kewangan daripada pelbagai pihak yang menyediakannya termasuk pihak IPTS itu sendiri.

Mengenai kuota pengambilan ke sekolah berasrama penuh (SBP) dipertingkatkan kepada pelajar-pelajar miskin untuk mengimbangi keadaan tersebut. Suka saya jelaskan bahawa pada masa ini sebenarnya, terdapat 37% tempat diperuntukkan setiap tahun kepada pelajar-pelajar miskin khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dan berhampiran dengan bandar memasuki SBP tanpa dikenakan apa-apa bayaran. Peratus ini akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga memperuntukkan sebanyak empat buah sekolah menengah berasrama penuh yang khusus untuk pelajar-pelajar dari golongan kurang berada.

Masalah kebajikan guru sering mendapat perhatian dan ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Kementerian Pendidikan menyedari peranan dan sumbangan guru dalam memajukan sektor pendidikan amatlah besar. Memandangkan suasana yang menyelubungi perkhidmatan perguruan sekarang, maka Kementerian Pendidikan telah membentuk satu jawatankuasa petugas bagi mengkaji masa depan perkhidmatan perguruan di negara ini seluruhnya.

Bidang tugas yang diberikan merangkumi soal-soal tangga gaji, kenaikan pangkat dan perumahan serta termasuk juga kemungkinan pemberian, saya hendak ulang balik, juga kemungkinan pemberian elaun khas sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Janggu anak Banyang. Jawatankuasa tersebut akan menyiapkan laporannya kepada kerajaan untuk diteliti dan insya-Allah, kemudiannya akan dilaksanakan.

Perumahan guru telah dijadikan salah satu aspek utama dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Kementerian berharap melalui tindakan tersebut akan wujudlah suasana yang lebih selesa dan menarik bagi guru untuk berkhidmat termasuk di kawasan pedalaman. Apabila Kementerian Pendidikan mengumumkan penukaran sekolah menengah vokasional (SMV) kepada sekolah menengah teknik (SMT)

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Datuk Haji Hashim minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai rumah guru ini, masalah ini memang dialami oleh sekolah luar bandar, saya yakin Dato' Timbalan Menteri pun amat arif keadaan di Kelantan sebab beliau selalu ke Kelantan.

Yang Berhormat Menteri telah mengisytiharkan untuk tahun 1997 lebih kurang 83,000 unit rumah guru akan dilaksanakan, Alhamdulillah! Permasalahannya, bagaimana untuk kita memastikan pembinaan rumah guru ini dapat dipercepatkan, kalau boleh mengikut seperti yang dijadual untuk

mengelakkan masalah yang berlarutan di mana guru-guru tidak cukup rumah terutama di kawasan pedalaman.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, angka 83,000 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan itu ialah untuk keseluruhan jangka panjangnya. Namun demikian, sebagai satu cara untuk hendak cuba mengatasi masalah ini seberapa cepat yang mungkin, kita telah pun menentukan pendekatannya secara tiga langkah yang kita akan ambil.

Pertama, kita akan dan telah pun mula mengenal pasti rumah-rumah yang dibina oleh pihak swasta dan kita akan beli rumah-rumah ini. Yang kedua, kita akan buat secara, inipun belum kita muktamadkan secara halus tetapi thinking kita ataupun pemikiran kita, kita akan buat secara penswastaan. Maknanya di mana kawasan-kawasan yang sesuai kita akan uruskan secara swasta dan yang ketiga, secara pemanggilan ataupun urusan tender biasa.

Jadi, kita harap terutama sekali melalui pembelian rumah-rumah yang sedia ada dibina oleh pemaju-pemaju perumahan ini akan dapat sekurang-kurangnya mempercepatkan usaha kita hendak mengatasi masalah ini. Misalnya, kita telah mengenal pasti satu rancangan di Miri, Sarawak yang kita sedang rundingkan untuk dibeli. Begitu juga di Semenanjung ini ada tempat-tempat yang kita cuba kenal pasti dan kalau didapati bersesuaian, misal kata di Negeri Selangor ada tempat-tempat yang telah kita targetkan supaya dapat menampung dengan kadar yang segera usaha-usaha hendak mengatasi masalah perumahan di kalangan guru-

guru kita ini, termasuk jugalah di Negeri Kelantan, walaupun Kelantan itu bukan kita perintah, tetapi atas timbang rasa dan peri kemanusiaan kita, kita pun tumpu dan insya-Allah, kita akan cuba mencari jalan terutama sekali di Gua Musang, kita akan mencari jalan untuk hendak mengatasi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, insya-Allah. Itu penjelasan sedikit daripada saya, cerita itu panjang.

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat!

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ada lagi?

Tuan Ding Seling: Tuan Hanipah hendak minta laluan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas keprihatinan kerajaan menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji prestasi guru. Yang saya ingin tahu berapakah jangka masa lama yang diberi oleh kerajaan kepada jawatankuasa ini untuk menyiapkan laporan-laporan yang berkenaan?

Tuan Ding Seling: Sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak ada beri 'time frame', dengan izin, kepada jawatankuasa petugas ini tetapi kita memberikan penekanan seboleh-bolehnya kita hendak cepatlah dan kita sentiasa berhubung dengan khususnya Pengerusi Jawatankuasa Petugas ini iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Rahman Arshad supaya perkara ini diuruskan dengan seberapa cepat yang boleh bagi membolehkan kita mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya dengan kadar yang seberapa segera, insya-Allah.

Tadi, saya memberikan penerangan dan penjelasan tentang soal kesan penukaran sekolah SMV kepada SMT yang dikatakan timbul kebimbangan

tentang masa depan SMV dan ke manakah hendak disalurkan pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian rendah dalam PMR.

Untuk makluman Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan yang membangkitkan perkara ini, pengambilan pelajar ke tingkatan empat, Sekolah Menengah Vokasional bagi aliran latihan kemahiran masih diteruskan seperti biasa. Oleh itu masalah kekurangan tenaga separuh mahir tidak timbul akibat pertukaran SMV kepada SMT. Berikutan perubahan tersebut, masalah pengetua SMV yang sedia ada tidak timbul juga kerana mereka akan ditempatkan semula ke jawatan-jawatan yang sesuai dengan skim perkhidmatan mereka.

Kementerian Pendidikan juga akan memperluaskan lagi pendidikan teknik dan vokasional dengan membina lebih banyak lagi sekolah menengah teknik di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Ketujuh serta memperkenalkan mata pelajaran teknikal di sekolah menengah biasa seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno. Persoalan tentang pembaziran peralatan dan mesin-mesin di SMV juga tidak timbul kerana peralatan yang ada di SMV masih boleh digunakan untuk aliran latihan kemahiran seperti biasa.

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan kemudahan asas dan peralatan yang terkini termasuk asrama pelajar yang mencukupi memberi kesan yang besar ke arah keberkesanan pendidikan, sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, Yang Berhormat Hajah Rahaiah dan Yang Berhormat Puan Kamilia telah membangkitkan masalah ketidakcukupan bilik darjah. Sekolah sesi petang diadakan kerana masalah kesesakan

bilik darjah yang tidak dapat menampung pelajar yang terlalu ramai, terutama di kawasan bandar. Sebagai langkah mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan garis panduan supaya bagi setiap 1,250 unit rumah, pihak pemaju dikehendaki menyediakan tapak seluas 6 ekar bagi pembinaan sekolah rendah. Bagi kawasan perumahan baru yang mempunyai 2,500 unit rumah pula, pihak pemaju dikehendaki menyediakan dan menyerahkan kepada pihak berkuasa tapak bagi pembinaan sebuah sekolah menengah dan 2 buah sekolah rendah. Langkah ini diambil supaya kerajaan dapat menyediakan bilangan sekolah yang mencukupi di masa akan datang.

Kementerian Pendidikan juga sedang berusaha untuk memastikan semua sekolah termasuk yang terletak di pedalaman diberikan kemudahan yang mencukupi supaya prestasi pelajar tidak terjejas. Disamping itu akan dipastikan semua sekolah tersebut mendapat kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan perabot yang mencukupi. Skim bantuan buku teks dan makanan tambahan telahpun dilaksanakan bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan. Bantuan seperti ini tidak dapat diberikan kepada semua pelajar kerana ia memerlukan perbelanjaan yang besar dan bukan semua pelajar, khususnya, mereka dari keluarga yang berada memerlukan bantuan tersebut.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Tuan Sairin hendak minta laluan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Apabila disebut mengenai kekurangan bilik-bilik darjah, apakah Yang Berhormat

menyedari bahawa di Sabah sebanyak 60 projek yang sedang dan telah dikendalikan, saya kurang pasti sama ada oleh Jabatan Pendidikan ataupun Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah, yang mana sehingga hari ini daripada 60 buah projek tersebut, hanya 9 buah sahaja yang telah disiapkan.

Kedua, mengenai dengan asrama desa yang sepatutnya dibuat sebanyak mungkin di negeri Sabah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun membuat satu kajian dan penilaian tentang kekurangan bilik-bilik darjah, dan kita maklum tentang banyak mana bilik darjah perlu di adakan sekiranya kita hendak menampung keseluruhan anak-anak kita yang berada di sekolah pada hari ini. Namun demikian kita akan cuba uruskan masalah ini secara berperingkat-peringkat dengan memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan yang betul-betul daif dan perlukan kemudahan seberapa cepat yang mungkin.

Begitu juga tentang soal asrama yang perlu di tokok tambah di kawasan-kawasan dan di tempat-tempat yang sesuai dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, insya-Allah. Kita telah pun meminta satu peruntukan yang saya fikirkan munasabah dan kita akan cuba tambah kemudahan-kemudahan ini mengikut kemampuan kewangan kerajaan. Cuma saya suka jelaskan, di dalam proses pelaksanaan program-program ini, memang kita mengakui ada berlaku kelambatan di merata tempat. Ini adalah di luar keupayaan pihak kementerian

untuk mengambil tindakan, kadangkala oleh kerana ianya ada hubung kait dengan jabatan-jabatan ataupun agens-agensi kerajaan yang lain. Namun demikian, kita telah pun membincangkan perkara ini terutama sekali dengan JKR supaya urusan ini dapat dipercepatkan seberapa yang boleh.

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi penjelasan?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebenarnya, ada 60 buah projek, terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah memperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan, melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sabah di mana projek ini dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan negeri Sabah. Malangnya daripada 60 buah projek itu hanya 9 buah projek sahaja yang telah disiapkan. Walhal sebelumnya, saya telah difahamkan oleh Kementerian Pendidikan sendiri bahawa sebelumnya, projek-projek ini diberikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk melaksanakannya di mana kadar pencapaian yang telah disiapkan adalah melebihi daripada 90%. Apabila telah diberikan kepada JPPS yang telah dapat disiapkan, ialah seperti yang saya sebutkan iaitu daripada 60 buah projek tetapi yang hanya sempat disiapkan ialah 9 buah projek. Berlakulah seperti apa yang disebutkan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini dan kalau boleh dicadangkan, atau barangkali Kementerian Pendidikan telah mencadangkan supaya kembalikan ke asalnya di mana peruntukan untuk pendidikan dikendalikan oleh

Jabatan Pendidikan - Kementerian Pendidikan maksud saya, dan JPPS dengan JKR hanya sebagai penasihat ataupun apa juga bentuk dari segi teknik dan sebagainya, jangan sampai ini berlaku lagi, sebab ini bila berlaku yang akan rugi ialah anak-anak kita semua.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasihlah Yang Berhormat. Saya maklum tentang masalah ini dan kita akan cuba selesaikan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung?

Tuan Ding Seling: Sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Untuk pelajar-pelajar termiskin di sekolah, kerajaan menyediakan beberapa program selain dari bantuan biasiswa sebagaimana yang di timbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Johan Ghani. Antara program tersebut ialah menyediakan kemudahan tambang percuma untuk pergi dan balik ke sekolah atau asrama kepada pelajar berkenaan bagi setiap penggal persekolahan. Jumlah bantuan tersebut bergantung kepada jarak perjalanan antara rumah atau asrama di mana pelajar-pelajar tersebut tinggal.

Mengenai isu buku teks yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hajah Rahaiah, sebenarnya, tidak timbul masalah tidak cukup buku teks sebagaimana yang dinyatakan. Apa yang berlaku ialah kelewatan pembekalan buku teks baru disebabkan perubahan sukatan pelajaran KBSR yang telah disemak semula. Kelewatan ini berlaku kerana pihak yang terlibat memerlukan masa bagi

memastikan buku-buku yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan benar-benar berkualiti dari segi kandungan dan fizikal. Buku-buku tersebut telah pun mula dibekalkan secara berperingkat-peringkat ke sekolah di bawah Skim Pinjaman Buku Teks serta mula dijual di pasaran terbuka dan dijangka selesai sepenuhnya selewat-lewatnya pada 20hb. Februari, 1996. Kementerian Pendidikan.....

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: [*Bangun*]

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, Puan Hajah Rahaiah bangun.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Yang Berhormat, Timbalan Menteri, saya Rahaiah ingin mengucapkan terima kasih kerana sebentar tadi di sebut bahawa di atas peruntukan yang telah diperuntukkan nanti akan menentukan bahawa kekurangan bilik darjah di mana-mana perlu akan di bekalkan, cuma penjelasan yang saya ingin Yang Berhormat berikan ialah berkenaan dengan buku teks tadi. Apakah tindakan kerajaan supaya kekurangan ini tidak berlaku di tahun hadapan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Masalah ini telah pun kita bincangkan di antara jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi berkenaan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahagian Buku Teks dan juga penulis-penulis manuskrip yang mendapat tawaran-tawaran ini.

Saya cuma dapat mengatakan setakat ini, bahawa kita harap apa yang telah berlaku ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang sepertimana

Yang Berhormat sendiri pun telah memberikan penekanan ini kepada pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Hanipah bin Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit penjelasan. Masalah buku teks ada kaitan dengan jadual waktu dan beg sekolah. Saya ingin mendapat penjelasan, beberapa jawatankuasa telah ditubuh untuk mengkaji jadual waktu persekolahan dan juga isu beg berat. Sejauhmanakah perkara ini sudah dapat diselesaikan oleh pihak kerajaan sebelum menjelangnya penggal persekolahan 1996 yang akan datang?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Soal buku teks saya sudah jelaskan sebentar tadi. Soal jadual waktu dan masalah beg ataupun beg sekolah berat di kalangan anak-anak kita ini, kita telah pun mula melaksanakan jadual waktu anjal ini dan setelah diteliti oleh kementerian agak lama dan kita dapati, melalui jadual waktu anjal ini akan dapat mengatasi masalah berat buku yang dibawa oleh anak-anak kita ke sekolah sekarang ini. Kita akan ikuti perkembangan ini dan kita sentiasa memaklumkan ataupun memberi tahu kepada pengetua-pengetua dan guru-guru besar supaya pelaksanaan itu dapat diuruskan dengan baik mungkin.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, sila berhenti sekejap. Kita minta seorang timbalan menteri untuk mengemukakan Usul.

USUL

DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon mencadangkan iaitu:-

Menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Usul di bawah Peratuarn Mesyuarat 11(1) telah dikemukakan bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996**Bacaan Kali Yang Kedua*****Perbahasan disambung semula.***

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kementerian Pendidikan tidak menggunakan istilah Pendidikan Seks kerana ia mungkin akan membawa.....

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Datuk Hashim hendak minta laluan.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum buku teks tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut soal biasiswa dan antara biasiswa yang saya maksudkan ialah Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP). Saya masih ingat semasa di tahun 60-an, saya ada menerima Biasiswa Kecil Persekutuan juga RM25.00. Sekarang sudah 35 tahun yang lalu, Biasiswa Kecil ini saya rasa sudah amat kecil. Apakah cadangan kementerian untuk menambah kembali kepada Biasiswa Kecil Persekutuan, bukan amat kecil kerana sudah 35 tahun ataupun apa pandangan kementerian?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana kita dapat ubahsuai kuantum ataupun jumlahnya itu, banyak bergantung kepada keupayaan kerajaan dan kita di kementerian tidak ada masalah sebenarnya. Kalau kerajaan bersetuju untuk menambahnya lebih baik untuk anak-

anak kita. Itu sikap kita. Tinggal lagi kita akan ikhtiarlah, cari jalan untuk meyakinkan pihak-pihak yang berkenaan dari segi peruntukan ini.

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Tuan Haji Sairin.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ada lagi?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Menyentuh tentang buku-buku teks khususnya di pedalaman, sehingga hari ini ada yang belum sampai. Apakah sebab kelewatan ini? Adakah kerana masalah dari Kementerian Pendidikan ataupun masalah dari percetakan? Mohon penjelasan, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soal ini telah banyak diperbincangkan dan diperkatakan dan kita harap seperti yang saya katakan tadi, selewat-lewatnya pada 20hb. Februari hadapan ini, perkara ini tidak patut timbul lagi dan kita akan cuba pastikanlah seboleh-bolehnya apa yang telah kita targetkan ini dapat diselesaikan pada jangka waktu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak menggunakan istilah Pendidikan Seks kerana ia mungkin akan membawa satu pengertian yang mengelirukan. Sebaliknya Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan Pendidikan Kesihatan Keluarga sebagai satu topik yang dimaksudkan dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan kepada pelajar-pelajar

sekolah menengah.

Dalam mata pelajaran ini, dimasukkan unsur-unsur pendidikan dan kesihatan keluarga yang sesuai. Di samping itu, unsur-unsur pendidikan kesihatan keluarga juga terdapat dalam mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan juga Sains. Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, ada mengaitkan pendidikan kesihatan keluarga dengan penerapan nilai-nilai murni.

Tuan Yang di-Pertua, konsep Pendidikan Kesihatan Keluarga bermatlamat mewujudkan kesedaran, amalan dan pembentukan gaya hidup rakyat Malaysia yang lebih sihat dan bermoral. Dengan yang demikian, Kementerian Pendidikan berpendapat tidak perlu diperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Seks di sekolah untuk menangani masalah remaja seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen.

Mengenai Pendidikan Komputer seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hajah Rahaiah dan Yang Berhormat Datuk Maidom P. Pansai, Kementerian Pendidikan akan memperkenalkannya sebagai satu mata pelajaran elektif di sekolah menengah dan berharap ia akan dapat dilaksanakan di sekolah-sekolah tersebut pada tahun 1997.

Di samping itu, mata pelajaran Literacy Computer telah diperkenalkan di semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan pelajar-pelajar yang celik komputer sesuai dengan kepesatan

pembangunan teknologi maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Saya sedar, seperti yang saya katakan awal tadi bahawa masih ada beberapa perkara lagi yang tidak sempat saya jawab di sini. Namun perkara-perkara tersebut akan diberikan perhatian dan akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan, teguran dan pandangan yang membina kepada Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Sekarang dijemput Kementerian Pengangkutan.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan yang menyentuh Kementerian Pengangkutan.

Ada dua sahaja perkara yang telah dibangkitkan. Pertamanya berkaitan dengan tandas di Lapangan Terbang Kota Bharu yang dikatakan tidak berapa bersih. Saya telah mengambil makluman terhadap perkara ini yang telah

dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan MAB telah pun diarahkan untuk menentukan bahawa tandas-tandas di Lapangan Terbang Kota Bharu dan juga lain-lain lapangan terbang di negara ini perlulah sentiasa dalam keadaan bersih dan selesa.

Sekiranya terdapat juga mana-mana lapangan terbang yang tidak mempunyai tandas yang bersih, bolehlah dilaporkan terus kepada kementerian ataupun kepada saya supaya tindakan dapat diambil bagi menjaga nama baik lapangan terbang kita.

Walau bagaimanapun, pihak MAB akan sentiasa melihat supaya perkara ini sentiasa di dalam keadaan yang memuaskan.

Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba juga ada mengemukakan satu pandangan supaya pemohon baru lesen memandu diwajibkan melawat hospital dan melihat mangsa kemalangan supaya dapat menyedari dan lebih prihatin serta berhati-hati ketika di jalan raya. Saya rasa, ini satu cadangan yang amat baik dan kementerian akan mengambil perhatian terhadap cadangan ini dan akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Sekurang-kurangnya pun, mungkin dengan sedikit pengubahsuaian, walaupun tidak melawat hospital dengan segera, kecuali kalau ada banyak permintaan dan pihak hospital tidak ada halangan. Sebelum itu dapat dilaksanakan, kita akan mencadangkan supaya semua ceramah untuk bakal-bakal pemandu diwajibkan menghadiri ceramah yang menayangkan slide ataupun gambar hospital yang mempunyai pesakit-pesakit yang terlibat dalam

kemalangan dan juga mangsa-mangsa kemalangan jalan raya. Jika sesuai, mungkin gambar-gambar mortuary juga boleh ditayangkan sekali supaya memberikan satu kesedaran kepada pemandu-pemandu supaya mereka lebih cermat ketika memandu.

Itulah ulasan daripada Kementerian saya untuk perkara-perkara yang telahpun Yang Berhormat Senator bangkitkan. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Penerangan.

5.52 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahi Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 di Dewan yang mulia ini.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari berhubung dengan ketiadaan program yang menunjukkan kehidupan Angkatan Tentera seperti mana drama Roda-roda Kotaraya yang menggambarkan tugas harian pasukan polis, saya ingin memaklumkan bahawa RTM pernah menyiarkan siri drama yang memaparkan kehidupan anggota tentera berjudul Harimau Rimba di dalam 13 episod. Siri drama itu telah diulang siar pada tahun 1991.

Selain daripada itu, RTM melalui TV1 sekarang ini sedang menyiarkan siri majalah berjudul Wira Wawasan yang menampilkan aktiviti-aktiviti para perajurit tanah air.

Yang Berhormat Tuan M.G. Pandithan berpendapatan bahawa program media elektronik termasuk TV1 dan TV2 untuk menggalakkan simpanan selaras dengan Kempen Inflasi Sifar tidak memadai dan tidak memuaskan, seterusnya meminta supaya Kementerian Penerangan mengambil perhatian supaya iklan-iklan yang disiarkan melalui media cetak dan elektronik tidak memperdayakan penggunaan, sebaliknya memberi galakan kepada rakyat agar mempertingkatkan lagi simpanan mereka.

Saya ingin memaklumkan bahawa peranan Kementerian Penerangan dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat di negara ini bukanlah terhad melalui radio dan televisyen semata-mata, malah melalui berbagai kaedah penyaluran maklumat seperti komunikasi bersemuka, kursus sivik dan sebagainya. Antara lain maklumat yang disalurkan itu termasuklah menggalakkan orang ramai berjimat-cermat dan sentiasa bijak menggunakan budi bicara semasa memilih pembelian barangan keperluan mengikut kemampuan mereka.

Dalam pada itu, kita tidak pula berhasrat untuk menyekat mana-mana syarikat mengiklankan pengeluaran barangan mereka, jika kita ingin terus maju dalam bidang ekonomi. Ini adalah disebabkan bahawa di kalangan rakyat di negara ini sememangnya wujud perbezaan minat, selera dan kemampuan untuk membeli

barangan keperluan masing-masing. Namun begitu, para pembeli haruslah sentiasa berwaspada dan berusaha dengan seberapa daya untuk mengelakkan pembaziran, khususnya semasa membeli barangan keperluan yang boleh menjejaskan pencapaian Inflasi Sifar.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno iaitu jumlah peruntukan pembangunan di bawah Kementerian Penerangan yang tidak habis dibelanjakan itu, kenapa tidak digunakan untuk menaikkan taraf peralatan RTM Sabah yang berada di dalam keadaan yang uzur. Saya ingin menjelaskan bahawa baki peruntukan pembangunan yang tidak dapat dihabiskan itu adalah berpunca daripada beberapa projek yang telah dilaksanakan, tetapi itu tidak sempat disiapkan sehingga akhir 1995. Ini bermakna bahawa baki peruntukan itu adalah bagi projek-projek yang sedia ada ikatan kontrak dan pelaksanaan kerja projek-projek itu sedang berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran dan cadangan dan memberi pandangan-pandangan secara ikhlas demi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan agensi-agensi di bawah kementerian. Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya sentuh dalam penggulungan ini, insya-Allah, kementerian akan mengambil perhatian dan cadangan-cadangan akan diambil tindakan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Ding Seling: Dijemput Kementerian Sumber Manusia.

5.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyampaikan jawapan ke atas perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan menyentuh fungsi dan bidangkuasa Kementerian Sumber Manusia, terutamanya, Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baهران, Yang Berhormat Dato' Chet Singh dan yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno.

Saya ingin memberi jaminan dan keyakinan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Sumber Manusia menerima baik pandangan, cadangan dan teguran membina yang telah dikemukakan itu. Kementerian Sumber Manusia akan bertindak proaktif mengkaji dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang telah diutarakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu telah melahirkan kebimbangannya mengenai penggunaan tenaga buruh asing. Ingin saya menjelaskan bahawa pendirian kerajaan mengenainya adalah tidak berubah.

Pengambilan pekerja-pekerja asing untuk bekerja di negara ini adalah langkah jangka pendek dan sementara bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja.

Walau bagaimanapun, pengambilan pekerja-pekerja asing akan terus dibenarkan ke dalam sektor-sektor selektif yang kurang mendapat minat daripada rakyat tempatan. Kementerian Sumber Manusia berusaha giat menggembleng sumber tenaga manusia tempatan untuk memasuki pasaran-pasaran buruh sebagai guna tenaga aktif. Sumber tenaga tersebut yang dianggarkan berjumlah 4 juta orang terdiri daripada belia-belia lepasan sekolah, suri-suri rumah, pesara-pesara, penagih-penagih dadah yang telah dipulihkan, orang-orang cacat dan tidak ketinggalan juga penganggur-penganggur.

Di antara langkah-langkah yang diambil untuk menarik golongan orang tersebut memasuki pasaran buruh termasuklah mendorong kenaikan upah selaras dengan peningkatan produktiviti; menyeru majikan-majikan di sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat-tempat pekerjaan atau di tempat-tempat berhampiran; menggalakkan konsep kerja separa masa atau part time-dengan izin dan waktu kerja anjal atau flexy time, dengan izin; melaksanakan Program Sinar Harapan bagi menggalakkan majikan-majikan menggaji penagih-penagih dadah yang telah dipulihkan; dan menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Penggalakkan Penggajian Orang-orang Cacat di Sektor Swasta bagi menggalakkan majikan menggaji orang-orang cacat serta membantu orang-orang cacat mendapat pekerjaan di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, Kementerian Sumber Manusia juga giat melaksanakan program untuk meningkatkan bilangan pekerja-pekerja mahir dan separa mahir. Justeru itu, menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno mengenai perkara ini, sukalah saya maklumkan bahawa sebanyak 5 buah Institut Latihan Perindustrian dan 2 buah Pusat Latihan Kemahiran dan Teknologi Lanjutan Advance Skilled and Technological Training Centre, dengan izin, akan ditubuhkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Selain dari itu infrastruktur 10 buah institut latihan perindustrian yang sedia ada akan dipertingkatkan termasuk menggantikan peralatan latihan yang lebih terkini dan sesuai dengan keperluan industri negara. Dalam pada itu, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia telah diwujudkan mulai tahun 1993 sebagai langkah tambahan meningkatkan bilangan pekerja-pekerja mahir dan terlatih.

Sejak Julai, 1993 sehingga 30hb. November, 1995 seramai 594,082 orang pekerja tempatan telah mengikuti latihan semula atau latihan peningkatan kemahiran dalam pelbagai bidang baik di dalam mahupun di luar negeri. Untuk tujuan itu, kumpulan wang ini telah meluluskan peruntukan kewangan sebanyak RM126.55 juta daripada jumlah tersebut 10,569 orang telah dilatih di luar negeri dengan peruntukan kewangan sebanyak RM24.49 juta. Mulai tahun 1996, Kumpulan Wang Sumber Manusia akan memperkenalkan skim perintisan, skim latihan berkelompok, skim latihan bersama dan skim penjamin berfaedah rendah bertujuan mempergiatkan lagi penyertaan majikan-majikan yang layak untuk

menggunakan kemudahan kumpulan wang ini. Latihan dalam bentuk distance learning, open learning dan computer based training akan juga layak mendapat geran latihan di bawah kumpulan wang tersebut. Begitulah jaminan saya kepada Yang Berhormat Dato' Chet Singh termasuk penjelasan bahawa universiti-universiti tempatan adalah diiktiraf sebagai penyedia latihan (training provider) berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Majikan-majikan yang menghantar pekerja-pekerja mereka untuk mengikuti latihan peningkatan kemahiran dan pengiktirafan oleh MPSM di universiti-universiti tempatan layak memohon geran latihan. Walau bagaimanapun, oleh kerana universiti-universiti tempatan adalah institusi-institusi kerajaan maka ianya tidak layak menikmati skim pinjaman faedah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, bahawa kerajaan akan menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk penubuhan pusat-pusat asuhan kanak-kanak di setiap jabatan kerajaan disusuli dengan gesaan kepada pihak swasta supaya turut serta telah mencetuskan pelbagai reaksi semasa perbahasan Belanjawan 1996.

Sehubungan dengan ini Dr. Ng Yen Yen dan Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran dalam mengalu-alukan komitmen kerajaan itu telah menyeru kerajaan mengkaji kemungkinan mewajibkan majikan-majikan yang menggaji

ramai pekerja wanita untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak. Kerajaan tidak berhasrat menggunakan kaedah paksa di dalam perkara ini sebaliknya segala peluang harus diberikan kepada majikan-majikan untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak secara sukarela melalui galakan dan pujukan termasuk menawarkan insentif pelepasan cukai tertentu. Dalam pada itu majikan-majikan akan sentiasa diingatkan kewajipan sosial mereka terhadap pekerja-pekerjanya khususnya pekerja-pekerja wanita yang mempunyai anak-anak kecil. Menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak ini dilihat sebagai menunaikan sebahagian daripada kewajipan sosial itu.

Adalah benar bilangan pusat asuhan kanak-kanak yang telah ditubuhkan

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, ada permintaan laluan.

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mohon penjelasan apabila tersebut masalah pekerja-pekerja. Apakah tindakan kementerian ke atas majikan-majikan yang tidak membenarkan pekerja-pekerja yang beragama Islam menunaikan sembahyang Jumaat pada tiap-tiap minggu, iaitu pada hari Jumaat?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kementerian boleh mengambil tindakan melalui secara memberitahu mereka, memberikan nasihat supaya mereka memberikan masa untuk membolehkan pekerja Islam bersembahyang. Memang ada. Kalau ada kes-kes yang spesifik boleh rujukkan

kepada Jabatan Buruh dan kementerian boleh mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bilangan pusat asuhan kanak-kanak yang telah ditubuhkan sejak pertengahan tahun 1992 hingga September, 1995 adalah kecil atau 18 buah sahaja. Namun ingin saya jelaskan bahawa daripada 18 buah tersebut, 10 buah telah ditubuhkan dalam tahun 1994 iaitu selepas insentif pelepasan cukai diumumkan melalui Belanjawan 1994. Jumlah tersebut beserta dengan 23 buah lagi yang sedang dalam pembinaan ataupun dalam perancangan untuk ditubuhkan menunjukkan sambutan baik dan sokongan majikan terhadap usaha kerajaan menggalakkan penubuhan lebih banyak pusat sedemikian.

Kini dengan terlancarnya sebuah buku garis panduan pada 16hb. Oktober, 1995, maka para majikan yang berhasrat untuk menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak akan lebih jelas akan prosedur dan mekanisme penubuhannya. Soal melatih pengasuh-pengasuh seperti yang dibangkitkan oleh Dr. Ng Yen Yen diuruskan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Meskipun demikian, Kementerian Sumber Manusia bekerjasama rapat dengan kementerian tersebut untuk menganjurkan kursus dan latihan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan pengasuh-pengasuh melaksanakan tugas-tugas mereka dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen supaya pekerjaan pengasuh dijadikan sebagai satu profesion yang mulia dan profesional, cadangan ini akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh kementerian yang

bertanggungjawab. Kementerian Sumber Manusia mengalu-alukan sebarang usaha ke arah mempertingkatkan bukan sahaja profesion pengasuh, malahan bilangannya kerana ini akan dapat membantu dalam usaha-usaha kementerian ini menggalakkan lebih banyak pusat asuhan kanak-kanak ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan di atas, saya percaya jawapan saya mencakupi perkara-perkara utama berkaitan Kementerian Sumber Manusia yang telah ditimbulkan di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1996.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, ada permintaan laluan.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: TuanYang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian duduk, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanyakan satu perkara berkenaan dengan pekerja asing. Apakah perancangan kementerian dalam membantu pekerja-pekerja asing yang ada di dalam negara kita, kalau tidak salah saya dalam sejuta pekerja asing yang ada? Oleh kerana saya rasa kementerian tidak mengambil langkah-langkah untuk menjaga dari segi kebajikan mereka maka kita dapati pekerja-pekerja Filipina umpamanya, mereka berkumpul di gereja pada tiap-tiap hari Ahad. Jadi, saya ingin hendak bertanya kepada kementerian ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi membantu pekerja-pekerja asing ini supaya dapat hidup selesa di negara kita walaupun mereka pekerja asing tetapi mereka kita

tidak boleh nafikan juga ada membantu dalam meningkatkan ekonomi kita.

Umpamanya, pekerja-pekerja yang telah berkahwin di Malaysia apabila mereka sampai tempoh masa balik ke negara mereka setelah empat tahun, mereka telah meninggalkan anak mereka di sini - ini contoh daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja asing. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mereka ini? Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bukannya Setiausaha Parlimen di Kementerian Sumber Manusia, walau bagaimanapun, memang ada timbul masalah sosial apabila kita membawa orang dari luar negeri. Orang yang berkahwin dengan warganegara kita yang lelaki mereka boleh memohon dan sekiranya mendapat kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri mereka boleh tinggal di sini. Pekerja-pekerja asing yang datang ke sini mereka terpaksa ikut undang-undang yang sedia ada. Kalau mereka tidak mengikut undang-undang yang telah di sediakan, misalnya, kalau dia membunuh seseorang memanglah dia akan dikenakan tuduhan di dalam penal code. Kalau mereka dikenakan di bawah seksyen 302, mereka akan dikenakan hukum gantung. Memang kita ada undang-undang yang mencukupi. Kita tidak mahu ada satu undang-undang yang khas untuk pekerja-pekerja asing yang datang ke sini. Siapa yang datang di sini mereka diikut undang-undang di sini. Kalau mereka membawa dadah, mereka akan dikenakan hukuman oleh mahkamah seperti biasa. Serupa juga.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Saya faham mereka terpaksa ikut undang-undang kita. Tetapi oleh kerana mereka datang ke negara kita dan akan menyumbangkan untuk meningkatkan ekonomi negara kita, dari segi sosial mereka, dari segi kebajikan mereka, apakah yang kita telah lakukan supaya tidak menimbulkan lagi masalah? Umpamanya mereka terpaksa, setengahnya itu ada

yang ditangkap oleh sebab mereka membuat kesilapan tetapi oleh keadaan yang terlalu menyusahkan mereka, tempat tinggal tidak ada, makan tidak ada umpamanya. Saya ada melihat pekerja-pekerja asing, tadi Yang Berhormat ada sebut kalau yang lelaki berkahwin dengan perempuan di sini, mereka boleh diterima tetapi bagaimana pula kalau yang perempuan di sini berkahwin dengan lelaki asing? Jadi, sudah tidak ada keseimbangan di sini.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang di negara ini bukannya equal dengan ini. Kalau lelaki kahwin dengan wanita, mereka boleh minta kebenaran dari Kementerian Dalam Negeri. Kalau wanita yang berkahwin dengan orang asing, memang mereka terpaksa ikut dengan lelaki mereka. Kalau mereka datang dari England, mereka pergi ke England. Ini bukan equal. Equality kita tidak ada di sini. Tetapi di Australia memang ada. Di negara ini kita tidak menerima dan di England pun mereka tidak menerima itu. So, itulah cara undang-undang yang kita mesti ikuti.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, maksudnya Yang Berhormat tidak ada kuasa dalam perkara ini sehingga undang-undang dipindahkan.

Dato' M. Mahalingam: Bukan undang-undang itu yang dipinda. Itu satu dasar kerajaan sama ada mahu menerima atau mahu meminda, bukan undang-undang itu. Itu satu dasar yang kita kena terima. The wife follows the husband bukan husband follows the wife. Itulah cara yang kita ada.

Tuan Yang di-Pertua: Maksudnya undang-undang mencerminkan dasar

kita.

Dato' M. Mahalingam: Tentang welfare mereka, kita tidak ada satu badan yang bertanggungjawab. Tetapi tentang tempat kerja, kalau gaji kurang mereka boleh kompelin dengan Jabatan Buruh dan tindakan boleh diambil. Gaji yang diberi kepada pekerja-pekerja asing sama seperti yang diberi kepada warganegara kita. Kita tidak bezakan itu. Memang serupa.

Tentang tempat tinggal, sesuatu pemaju bertanggungjawab menyediakan rumah dan berikan kuarters. Sekarang sebelum kelulusan diberi kepada pekerja asing untuk datang, kita minta adakan tempat tinggal. Memang ada satu condition imposed bagi mereka yang membawa pekerja-pekerja asing.

Itulah Tuan Yang di-Pertua, penjelasan dari Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjawab.

6.13 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta membahaskan Dasar Belanjawan 1996 khususnya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Ahli-ahli Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Haji Ali, Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Puan Faridah binti Abu Hassan, Puan Kamilia binti

Ibrahim telah menyentuh perkara-perkara mengenai pemuliharaan dan pengawalan alam sekitar.

Isu-isu pembuangan sisa toksid di laut dan di darat, cadangan meningkatkan denda terhadap mereka yang melanggar peraturan-peraturan alam sekitar dan menyeru agar kerajaan meningkatkan urusan penguatkuasaan laporan Environmental Impact Assessment (EIA), dengan izin.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Dato' Chet Singh juga menyentuh tentang peruntukan kerajaan terhadap penyelidikan dan pembangunan (research and development - (R&D)) dan menyeru kerajaan agar mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menambahkan jumlah saintis negara kita.

Saya ingin memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam menangani isu-isu alam sekitar, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah dan akan terus menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Akta ini dilaksanakan bertujuan untuk memastikan kualiti alam sekeliling kekal dan terpelihara. Peraturan-peraturan yang terkandung dalam akta ini sedang dipinda untuk memperkemas dan meningkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Antara pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah:-

- (i) menaikkan kadar penalti kesalahan yang dilakukan;

- (ii) menghendaki pencemar-pencemar alam sekitar membayar ses kepada satu tabung alam sekitar untuk program-program pemuliharaan dan lain-lain;
- (iii) menetapkan kehendak-kehendak bagi ecolabelling bagi bahan-bahan yang environment friendly;
- (iv) memperuntukkan kawalan bagi bahan-bahan merbahaya yang belum terkawal di bawah mana-mana akta termasuk kaedah pelupusannya;
- (v) memperuntukkan kuasa menutup kilang yang menghasilkan pencemaran; dan
- (vi) memberi kuasa-kuasa tertentu menyiasat dan mendakwa kes-kes pencemaran.

Di samping cadangan-cadangan di atas, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga sedang melaksanakan program tertentu menerusi dua pendekatan iaitu:-

- (i) melalui undang-undang alam sekitar dan pendekatan bukan undang-undang seperti mempertingkatkan lagi program kesedaran memelihara alam sekitar di kalangan semua lapisan masyarakat. Di antara tindakan yang telah diambil melalui pendekatan undang-undang ialah dengan mengintegrasikan unsur-unsur alam sekitar dalam

peringkat perancangan projek-projek pembangunan melalui pelaksanaan prosedur EIA bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan di bawah perintah EIA 1987.

Program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar juga akan diperluaskan melalui program-program tertentu seperti seminar, perbahasan, perkhemahan, ceramah, rancangan-rancangan yang disiarkan melalui radio dan televisyen untuk menyedarkan orang ramai tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selain daripada proses pindaan yang sedang dibuat kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, beberapa garis panduan juga telah digubal bagi membantu kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk menguruskan hal ehwal alam sekitar dengan lebih berkesan dan tersusun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha membangunkan infrastruktur untuk kemudahan dan kesejahteraan hidup rakyat, kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan program alam sekitar dengan menambah peruntukan dari semasa ke semasa. Melalui peruntukan yang diluluskan itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan memberi penekanan kepada pengawalan, pencegahan, penguatkuasaan dan meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar dalam melaksanakan program-program tersebut. Pelaksanaan program tersebut bukan sahaja bergantung kepada peruntukan yang

diluluskan oleh kerajaan tetapi juga sumbangan daripada pihak swasta.

Pada masa akan datang, lebih banyak lagi pihak swasta akan dijemput untuk menyertai program pembangunan alam sekitar bertujuan bukan sahaja untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam tetapi bagi membolehkan pihak swasta bekerjasama dengan sektor awam selaras dengan dasar Persyarikatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan Ahli Yang Berhormat Dato' Chet Singh yang telah mencadangkan agar kerajaan mempertingkatkan lagi program penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta menyeru kerajaan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menambahkan bilangan saintis negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang giat melipat gandakan kerjasama dengan institusi-institusi berkenaan melalui program penyelidikan dan pembangunan (R&D). Program R&D yang sedang dilaksanakan ini berteraskan kepada kehendak pasaran selaras dengan keperluan institusi tempatan. Kerajaan akan memberi tumpuan kepada peningkatan R&D, pewujudan rangkaian hubungan yang erat antara sektor awam dan industri, memperkukuhkan keupayaan institusi penyelidikan dalam pembangunan teknologi dan pengkomersilan hasil-hasil R&D.

Bagi menentukan segala program R&D ini dilaksanakan dengan jayanya, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang terperinci, di antaranya ialah menyusun semula sistem dan prosedur pembiayaan R&D dan menambah

peruntukan untuk mencapai objektif penyelidikan dan pembangunan negara bersesuaian dengan matlamat Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan untuk menambahkan bilangan saintis negara kita, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan telah mengeluarkan garis panduan pengambilan saintis warganegara Malaysia di luar negeri dan saintis asing. Garis panduan ini mengandungi skim perlantikan di mana prinsip penentuan gaji yang ditawarkan pada seseorang saintis bergantung kepada merit satu-satu kes tertakluk kepada kriteria-kriteria yang berikut:

- (i) kelayakan dan kecemerlangan yang dicapai dalam bidang penyelidikan;
- (ii) anugerah yang diterima berhubung dengan pencapaian saintifik;
- (iii) penerbitan dan paten;
- (iv) pengalaman dalam bidang berkenaan;
- (v) gaji terakhir yang diterima; dan
- (vi) negara asing di mana saintis tersebut datang atau bertugas.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga sehingga November 1995, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menerima sebanyak 44 permohonan daripada saintis Malaysia yang bekerja di Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Australia, New Zealand, Sweden, India dan Singapore untuk kembali berkhidmat di institusi- institusi tempatan. Permohonan ini

telah pun dipanjangkan kepada institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi untuk pertimbangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dasar-dasar am Belanjawan 1996. Segala pandangan, cadangan dan teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dijadikan panduan dalam merancang dan melaksanakan program-program Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar agar program-program itu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi masa-masa yang akan datang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjawab.

6.24 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sepanjang perbincangan ini.

Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang yang mencadangkan supaya Jabatan Bomba diberi out rider setiap kali ada panggilan kecemasan.

Sukacita saya memaklumkan bahawa buat masa ini tidak perlu bomba mengadakan out rider sendiri, kerana boleh mendapatkan kerjasama dari polis trafik.

Konsep penggunaan motosikal oleh Jabatan Bomba lebih sesuai bukan sebagai out rider, tetapi lebih daripada first responder, dengan izin. First responder bermakna tindakan awal memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa, seperti mangsa kemalangan jalan raya terutamanya dan juga sizing up keadaan kebakaran untuk membuat persediaan bagi ketibaan jentera dan pasukan bomba sepenuhnya.

Mengenai persoalan berkenaan dengan wang yang tidak dibelanjakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu sebanyak RM65.05 juta bagi tahun 1995. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kurang jelas apa yang dimaksudkan kerana akaun tahunan kewangan tahun 1995 sebenarnya belum lagi ditutup dan Yang Berhormat berkenaan tidak menyatakan sama ada ianya dari perbelanjaan pengurusan atau perbelanjaan pembangunan. Buat masa kini, angka RM65.05 juta itu tidak terdapat dalam mana-mana kiraan dalam kementerian.

Berhubung dengan isu mengenakan levi atau cukai kepada pemaju-pemaju perumahan yang tidak membina rumah kos rendah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba, ini adalah cadangan baik dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengkaji mengenai kesesuaian dan mekanisme menggunakan bentuk-bentuk levi atau cukai ke atas pemaju-pemaju

yang tidak membina rumah kos rendah.

Kementerian perlu berunding dengan Kementerian Kewangan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri sebagai agensi yang terlibat dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja jawapan yang saya dapat beri pada petang ini dan jika ada perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya tidak sempat menjawab di sini, saya ingin menjaminkan perkara-perkara tersebut akan diambil kira oleh kementerian dan kita haraplah.....

Tuan Haji Sairin bin Karno: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada permintaan laluan, boleh?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, mohon pembetulan. Kalau tidak silap saya, soal out rider tadi yang telah disebut oleh pihak kementerian cadangan itu datang dari saya. Saya katakan begitu kerana saya tidak mahu berlaku 'lain orang makan nangka, lain orang kena getah'. Begitu juga cadangan penurunan harga Proton Saga tempoh hari saya ingat, itu adalah cadangan daripada Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, ini membetulkan kenyataan bahawa Tuan Haji Sairin bin Karno yang dikatakan sebagai bertanya tentang Proton Saga?

Tuan Haji Sairin bin Karno: Ya.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Okay, ini akan diambil kira dan dimaklumkan juga - diterima. Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, yang boleh saya jawab dan sekian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Pertahanan menjawab.

6.27 ptg.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas ucapan perbincangan oleh Yang Berhormat Dato' Zainal Abidin bin Johari yang membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat telah mencadangkan supaya Angkatan Tentera Malaysia menubuhkan Rejimen Kereta Kebal untuk digunakan dalam Angkatan Tentera. Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan Rejimen Kereta Kebal ini sememangnya sudah dirancang dan ada dalam cadangan struktur Tentera Darat. Pihak Tentera Darat sedang membuat perancangan ke arah itu sebagai sebahagian daripada briged mekanisme dan juga briged armour bagi meningkatkan lagi tembakan dan mobiliti Tentera Darat dalam mengharungi ancaman masa depan.

Mengenai pandangan Yang Berhormat bahawa kereta kebal jenis Scorpion tidak sesuai digunakan untuk Rejimen Kereta Kebal, pandangan ini memang bertepatan kerana kereta kebal jenis ini tidak mempunyai ciri-ciri dan sifat-sifat yang diperlukan seperti mempunyai keupayaan kuasa tembakan untuk memusnahkan kereta kebal lawan. Walau bagaimanapun kereta kebal jenis

Scorpion mempunyai peranan yang lain, iaitu untuk tugas peninjauan dan digunakan khusus untuk Rejimen Kavalri.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat supaya Angkatan Tentera ditambah bilangan anggotanya di sempadan untuk mengatasi kemasukan pendatang tanpa izin. Adalah dijelaskan bahawa anggota Angkatan Tentera yang ditugaskan di Sempadan adalah mencukupi untuk tujuan tersebut. Pihak Angkatan Tentera Malaysia adalah berperanan membantu agensi-agens kerajaan yang lain di dalam menangani masalah kemasukan pendatang tanpa izin ini. Dalam hal ini, tugas-tugas anggota Angkatan Tentera adalah:

- (a) mencegah penyusupan masuk bekas-bekas anasir PJK, Pendatang Tanpa Izin (PATI) ke kawasan perbatasan untuk mencuri hasil-hasil hutan serta mencegah sebarang pencerobohan di sepanjang sempadan;
- (b) mencegah dan membendung kegiatan penyeludupan dua hala di kawasan sempadan bersama negara jiran;
- (c) mengekalkan keselamatan kawasan pedalaman, mengawasi kegiatan lintas sempadan dan aktiviti haram di sekitar sempadan bersama; dan
- (d) mengawasi dan mencegah pencerobohan oleh pasukan keselamatan negara asing dan pembalakan haram.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Angkatan Tentera Malaysia

sentiasa mengadakan operasi dari masa ke semasa terutama di kawasan-kawasan sempadan Malaysia-Thailand dan Sabah-Sarawak dengan Kalimantan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk meningkatkan peranan Lembaga Tabung Angkatan Tentera kepada pesara Angkatan Tentera Malaysia seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah dijelaskan bahawa Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dan Perintah Tabung Angkatan Tentera 1974 memperuntukkan bahawa Program Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) adalah layak dinikmati oleh personel bersara, retired personel, dengan izin dan personel yang akan bersara, retiring personel, dengan izin, sahaja iaitu yang ditakrifkan di bawah seksyen 2 Akta berkenaan sebagai angkatan tetap sahaja.

Peruntukan yang sedia ada juga menjelaskan bahawa fungsi PERHEBAT ialah untuk menggalakkan dan menyediakan faedah-faedah lain bagi personel yang akan bersara atau personel bersara dan mewujudkan apa-apa bentuk program latihan pemberian pinjaman kepada personel bersara.

Kementerian Pertahanan sedang meneliti Akta Tabung Angkatan Tentera dan akan mengambil tindakan sewajarnya untuk menimbang dengan sewajarnya sama ada anggota angkatan sukarela yang telah dikerah tetap tidak diserap sebagai anggota angkatan tetap boleh dipertimbangkan untuk menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh PERHEBAT. Perkara ini perlu dikaji dengan teliti memandangkan askar-askar wataniah dan anggota-anggota Johor Military

Force (JMF) adalah tidak tergolong sebagai angkatan tetap Malaysia dan mereka juga tidak layak mencarum kepada LTAT sebagai pencarum wajib.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perintah Akta Tabung Angkatan Tentera 1994 dan penubuhan PERHEBAT, fungsi PERHEBAT adalah seperti berikut:

- (a) Melaksanakan aktiviti berkaitan pembangunan, sosio ekonomi dan program kebajikan.
- (b) Menyediakan program latihan dan pemberian pinjaman perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan memberikan kemudahan perubatan kepada pesara tentera, adalah dimaklumkan bahawa peruntukan bagi kemudahan perubatan kepada pesara tentera adalah tidak termasuk dalam fungsi penubuhan PERHEBAT. Walau bagaimanapun, semua pesara tentera dari kalangan angkatan tetap Malaysia, adalah diberi kemudahan rawatan percuma oleh kerajaan. Mereka ini boleh mendapatkan rawatan dari Hospital Tentera termasuk Hospital Tentera di Terendak dan Hospital Tentera di Kinrara. Kelayakan bagi kemudahan ini telah disediakan oleh kerajaan melalui surat pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 3/80 Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 19hb. Mei 1980 - Kelayakan Wad Untuk Pegawai Dan Anggota Angkatan Tentera. Setakat ini kerajaan tidak mempunyai kemudahan rawatan percuma di luar negara bagi pesara tentera dan rawatan hanyalah dihadkan bagi rawatan dalam negeri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ulasan yang dapat saya berikan berhubung

dengan beberapa isu yang dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Sekiranya ada isu-isu yang tidak sempat saya jelaskan di sini, akan saya ambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Pembangunan Luar Bandar.

6.34 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]: Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbahasan Perbekalan 1996. Saya suka mengambil peluang ini untuk menjelaskan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya mengenai program-program Kemas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang dan Puan Kelsom bt. Yaacob telah menarik perhatian berkaitan tabika Kemas di luar bandar yang perlu diperkemas. Ingin saya menjelaskan bahawa kerajaan sememangnya memberi perhatian untuk memperkemaskan tabika di luar bandar. Peruntukan yang diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah RM39,171,000. Tahun 1996 pula, sebanyak RM7,185,000 telah diperuntukkan. Peruntukan yang diluluskan itu adalah untuk peralatan permainan luar dan sukan, alat penyelidikan dan muzik, perabot kelengkapan dapur dan buku-buku.

Tabika masa ini ialah berasaskan dengan izin, community based, bangunannya tidak dibiayai secara langsung oleh kerajaan. Namun begitu, sejak tahun 1994, kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk baik pulih bangunan tabika sebanyak RM19 juta di tahun 1974 dan RM16 juta di tahun 1995.

Untuk makluman tuan, isu perjawatan dan skim perkhidmatan pegawai Kemas dalam tindakan kementerian dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Janggu Anak Banyang telah meminta Kerajaan Pusat memberi perhatian kepada jalan-jalan luar bandar di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Pusat sememangnya memberi perhatian dalam penyediaan jalan-jalan di kawasan luar bandar bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur perhubungan di kawasan berkenaan termasuklah di negeri Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM33 juta bagi maksud pembinaan jalan di jalan luar bandar di Sarawak. Peruntukan ini tidak termasuk projek-projek jalan luar bandar yang dilaksanakan oleh JKR ataupun kerajaan negeri yang turut bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek jalan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa memberi perhatian di dalam memperluaskan lagi pemberian rumah di dalam program PPRT. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang telah

membangkitkan persoalan tentang pemberian rumah PPRT ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang menjalankan kajian untuk memperakukan model rumah PPRT yang lebih sempurna serta mengkaji semua siling peruntukan seunit rumah PPRT. Kerajaan sentiasa mahu menjalin kerjasama dengan semua pihak di dalam memajukan taraf hidup masyarakat.

Tuan Senator Datuk Hashim bin Safin telah menyentuh secara umum sikap kerajaan negeri Kelantan mengenai isu pengambilan tanah dan kemajuan tanah oleh agensi kerajaan persekutuan seperti KESEDAR dan FELCRA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kementerian dan KESEDAR telah pernah dan akan terus mengadakan perbincangan secara langsung dengan pihak kerajaan negeri dengan matlamat menyelesaikan isu-isu yang berbangkit dan perbincangan seperti itu akan diteruskan bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri dalam menyelesaikan perkara-perkara berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi perhatian terhadap kementerian saya. Sekali lagi ditegaskan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus berusaha untuk mencapai objektifnya meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar di negara ini. Bagi perkara-perkara lain yang tidak sempat saya jawab, kementerian saya akan

mengambil perhatian sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

6.39 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi

[Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam membicarakan permasalahan yang berkaitan dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Pada hemat saya, semua pandangan-pandangan yang telah diutarakan adalah positif dan membena dan sebahagian besar daripada pandangan-pandangan itu yang telah diutarakan akan dijadikan input kepada penggubalan dasar dan penyusunan program kementerian ini. Namun, ada beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi beberapa penjelasan.

Yang Berhormat dari Perlis, Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad telah menimbulkan pertanyaan yang berkait dengan Koperasi Pembangunan Negara (KPN). Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa koperasi ini telah ditubuhkan pada tanggal 2hb. Disember 1983 dan pada masa sekarang terdapat 342 koperasi yang menjadi anggota KPN. Modal syer yang berbayar adalah sebanyak RM572,853 dan nilai hartanya RM2.66 juta.

Yang Berhormat Hajah Rahaiah binti Baheran telah membangkitkan soal supaya program-program pembangunan koperasi di kalangan wanita dan

menyarankan supaya peranan wanita dalam koperasi dipertingkatkan, membuat dasar dan keputusan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini bilangan wanita sebagai anggota koperasi adalah 1.2 juta ataupun 29.8% daripada 4 juta ahli. Dan bilangan koperasi wanita ialah 45 buah, iaitu 1.3% dari jumlah 3,474 koperasi. Bilangan wanita sebagai Ahli Lembaga Koperasi ialah 543 orang atau 1.3% dari keseluruhan Ahli-ahli Lembaga Pengarah.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, ahli wanita dalam gerakan koperasi mempunyai hak yang sama dengan ahli-ahli lelaki. Wanita boleh dipilih secara demokratik sebagai Lembaga Koperasi dalam koperasi yang keahliannya bercampur antara lelaki dan wanita.

Tuan Yang di-Pertua, gerakan koperasi adalah gerakan rakyat, yang dikendalikan oleh rakyat untuk rakyat. Cadangan-cadangan bagi mempertingkatkan penyertaan rakyat daripada golongan tertentu seeloknya datang daripada rakyat itu sendiri melalui institusi-institusi yang diasaskan oleh gerakan koperasi.

Akta Koperasi 1993 tidak mengandungi apa-apa peruntukan mengenai penyertaan wanita dalam koperasi ataupun mengenai koperasi yang anggota-anggotanya bercampur lelaki/perempuan. Ini bererti tiada undang-undang kecil yang perlu dipinda atau diperbuat baru bagi disesuaikan dengan kehendak Akta. Oleh itu, kementerian tidak bercadang untuk membuat apa-apa pindaan mengenai perlantikan anggota-anggota ke Lembaga Koperasi dan tidak menyediakan contoh-

contoh pindaan undang-undang kecil bagi maksud itu.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Permintaan laluan.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Saya habiskan satu ayat lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, Akta Koperasi 1993 ada memberi keistimewaan ataupun privilege, dengan izin, kepada koperasi untuk membuat apa-apa pindaan yang wajar kepada undang-undang kecilnya bagi memperbaiki pengendalian hal-ehwal dan perniagaannya dari semasa ke semasa.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Puan Rahaiah.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih di atas penerangan tadi menyatakan bahawa 1.3% adalah wanita di dalam tahap pengurusan. Saya kira 1.3% ini adalah daripada koperasi yang seluruhnya ahli wanita. Kalau dikira kebanyakan daripada ahli wanita dalam koperasi adalah dalam koperasi campur. Jadi, soalnya di sini, apakah ada kementerian membuat program-program tertentu supaya ada peningkatan penyertaan wanita dalam tahap membuat dasar atau pengurusan di atas penyertaan wanita di dalam koperasi campur? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-

Pertua, saya telah menjawab tempoh hari. Yang Berhormat telah merasa kesal, saya akan menjawab dengan jawapan yang sama, bahawasanya setakat ini kementerian tidak ada program-program khas bagi memangsakan program-program bagi mempertingkatkan koperator-koperator wanita di dalam pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua sedia maklum, bahawasanya pemilihan menduduki di dalam badan pengurusan ataupun Exco ataupun Jawatankuasa, adalah dilantik oleh ahli koperator itu sendiri. Wanita ataupun lelaki kedua-dua berhak mendudukinya, sekiranya ia mendapat keyakinan dan kepercayaan daripada anggota-anggota koperator. Namun demikian, dari segi kementerian melalui Maktab Kerjasama Malaysia kita sentiasa mengadakan program, termasuk program meningkatkan kemaniran, ilmu pengetahuan, kecekapan anggota koperator wanita dengan mengadakan kursus-kursus bagi anggota wanita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri bersedia kalau sekiranya ANGKASA bersedia menerima untuk menemui dengan Jawatankuasa ANGKASA keseluruhannya untuk melihat di mana boleh kita bekerjasama untuk menentukan apa juga biasanya kekurangan dari satu pihak, agar kita sama-sama membantu meningkatkan kegiatan koperasi di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap tawaran ini akan diterima oleh pihak ANGKASA. Dengan itu, mana-mana koperasi yang mahu peruntukan.....

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Permintaan laluan sekali lagi.

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin response daripada jawapan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa saya merasakan ini adalah satu petanda baik untuk gerakan koperasi wanita seterusnya. Terima kasih.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dari segi kementerian memang kita akan memberi bantuan kepada koperator. Dari segi saya pula, kalau dengan wanita saya memang lemah.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, mana-mana koperasi yang mahu peruntukan kerusi dalam Lembaga kepada wanita dibuat secara perlembagaan bolehlah mengambil inisiatif untuk membuat pindaan yang sesuai kepada undang-undang kecilnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Heng telah membangkitkan supaya pengambilan balik tanah hendaklah diumumkan untuk pengetahuan ramai dan pengambilan balik tanah oleh kerajaan adalah selaras dengan harga pasaran supaya pampasan yang diberikan kepada pemilik tanah itu adil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sejak pengambilan balik tanah telah diwartakan dalam Warta Kerajaan di bawah seksyen 8, Akta ini telah menetapkan prosedur dan kaedah-kaedah yang perlu dipatuhi bagi

melaksanakan sesuatu usaha pengambilan tanah.

Selain daripada prosedur dan kaedah yang perlu dipatuhi, Akta ini juga mempunyai peruntukan di bawah jadual pertama yang menggariskan tentang pembayaran pampasan bagi tanah yang diambil. Sekiranya pemilik berdaftar ataupun orang yang berkepentingan tidak berpuas hati dengan tawaran dan pampasan yang diberikan, mereka boleh mengemukakan bantahan di mahkamah yang melibatkan perkara-perkara yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya satu Jawatankuasa Kabinet di Jabatan Perdana Menteri dibentuk dalam mengendalikan urusan ini, kementerian berpendapat ianya tidak diperlukan memandangkan seksyen yang sedia ada mencukupi dan kemampuan kementerian boleh mengatasi dan menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Sairin bin Karno telah memberi teguran dan saya mengambil kesempatan bagi pihak kementerian mengucapkan ribuan terima kasih di atas perbelanjaan yang dikatakan tidak dibelanjakan oleh kementerian berjumlah RM88 juta. Sesungguhnya, kata beliau, peruntukan ini kalau digunakan untuk membangun tanah-tanah di rancangan Sabah boleh mendatangkan manfaat yang lebih lagi. Ingin saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya tidak ada pembaziran, malahan tidak ada wang yang tidak digunakan. Yang RM88 juta ini bukanlah tidak digunakan, tetapi belum lagi digunakan. Kerana di antara program-program kementerian yang lewat

dilaksanakan adalah program-program seperti memberi pinjaman kepada FELCRA, iaitu badan pembangunan tanah di Sarawak sebanyak lebih daripada RM50 juta. Di atas kelewatan menandatangani perjanjian ini, maka disbursement, dengan izin, tidak dapat disempurnakan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara lain adalah kerana kelewatan melaksanakan membangun bangunan Jabatan Ukur di Perak dan juga melaksanakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) yang memakan belanja lebih keduanya daripada RM20 juta. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau diukur dari segi pembangunan tanah FELDA yang melaksanakan pembangunan tanah bagi pihak Kerajaan Persekutuan telah berjaya melaksanakan program mereka bukan sahaja mengikut jadual, malahan lebih awal daripada jadualnya.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya berkaitan dengan soal levi yang diminta oleh Yang Berhormat Senator dari Sabah supaya dikecualikan daripada dikenakan di Negeri Sabah. Sukacita saya menyatakan bahawasanya Dewan ini akan meminda Kanun Tanah Negara, dan Kanun Tanah Negara ini saya difahamkan tidak tertakluk kepada negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak. Oleh itu, di atas hal levi ini mengikut fahaman saya, tidak akan terkena kepada Sabah dan Sarawak kerana ianya tidak menggunakan Kanun Tanah Negara yang diamalkan di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, begitu sahajalah jawapan saya bagi pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Kalau ada lagi cadangan-cadangan Yang Berhormat telah kemukakan tidak dijawab, saya memberi jaminan bahawasanya semua cadangan-cadangan itu diambil kira dan akan dijadikan input di dalam penggubalan dasar kementerian dan juga di dalam pelaksanaan program-program oleh kementerian saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan.

6.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Puan Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari, Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacob dan Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud yang telah memberi perhatian kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Zainol Abidin bin Johari telah memberi pandangan bahawa kegagalan atlet negara dalam Sukan SEA ke-18 di Chiang Mai, Thailand adalah berpunca dari masalah disiplin dan komitmen yang kurang di kalangan ahli sukan Malaysia. Beliau juga mencadangkan supaya satu post-mortem dijalankan mengenai kegagalan negara mencapai sasaran 50 pingat yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud juga mencadangkan supaya kementerian mengambil tindakan menangani kemerosotan pencapaian atlet negara khususnya kelemahan pentadbiran persatuan dan kemerosotan disiplin atlet.

Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya memberi gambaran menyeluruh mengenai penyertaan kontinjen negara di Sukan SEA ke-18 di Chiang Mai yang diadakan dari 9hb. hingga 17hb. Disember, 1995.

Pertama, sejumlah 634 orang telah mewakili negara di pertandingan tersebut yang terdiri dari 151 orang pegawai dan 483 atlet.

Kedua, sebanyak 334 pingat emas, 334 pingat perak dan 421 pingat gangsa disediakan. Sebanyak 334 acara dipertandingkan dan atlet Malaysia hanya mengambil bahagian dalam 252 acara sahaja. Ini bermakna, kita telah kehilangan peluang untuk merebut 88 pingat emas. Ini disebabkan kita tidak mempunyai atlet langsung dan kalau ada pun tidak mempunyai kelayakan.

Ketiga, kecuali kontinjen Thailand dan Vietnam, kontinjen-kontinjen lain juga telah kehilangan pingat emas masing-masing iaitu Indonesia 11 pingat emas, 12 dari Malaysia, 24 dari Filipina dan 24 dari Singapura. Kemerosotan pencapaian pingat emas dibandingkan dengan pencapaian di Singapura pada tahun 1993 dan sasaran pingat 50, boleh disimpulkan kepada faktor-faktor berikut:

Pertama, pungutan pingat emas pasukan bowling dan olahraga menurun dibandingkan dengan tahun 1993. Di Chiang Mai, pasukan olahraga memenangi 8 pingat emas dibandingkan dengan 14 pada tahun 1993. Pasukan bowling hanya memenangi 2 pingat emas dibanding dengan 6 pada tahun 1993. Di samping itu, dua sukan iaitu karatedo dan wushu tidak dipertandingkan di Chiang Mai. Ini bermakna, kontinjen negara telah berkurangan sebanyak 15 pingat emas.

Kedua, prestasi atlet kita dalam sukan-sukan yang mempertandingkan banyak pingat masih rendah seperti olahraga, renang, menembak, gymnastik, angkat berat, tae kwando, tinju, silat olahraga dan kapal layar. Kelemahan ini ialah

kerana tidak ada atau berkurangnya program pembangunan atlet yang berkenaan dan berkesan.

Ketiga, prestasi dua sukan yang popular iaitu bola sepak dan sepak takraw yang merosot sekali dan gambaran yang kita terima seolah-olah keseluruhan prestasi sukan tanah air merosot, sedangkan pasukan snooker dan billiard menunjukkan prestasi yang cemerlang dengan memenangi 6 pingat emas.

Keempat, faktor-faktor lain seperti komitmen serta disiplin di kalangan atlet dan pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan dalam usaha untuk mengatasi perkara ini telah mengambil beberapa tindakan. Pertamanya, meminta semua persatuan yang terlibat mengemukakan laporan masing-masing menjelang pertengahan bulan Januari tahun hadapan supaya analisa yang lebih terperinci dapat dilaksanakan. Berikutnya tindakan-tindakan yang sesuai dapat dilaksanakan.

Kedua, mengadakan perjumpaan dengan semua persatuan sukan kebangsaan untuk mencari kata sepakat di atas usaha-usaha yang perlu dilaksanakan bagi mempertingkatkan prestasi sukan tanah air sama ada di Sukan Sea 97 atau lain-lain pertandingan antarabangsa.

Ketiga, membincangkan dengan persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang menawarkan banyak pingat seperti olahraga, renang, menembak dan angkat berat untuk mengadakan program jangka panjang yang lebih tersusun. Perbincangan ini penting untuk membolehkan pihak kementerian melalui Majlis

Sukan Negara mengambil peranan yang lebih aktif dalam merancang dan melaksanakan program-program ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Kelsom binti Yaacob membangkitkan mengenai persatuan belia yang tidak aktif dan mencadangkan supaya diwujudkan pemaju belia seperti pemimpin kumpulan belia yang diberi imbuhan bulanan. Beliau mengibaratkan masalah belia sebagai bom jangka jika ianya tidak diatasi dan juga mencadangkan supaya dibuat penilaian semula terhadap program Rakan Muda.

Sukacita saya maklumkan, bahawa kementerian sedar akan kelesuan setengah daripada persatuan-persatuan belia. Antara faktor-faktor yang telah dikenal pasti ialah, pertama

Tuan Hanipah bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, permintaan laluan.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Ya.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya difahamkan ada seramai 6,000 pertubuhan belia yang hidup segan mati tak mahu. Adakah perkara ini benar wujud dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan, kerana ini ada kaitan dengan rakan muda dalam rancangan kerajaan.

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, tidak ada satu ukuran yang muktamad di mana kementerian boleh menyatakan

mana-mana satu persatuan belia itu hidup segan mati tak mahu oleh kerana faktor yang kita mengukuri itu adalah satu yang subjektif. Walau bagaimanapun, pihak kementerian mengawasi dari segi aktiviti dan kepimpinan tiap-tiap persatuan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa kementerian sedar akan kelesuan setengah daripada persatuan-persatuan belia, antara faktor-faktor yang telah dikenal pasti ialah:-

- (i) ketiadaan pelan tindakan;
- (ii) sumber kewangan yang terhad untuk melaksanakan program;
- (iii) kekurangan pengetahuan pucuk kepimpinan dalam soal-soal pengurusan; dan
- (iv) pergelutan jawatan pemimpin dan kegiatan politicking.

Kementerian telah mengambil langkah untuk menambahkan lagi bilangan pemimpin belia yang berkelibar dan terlatih melalui program pembangunan kepimpinan belia. Adalah dijangka seramai 100,000 orang belia akan dilatih setiap tahun. Di peringkat pelaksanaan juga kementerian telah dan sedang mengaturkan untuk meramaikan pegawai untuk membantu menyemarakkan persatuan-persatuan belia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya dibuat penilaian semula terhadap program rakan muda, Kementerian Belia dan Sukan telah membuat penilaian program bermula pertengahan bulan Oktober. Di antara aspek yang dinilai ialah ketetapan conceptual programme, keberkesanan pelaksanaan dan

kekesan impak sosial dan ekonomi.

Dari laporan awal, penilaian yang dibuat atas tersebut adalah didapati program Rakan Muda perlu lebih menjurus kepada kumpulan sasaran yang berumur di antara 18 hingga ke 25 tahun dengan penekanan khusus kepada masalah sosial remaja. Hasil kajian tersebut, program Rakan Muda Fasa II iaitu Fasa Pembangunan akan melibatkan perubahan dari segi aktiviti teras dan mensi dan kumpulan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya sukacita mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang terlibat atas cadangan mereka kepada Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Di jempuan pihak Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

7.00 mlm.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Segala pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ali-ahli Yang Berhormat adalah sangat dihargai dan akan diberi perhatian serta diambil kira oleh kementerian dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Zainol Abidin bin Johari membangkitkan supaya mengawal kegiatan NGO, menubuhkan lebih banyak bilik-bilik mesin hemodialysis, mengenai pengemis, peruntukan kepada NGO dan beberapa perkara mengenai NGO. Adalah tidak dinafikan bahawa dalam negara ini, wujud lebih kurang 30,000 buah NGO yang terdiri daripada badan-badan yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat dan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat hanya bertanggungjawab ke atas NGO yang mengendalikan perkhidmatan dan kegiatan yang ada hubung kait secara langsung dengan perkhidmatan yang diselenggarakan oleh kementerian mengikut kumpulan sasar serta masalah yang dihadapi oleh mereka seperti kanak-kanak, juvana, wanita, orang cacat, orang tua, keluarga, komuniti dan badan kebajikan sukarela.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat itu sukaciata saya memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mewujudkan mekanisme bagi mengawal kegiatan badan kebajikan sukarela menerusi berbagai langkah seperti pertamanya, menyiasat serta memberi pandangan kepada Pendaftar Pertubuhan sebelum sesuatu badan sukarela didaftarkan.

Kedua, Pegawai Kebajikan Masyarakat yang menganggotai Jawatankuasa

Pentadbir Badan Kebajikan Sukarela yang telah berdaftar serta menerima geran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat memainkan peranan sebagai penasihat.

Ketiga, Pegawai Kebajikan Masyarakat menyelia serta melawat dari masa kesemasa bagi menentukan pengendalian aktiviti sejajar dengan objektif pertubuhan berkenaan.

Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menggalakkan NGO untuk mengendalikan pusat hemodialysis dengan kerjasama Jabatan Kesihatan setempat. Melalui Yayasan Kebajikan Negara, KPNNPM telah mengeluarkan bantuan untuk membekalkan mesin hemodialysis kepada 10 buah NGO seperti berikut:

Bil.	Nama Badan NGO	Unit	Harga (RM)
1	Perak Chinese Maternity Hospital	4	RM132,000
2.	Persatuan Bekas Perajurit Malaysia	10	RM275,795
3.	Badan Kebajikan Polis Diraja Malaysia	4	RM101,000
4.	Rotary Club, Batu Pahat	4	RM126,000
5.	Kiwanis Kelab Bangsar	4	RM128,000
6.	St. John Ambulans Malaysia	4	RM126,000
7.	Rotary Kelab, Pulau Pinang	4	RM126,000
8.	Pusat Hemodialysis, Manjung	2	RM 64,000
9.	Pusat Muhibbah Hemodialysis, Segamat	4	RM132,000

10.	Lions Club Muar	4	RM132,000
	JUMLAH		RM1,342,795

Mengenai pengemis, Jabatan Kebajikan Masyarakat menjalankan operasi serbuan bersama dengan agensi penguatkuasa lain dari masa kesemasa untuk membersihkan bandar daripada pengemis-pengemis. Meraka yang tidak mempunyai keluarga yang sanggup menjamin serta bertanggungjawab ke atasnya adalah dimasukkan ke Pusat Pemulihan Pengemis atau rumah orang tua di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mengenai peruntukkan kepada NGO, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan peruntukan tahunan yang berbentuk geran tahunan kepada NGO. Bagi tahun 1995 sahaja sejumlah RM14,057,000 telah diberi kepada 142 NGO. Kementerian sedar bahawa terdapat individu yang mengambil kesempatan memungut derma atas nama NGO. Untuk mengawal kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini, kerajaan telah mengeluarkan garis panduan mengenai kutipan derma melalui Pekeliling Am, Bil. 6 tahun 1987. Di antara syarat-syarat yang ditentukan adalah kutipan tidak boleh dibuat melalui orang perantaraan termasuk pemungut derma profesional. Berhubung dengan rupa bentuk pengenalan NGO, Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang mengambil tindakan mendaftarkan sukarelawan di seluruh negara di bawah Program Brigade Kebajikan Perdana. Setiap ahli akan dibekalkan dengan kad pengenalan diri seperti yang

dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Puan Kelsom binti Haji Othman, mencadangkan supaya bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA) diperbesarkan. Sukacita dimaklumkan bahawa HAWA merupakan agensi utama kerajaan yang menyelaras dan mengawasi program-program peningkatan status dan kemajuan wanita.

Puan Kelsom binti Yaacub: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada permintaan laluan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Boleh saya beri peluang, tetapi saya baru mulai hendak memberi penjelasan, jadi mahu dengar dahulu ataupun saya boleh.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak minta penjelasan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Okay.

Puan Kelsom binti Yaacub: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin membuat pembetulan, Kelsom binti Yaacub, bukan Kalthom Haji Othman.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, Kelsom Yaacub. Kalthom Haji Othman entah siapa pun tidak tahu. Tidak ada dalam Dewan ini nama Kelsom Haji Othman.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jadi, saya harap ini akan diperbetulkan.

Selaras dengan Dasar Wanita Negara, ia akan terus diperkukuhkan dengan penambahan kakitangan serta peningkatan kepakaran mulai tahun 1996. Di peringkat negeri dan daerah telah pun diwujudkan Jawatankuasa Perunding Hal

Ehwal Wanita yang menjadi saluran penyebaran maklumat mengenai isu-isu wanita ke peringkat akar umbi agar wanita di semua peringkat dapat dilibatkan bersama dalam melaksanakan program bagi manfaat mereka.

Yang Berhormat Senator Puan Faridah binti Abu Hassan membangkitkan mengenai perlindungan wanita. Saya harap ini betul.

Tuan Yang di-Pertua: Nama Faridah binti Abu Hasan - memang betul, tetapi tentang perlindungan saya tidak tahulah, betul atau tidak. Perlindungan wanita, betul atau tidak? Teruskan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa tidak sesiapa pun dapat mengelakkan diri daripada menjadi tua - sorry [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan membangkitkan mengenai perlindungan warga tua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, warga tua [*Ketawa*] Sila.

Tuan Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa tidak sesiapa pun dapat mengelakkan diri daripada menjadi tua. Justeru itu, setiap individu harus bertanggungjawab untuk berusaha bagi menjaga kesihatan, pemakanan dan keselamatan supaya tidak timbul masalah penjagaan ketika penuaan. Kerajaan telah mengambil langkah positif terhadap

mengingatkan rakyat agar lebih prihatin serta bersedia untuk menghadapi masalah berkaitan penuaan dengan mengisytiharkan 1hb Oktober, setiap tahun sebagai Hari Warga Tua.

Usaha ini telah mendapat sokongan padu daripada semua pihak yang meliputi agensi perkhidmatan awam, swasta, NGO dan media massa. Segala aspek keperluan warga tua adalah terangkum di dalam Dasar Warga Tua yang telah pun diluluskan oleh kerajaan. Tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menyusun pelan tindakan bagi merealisasikan dasar ini.

Bagi warga tua yang memerlukan jagaan dan perlindungan, mereka boleh mendapatkan perkhidmatan ini di rumah orang-orang tua yang disediakan oleh kerajaan, pihak swasta dan NGO mengikut kategori yang sesuai dengan keadaan mereka. Di samping itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan kewangan bagi membantu warga tua yang daif dan tidak berupaya untuk menyara hidup harian dalam bentuk bantuan orang tua sebanyak RM70.00 sebulan seorang.

Syarat untuk mendapatkan bantuan ini ialah wargatua yang telah berumur 60 tahun ke atas dan mempunyai tempat tinggal serta jiran atau kenalan yang sanggup mengambil tahu hal makan minum serta sakit demam warga tua yang berkenaan. Tujuan bantuan tersebut ialah untuk membolehkan warga tua terus tinggal bersama komuniti dan dapat pula menyertai kegiatan masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dr.

Ng Yen Yen kerana telah membangkitkan beberapa syor mengenai kementerian saya. Kementerian ini telah pun mengenal pasti dan mengambil tindakan beberapa perkara yang dibangkitkan. Di antaranya HAWA, sememangnya bertindak sebagai badan yang mengawasi NGO untuk melibatkan diri dalam usaha untuk meningkatkan status sosio dan ekonomi kaum wanita di negara ini.

- (i) Bagi menggalakkan NGO memainkan peranan yang lebih cekap dalam usaha menyokong usaha kerajaan untuk memajukan wanita, kementerian telah menyalurkan bantuan kewangan dan teknikal kepada beberapa pertubuhan bukan kerajaan ini.
- (ii) HAWA yang merupakan agensi utama kerajaan, menyelaras dan mengawasi program-program peningkatan status dan kemajuan wanita selaras dengan Dasar Wanita Negara akan terus diperkukuhkan agar ia dapat memberi sumbangan yang lebih mantap kepada kaum wanita untuk melibatkan diri secara lebih efektif di dalam setiap proses pembangunan negara.
- (iii) Berbagai-bagai undang-undang telah digubal untuk mengekal, memelihara dan melindungi hak-hak wanita. Kementerian ini akan dan sedang menyemak semula perundangan yang berbentuk diskriminasi terhadap wanita dan mencadangkan pindaan-pindaan yang diperlukan dari masa ke semasa.

- (iv) Berhubung dengan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, ianya masih belum boleh dilaksanakan lagi oleh kerana beberapa peruntukan di dalam akta tersebut masih perlu dibincangkan agar tidak berlakunya sebarang pertindihan dengan undang-undang yang sedia ada terutamanya undang-undang keluarga Islam. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan oleh Kementerian saya untuk membincangkan perkara ini.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas ulasan dan cadangan yang telah dikemukakan berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Mana-mana cadangan dan ulasan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, pihak Kementerian akan mengkaji dan meneliti cadangan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Menteri Kesihatan.

7.15 mlm.

Dato' M. Mahalingam: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dato', tadi sudah menjawab untuk Kementerian Sumber Manusia?

Dato' M. Mahalingam: Ya, dua Kementerian. Gaji yang satu juga.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Dahulu Timbalan, sekarang Setiausaha Parlimen.

Dato' M. Mahalingam: Itu yang lain. *[Ketawa]* Itu permintaan dari Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu, dengan izin, the lighter side to release pressure.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:
Yes, thank you. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Kesihatan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang telah menyokong dan mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1996.

Kementerian saya sedia mengkaji cadangan dan teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan melaksanakan sepertimana yang difikirkan sesuai dan munasabah.

Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen meminta kementerian ini membuat kajian dengan teliti mengenai Health Maintenance Organization (HMO), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kementerian Kesihatan Malaysia sedang dalam peringkat pengkajian teliti berkenaan cadangan pelaksanaan sistem organisasi penyelenggaraan kesihatan atau Health Maintenance Organization (HMO) bagi keperluan rakyat di negara ini.

Satu pengkajian menyeluruh, cermat yang tidak memihak 'unbias', dengan izin, akan dijalankan sebelum satu ketetapan atau garis panduan dibuat. Majlis Perubatan Malaysia pula telah menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji

dan menjelaskan konsep organisasi dan *modus operandi* sebenar organisasi berkenaan di mana perspektif etika profesion perubatan akan diberi penekanan. Laporan dan rujukan berkenaan performance yang sedang beroperasi di beberapa negara akan dikaji.

Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang membangkitkan mengenai kemudahan kesihatan di negeri Sarawak yang dikatakannya sangat kurang dan minta supaya Hospital Kecil Julau dinaikkan taraf menjadi Hospital Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, klinik kesihatan di pekan Julau baru sahaja dinaikkan taraf kepada sebuah pusat kesihatan di dalam Rancangan Malaysia Keenam dan seorang pegawai perubatan telah ditetapkan di sana.

Daerah Julau mempunyai seramai 31,000 penduduk dan pekan Julau berdekatan dengan Hospital Sarikei di mana semua mereka yang memerlukan rawatan lanjutan dirujuk. Perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Kesihatan Julau sekarang didapati mencukupi untuk penduduk di sana.

Yang Berhormat Tuan Abdul Salam bin Awang telah membangkitkan mengenai kekurangan hospital, peralatan perubatan, bilangan doktor dan jururawat yang masih belum mencukupi untuk menampung jumlah pesakit-pesakit yang bertambah dan mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan Malaysia mengatasi masalah ini dan minta lebih banyak hospital, membenarkan pembukaan lebih banyak hospital swasta, institusi latihan untuk para doktor dan jururawat, agar

bilangan doktor dan jururawat dapat ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan dan sememangnya kementerian ini sedang dan akan terus berusaha meningkatkan bilangan hospital-hospital, menambahkan bilangan pegawai perubatan dan jururawat yang sedang berkhidmat di dalam sektor kesihatan.

Kerajaan mengambil tindakan untuk menambah bilangan hospital. Pada masa sekarang, terdapat sebanyak 112 buah hospital kerajaan dengan 32,246 bilangan katil untuk kegunaan pesakit-pesakit yang kurang mampu dan sebanyak 197 buah hospital swasta dengan 6,727 bilangan katil untuk kegunaan pesakit yang berkemampuan mendapat perkhidmatan ini.

Berkenaan alat pembedahan, Kementerian Kesihatan membelanjakan hampir RM70 juta di bawah Belanja Mengurus untuk pembekalan alat yang canggih untuk rawatan penyakit.

Antara usaha-usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan membuka fakulti perubatan yang baru di universiti-universiti tempatan sebagai tambahan kepada 3 fakulti yang sedia ada di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia. Dua universiti berkaitan adalah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Islam Antarabangsa atau UIA.

Kedua-dua universiti ini telah mengambil pelajar di bidang perubatan

bermula dari sesi 1995/1996. Selain daripada itu, kementerian juga terus menggalakkan kolej-kolej swasta untuk terlibat sama dalam menyediakan kemudahan latihan bagi pelajar-pelajar perubatan. Kolej Perubatan Antarabangsa atau IMC dan Kolej Perubatan ASEAN (AMC) telah menyambut seruan kerajaan dengan pengambilan pertama dalam jurusan ini pada tahun 1993. Sebuah lagi kolej yang akan memulakan fakulti perubatannya adalah Kolej Perubatan Pulau Pinang (PMC) di mana pengambilan pertama pelajar dijangka dibuat pada tahun 1996.

Mengenai langkah-langkah mengatasi kekurangan jururawat pula, Kementerian Kesihatan pula telah membuka 3 buah institusi latihan baru dalam usaha menambah bilangan institusi latihan kejururawatan yang sedia ada. 2 buah sekolah di Johor, masing-masing di Batu Pahat dan Segamat dan sebuah lagi di Kulim, Kedah. Di samping itu juga, kementerian ini sedang giat meningkatkan taraf 28 buah institusi kejururawatan yang beroperasi supaya bilangan graduan kejururawatan dapat ditingkatkan daripada 1,700 kepada lebih kurang 2,700 orang.

Yang Berhormat Datuk Maidom P. Pansai telah membangkitkan mengenai kemudahan rawatan bagi penyakit jantung, kanser dan penyakit buah pinggang yang pada masa ini tidak terdapat di Sabah menyebabkan pesakit di Sabah terpaksa dirujuk ke Hospital Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kemudahan untuk rawatan penyakit buah pinggang sedia terdapat di 3 buah hospital di Sabah

pada masa ini iaitu Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Hospital Tawau dan Hospital Sandakan. Pihak kementerian ini bersedia mengkaji untuk memperluaskan kemudahan-kemudahan tersebut di masa akan datang.

Sementara itu, kemudahan-kemudahan rawatan penyakit kanser, pembedahan jantung dan lain-lain kemudahan rawatan yang berteknologi tinggi akan disediakan oleh kementerian ini secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan. Dalam masa yang sama, kementerian ini juga sedang mendapatkan perkhidmatan radioterapi bagi pesakit kanser di Sabah daripada pihak swasta.

Sekian sahaja jawapan yang dapat saya berikan ke atas teguran-teguran yang dibangkitkan. Sekiranya terdapat teguran-teguran Ahli Yang Berhormat yang tidak dijawab di Dewan yang mulia ini, ia akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Kementerian Pengangkutan. Oh, sudah habis, ya? Yang akhir sekali ialah Kementerian Kewangan. Silakan.

7.24 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 1996 dan memberi pandangan-pandangan yang bernas, khususnya yang menyentuh peranan Kementerian Kewangan.

Kerajaan berbangga dengan penerimaan baik oleh masyarakat umum terhadap Belanjawan 1996. Daripada perbahasan-perbahasan di Dewan yang mulia ini, saya berpendapat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat juga menyambut baik belanjawan yang dibentangkan dan dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1996 yang menyentuh mengenai isu berkaitan dengan Kementerian Kewangan ialah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Ali, Senator Dato' Zainol Abidin bin Johari, Senator M.G. Pandithan, Senator Janggu Anak Banyang, Senator Datuk Johan B.O.T. Ghani, Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Senator Faridah binti Abu Hassan, Senator Hajah Rahaiah binti Baheran, Senator Hajah Zaleha binti Hussin, Senator Haji Abdul Salam bin Awang, Senator Tan Son Lee, Senator Kelsom binti Yaacub, Senator Ng Yen Yen dan Senator Mohd. Zain bin Haji Mat Daud.

Mengenai saranan supaya kerajaan mempertingkatkan peruntukan dan program untuk rakyat termiskin serta memesatkan lagi pembangunan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, saya ingin menegaskan bahawa tunjang pembangunan sosio-ekonomi negara akan terus menyelaraskan pembasmian kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat jelata, terutamanya rakyat kita di luar bandar bagi merapatkan jurang ekonomi serta keadaan kehidupan antara kawasan dan kumpulan pendapatan.

Bagi tahun 1996, iaitu tahun pertama Rancangan Malaysia Ketujuh, projek-projek dan program-program bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat luar bandar dan pembasmian kemiskinan telah pun diberi peruntukan yang lebih besar dalam Belanjawan 1996 selaras dengan usaha kerajaan mewujudkan keadilan sosial dan masyarakat penyayang.

Mengenai isu peruntukan pembangunan yang sentiasa tidak habis dibelanjakan, kerajaan memandang serius masalah kurang belanja ini kerana selain daripada implikasi peruntukan yang tidak dibelanjakan, kelewatan menyiapkan projek akan juga menjejaskan pembangunan sektor ekonomi negara terutama dalam penyediaan prasarana yang sangat diperlukan dalam sektor pendidikan, kesihatan dan perumahan.

Untuk mengatasi masalah-masalah yang melewatkan pelaksanaan projek, pegawai-pegawai telah diberi ingatan melalui garis panduan bagi penyediaan cadangan perbelanjaan dan pengesanan prestasi perbelanjaan tahunan Kerajaan Persekutuan supaya membuat perancangan pelaksanaan bagi setiap projek dan menentukan keperluan kewangan yang dipohon adalah mengikut aliran tunai berdasarkan peringkat pelaksanaan dan unjuran yang lebih tepat.

Di antara lain, garis panduan meminta pegawai-pegawai pengawal mengambil perhatian ke atas perkara-perkara berikut:

- (i) Memastikan pengambilan tapak projek telah selesai.
- (ii) Mewujudkan jentera pengawasan pelaksanaan projek

di peringkat kementerian dan jabatan dan di peringkat bawah dalam bentuk Jawatankuasa Penyelaras untuk mengawasi kemajuan pelaksanaan fizikal projek supaya kementerian dan jabatan dapat bertindak awal bagi mengatasi apa juga kemungkinan serta untuk memastikan pelaksanaan projek tidak tergendala.

Pegawai pengawal dikehendaki mengesan kemajuan projek melalui laporan berjadual daripada agensi-agens pelaksana supaya kedudukan sebenar projek dilaksanakan sentiasa diawasi.

Kementerian dan jabatan hendaklah sentiasa mengamalkan sikap proaktif dalam pengawasan dan pengesanan projek-projek di bawah kawalan mereka supaya masalah-masalah yang timbul dapat diatasi dengan pantas.

- (iii) Memaklumkan kepada agensi pelaksana mengenai peruntukan bagi projek yang diluluskan sebaik sahaja kelulusan peruntukan diterima. Pegawai pengawal juga hendaklah memastikan waran peruntukan dikeluarkan dengan segera kepada agensi pelaksana.

Berhubung dengan masalah perlantikan juru perunding dan kontraktor,

Perbendaharaan telah memperkemas peraturan-peraturan mengenai perolehan perkhidmatan juru perunding melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1993. Perbendaharaan bersama pelbagai agensi yang lain sedang menggubal garis panduan untuk penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kontrak di setiap kementerian dan jabatan bagi mengawasi dan mengesan perbelanjaan kontrak. Di samping itu, tindakan tegas juga akan diambil terhadap kontraktor-kontraktor yang gagal menyempurnakan kontrak mereka. Komitmen semua pihak adalah diperlukan dalam perancangan pengawasan serta pelaksanaan projek-projek pembangunan supaya matlamat akhirnya, iaitu pembangunan sosio-ekonomi tidak terjejas.

Mengenai dakwaan bahawa syarikat-syarikat biasa tidak boleh bertanding di dalam syarikat awam yang disenaraikan dalam mendapat kontrak, ianya tidak benar sama sekali. Ini adalah kerana misalnya, dalam Projek KLIA, ada juga syarikat sendirian berhad atau private merchant companies yang berjaya memperolehi tender kontrak.

Bagi mengatasi bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan oleh Kerajaan Negeri, Kementerian Kewangan telah pun menguatkuasakan Fasal 98 (2), Perlembagaan Persekutuan untuk memotong geran peruntukan kepada negeri-negeri untuk tujuan membayar balik pinjaman tertunggak. Pemotongan ini dibuat dari pemberian mengikut jumlah penduduk dan penyelenggaraan jalan raya sahaja kerana pemotongan pemberian Kerajaan Persekutuan lain kepada negeri-negeri

tidak boleh dibuat kerana Perlembagaan tidak membenarkannya. Sebagai contoh, pada tahun 1995, potongan telah dibuat sebanyak RM5.98 juta bagi negeri Kelantan.

Mengenai dakwaan bahawa keadaan inflasi masih tinggi, terutamanya harga simen dan kertas, suka dinyatakan bahawa keadaan inflasi semasa adalah menggambarkan purata harga barangan dan perkhidmatan pengguna di seluruh negara dan bukannya sesuatu barangan tertentu sahaja. Oleh itu, keadaan inflasi pada kadar 3.5% bagi tempoh Januari - November 1995 adalah mengambil kira kenaikan harga secara keseluruhan dan bukanlah sesuatu yang palsu. Namun demikian, usaha sedang diambil bagi memperolehi maklumat kenaikan harga yang lebih terperinci mengikut kawasan dan golongan pendapatan.

Terdapat juga Ahli Yang Berhormat yang bimbang mengenai kenaikan harga kereta Proton semenjak kebelakangan ini. Perlu ditegaskan bahawa peningkatan mata wang Yen dan kos pengeluaran adalah di luar kawalan pengilang hingga melibatkan kenaikan harga Proton. Namun begitu, EON dan Proton akan terus diperingatkan untuk mencari jalan mengurangkan kos pengeluaran supaya ianya tidak membebankan pengguna.

Baru-baru ini EON telah menurunkan kadar faedah pinjaman bagi pembelian kereta Proton dari 8% kepada 7%. Ini sedikit sebanyak boleh mengurangkan beban pembeli.

Mengenai sedikit perbezaan harga Proton di dalam dan di luar negeri, ini

adalah disebabkan perbezaan spesifikasi, aksesori dan struktur cukai negara yang berlainan.

Mengenai dakwaan bahawa Bank Negara Malaysia telah gagal mengawal bank-bank perdagangan, saya ingin menyatakan bahawa secara keseluruhannya kerajaan berpuas hati dengan prestasi Bank Negara Malaysia sebagai institusi yang bertanggungjawab mengawal dan menyelia institusi kewangan dan insurans di negara ini. Secara khususnya, saya ingin menjawab satu persatu dakwaan tersebut.

Pertama, kesemua bank perdagangan yang menubuhkan firma atau menjalankan kegiatan broker saham perlu memperolehi kelulusan Bank Negara terlebih dahulu. Oleh itu, tidak terdapat kes di mana penubuhan firma broker saham telah dibuat oleh bank perdagangan tanpa kelulusan Bank Negara Malaysia.

Kedua, tidak terdapat Bank Negara Malaysia yang telah membuka cawangan di Republik Rakyat China. Setakat ini terdapat dua buah bank perdagangan yang membuka pejabat perwakilan di negeri China dengan kelulusan daripada Bank Negara, iaitu Malayan Banking Berhad di Beijing dan Public Bank di Beijing, Tianjin dan Shanghai.

Ketiga, sehubungan dengan huraian di atas, tuduhan bahawa tiada tindakan yang dibuat oleh Bank Negara berhubung kesalahan yang dibuat adalah tidak berasas sama sekali.

Isu mengenai majikan yang gagal mencarum kepada KWSP dan penubuhan

skim insurans juga telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta KWSP 1991 mempunyai peruntukan khusus untuk mengatasi masalah majikan yang gagal mencarum. Antara peruntukan yang terdapat ialah memperuntukkan bahawa sesiapa sahaja yang memulakan sesuatu perniagaan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 mesti tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh pendaftaran syarikat memaklumkan kepada KWSP tentang penubuhan syarikat tersebut. Tujuan kerajaan menyediakan peruntukan tersebut ialah untuk memastikan semua majikan mencarum bagi pihak pekerja-pekerja mereka, iaitu untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja di negara ini.

Selain itu, Akta KWSP 1991 juga memberi kuasa kepada KWSP untuk meminta maklumat dan menggelidih serta menghalang majikan yang berhutang dengan KWSP daripada meninggalkan negara. Di samping itu, seksyen 43(2) Akta KWSP 1991 juga memperuntukkan hukuman bagi majikan yang gagal membayar caruman.

Di samping kuasa-kuasa yang ada di bawah Akta KWSP 1991, KWSP juga telah mengambil langkah-langkah pentadbiran bagi mengatasi masalah tersebut. Antaranya ialah mewujudkan pejabat-pejabat negeri dan menambah bilangan pejabat tempatan, menambah bilangan pemeriksa yang bertanggungjawab untuk menjalankan penyiasatan serta pemeriksaan ke atas majikan yang gagal mencarum. Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan skim insurans KWSP

bagi melindungi pekerja jika berlaku kemalangan kerana KWSP ditubuhkan untuk mengadakan faedah persaraan kepada kaum pekerja yang berasaskan konsep simpanan. Pada masa sekarang pekerja yang mengalami kemalangan semasa bekerja telah diberi perlindungan di bawah skim PERKESO.

Mengenai agihan peruntukan kepada masyarakat luar bandar di Sarawak, sukacita ditegaskan bahawa kesejahteraan masyarakat luar bandar di seluruh negara, termasuklah negeri Sarawak, sentiasa mendapat perhatian utama kerajaan dalam pelaksanaan rancangan pembangunan. Kerajaan melalui kementerian atau jabatan-jabatan yang berkaitan telah menyediakan peruntukan yang banyak bagi program pembangunan luar bandar dengan tujuan untuk mengangkat tahap kesejahteraan penduduk luar bandar. Pada tahun 1996, sebanyak RM789.8 juta perbelanjaan pembangunan telah diperuntukan untuk Sarawak. Daripada jumlah ini, sebanyak RM240 juta adalah bagi membiayai pelbagai projek di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sebanyak RM13 juta ialah untuk projek bekalan air, manakala sebanyak RM50 juta adalah untuk bekalan elektrik bagi negeri Sarawak.

Berkaitan dengan cadangan supaya lebih banyak pusat kesihatan diwujudkan di luar bandar di Sarawak, ingin saya maklumkan bahawa peruntukan sebanyak RM78 juta adalah disediakan untuk projek pembangunan kesihatan di negeri Sarawak. Di antara projek yang akan dilaksanakan pada tahun 1996 ialah Hospital Bintulu dan Hospital Dalat dan sebanyak 13 projek kesihatan awam yang

meliputi pusat kesihatan, klinik desa, poliklinik dan klinik pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran berkaitan isu-isu di bawah Kementerian Kewangan. Sungguhpun saya tidak dapat mengupas semua perkara yang dibangkitkan satu persatu, segala pandangan yang telah dikemukakan akan dikaji dan dipertimbangkan dalam penggubalan dasar kerajaan bagi menjamin ke arah pertumbuhan ekonomi negara yang mampan dan mempertingkatkan kesejahteraan segenap lapisan masyarakat di negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah suatu Akat bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1996 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua sekarang dan disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.37 malam

